

Jurnal PENTERJEMAH

(Journal of the Malaysian Translators Association)



Januari-Disember/January-December 2022
Jilid/Volume XXIV
Bil. /No. 1 & 2

Jurnal PENTERJEMAH

(Journal of the Malaysian Translators Association)

Januari-Disember/*January-December* 2022

Jilid/*Volume* XXIV

Bil. /*No.* 1 & 2

ISSN: 2180-0790

URUSAN LANGGANAN

Urus Setia PPM

Persatuan Penterjemah Malaysia

171-A, Aras 1, Jalan Maharajalela

50150 Kuala Lumpur

Tel: 603-9226 2506

Faks: 603-2142 4381

<http://www.malaysiantranslatorsassoc.com>

terjemah1@gmail.com

FB: Persatuan Penterjemah MALAYSIA

Kandungan

Contents

Sidang Redaksi

Editorial Board

Jawatankuasa Induk PPM

MTA Main Committee

Prakata

Foreword

Januari-Jun/*January-June* 2022

Jilid/*Volume* XXIV

Bil./*No.*1

- | | | |
|----|--|----|
| 1. | Penterjemahan Unsur Budaya dalam Komik daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Arab
Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin, Muhammad Arsyad Abdul Majid & Norhazlina Husin
<i>Universiti Teknologi MARA</i> | 9 |
| 2. | Sociolinguistic Challenges in Translating Dyslexia Screeners from English to the Malay Language
Amirah Nabilah Zafrulshamirza, Aida A. Rahman & Mawaddah Salleh
<i>Universiti Teknologi Malaysia</i> | 23 |
| 3. | Pandemik Covid-19 dan Implikasinya Terhadap Pelaksanaan Projek Terjemahan
Hanisah Hasbolah, Nur Fariha Mohd Fariz & Hasuria Che Omar
<i>Universiti Sains Malaysia</i> | 33 |
| 4. | A Contrastive Analysis of Figurative Language and Visual Imagery in "The Little Prince"
Nurshahirah Azman
<i>Universiti Teknologi MARA</i> | 48 |
| 5. | Pelatihan dalam Terjemahan Audiovisual: Satu Perkongsian Pengalaman
Adriana Hanum Anuar, Nor Fariha Mohd Fariz & Hasuria Che Omar
<i>Universiti Sains Malaysia</i> | 59 |
| 6. | Ulasan Buku: 1984
Aida Harun Ramli
<i>Penterjemah Bebas</i> | 72 |

1.	Interpretasi Bahasa Isyarat: Perbezaan dan Persamaan dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM)	78
	Siti Zaharah Abdul Rahim & Leelany Ayob <i>Universiti Sains Malaysia</i>	
2.	Analisis Kesalahan Draf Skrip Projek Akhir Pelajar Tahap 1 Kursus Bahasa Perancis Melalui Aplikasi <i>Google Translate</i>	95
	Saidah Ismail, Norliza Che Mustafa & Nurul Amirah Khairul Amali <i>Universiti Teknologi MARA</i>	
3.	Penterjemahan Berasaskan Khalayak dalam Kalangan Peminat K-Pop	108
	Ummi Umairah Kahar & Hasuria Che Omar <i>Universiti Sains Malaysia</i>	
4.	Hermeneutics Approach in Translating and Adapting Scientific Facts into Science Fiction Stories	125
	John Cham <i>Persatuan Penterjemah Malaysia</i>	
5.	Terjemahan Puisi	131
	Raja Rajeswari Seetha Raman <i>Persatuan Penterjemah Malaysia</i>	
6.	Ulasan Buku: <i>THE GHOST WISDOM</i>	133
	Raja Rajeswari Seetha Raman <i>Persatuan Penterjemah Malaysia</i>	
7.	Laporan Aktiviti Persatuan Penterjemah Malaysia 2022	137

SIDANG REDAKSI
EDITORIAL BOARD

Penasihat/Advisor

Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan

Ketua Editor/Chief Editor

Dr. Hasmidar Hassan

Sidang Redaksi/Editorial Board

Dr. Hasuria Che Omar

Dr. Rokiah Awang

Dr. Norwati Md. Yusoff

Dr. Syed Nurul Akla Syed Abdullah

Dr. Norhazlina Husin

Pn. Sa'odah Abdullah

Dr. Dahlina Daut Mohmud

Dr. Chow Yean Fun

Penasihat Antarabangsa/International Advisory Board

Prof. Anthony Pym (Universiti Melbourne, Australia)

Prof. Zhang Mei Fan (Universiti Macau, China)

Prof. Rudy Hartono (Universitas Negeri Semarang, Indonesia)

Prof. Roosfa Hashim (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia)

Prof. Majdi Hj. Ibrahim (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia)

Pewasit

Dr. Hasmidar Hassan

Dr. Norwati Md Yusof

Dr. Anis Shahirah Abd Sukur

Dr. Norhazlina Husin

Dr. Wan Rose Eliza Abdul Rahman

JAWATANKUASA INDUK/ MAIN COMMITTEE
PERSATUAN PENTERJEMAH MALAYSIA
MALAYSIAN TRANSLATORS ASSOCIATION
2021-2023

Presiden/President

Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan

Naib Presiden/Vice-President

Dr. Hasuria Che Omar

Setiausaha Kehormat/Honorary Secretary

Pn. Sa'odah Hj. Abdullah

Penolong Setiausaha Kehormat/Assistant Honorary Secretary

Dr. Dahlina Daut Mohmud

Bendahari Kehormat/Honorary Treasurer

Pn. Fatimah Zainal

Ahli Jawatankuasa/Committee Members

Prof. Madya Dr. Salinah Jaafar

Dr. Syed Nurulakla Syed Abdullah

Dr. Hasmidar Hassan

Dr. Ilangkumaran a/l Sivanadhan

En. Muhammad Razin Ong Abdullah

Dr. Noor Ida Ramli

Dr. Rusmadi Baharudin

Juruaudit/Auditors

Pn. Hjh. Rodziah Abdullah

Pn. Haniza Lockman

PRAKATA FOREWORD

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Jurnal Penterjemah terbitan Persatuan Penterjemah Malaysia sekali lagi dapat menemui pembaca sekalian melalui Edisi 2022. Edisi 2022 kali ini mengetengahkan sembilan makalah yang membincangkan pelbagai tajuk dan isu yang berbeza dalam bidang penterjemahan. Tajuk dan isu ini dipilih khas daripada kertas kerja yang telah dibentangkan pada Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18, 2021 (PPA-12, 2021), dan telah diubah suai kepada bentuk makalah. Antara tajuk yang disenaraikan pada Bil. 1 edisi kali ini ialah *Penterjemahan Unsur Budaya dalam Komik Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Arab*, *The Sociolinguistic Challenges in Translating Dyslexia Screeners from English to The Malay Language*, dan *Pandemik COVIC-19 dan Implikasinya Terhadap Pelaksanaan Projek Terjemahan*. Makalah yang bertajuk *A Contrastive Analysis of Figurative Language and Visual Imagery in "The Little Prince"* serta *Pelatihan dalam Terjemahan Audiovisual: Satu Perkongsian Pengalaman* turut dimuatkan dalam edisi kali ini.

Selain itu, dalam Bil. 2, edisi ini memuatkan makalah yang bertajuk *Interpretasi Bahasa Isyarat: Perbezaan dan Persamaan dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM)*, *Analisis Kesalahan Draf Skrip Projek Akhir Pelajar Tahap 1 Kursus Bahasa Perancis melalui Aplikasi Google Translate* serta *Penterjemahan Berasaskan Khalayak dalam Kalangan Peminat K-Pop*. Edisi kali ini turut memuatkan sumbangan penulisan oleh pengamal, yang penulisannya agak ringan dan santai. Dua tajuk telah dipilih, iaitu *Hermeneutics Approach in Translating and Adapting Scientific Facts into Science Fiction Stories* dan *Terjemahan Puisi*.

Seperti biasa, dua ulasan buku turut ditampilkan, pertamanya ialah ulasan buku *1984* oleh Aida Harun Ramli, penterjemah bebas yang berkongsi pengalaman sebenar dalam menterjemah buku ini. Ulasan buku *The Ghost Wisdom* pula ditulis oleh Raja Rajeswari Seetha Raman. Pastinya, banyak input dan maklumat yang dapat dimanfaatkan oleh pembaca dalam edisi kali ini.

Akhir kata, walaupun kita masih berhadapan dengan pandemik COVID-19 dan mudah-mudahan berubah menjadi endemik, namun semangat untuk terus menjalankan kajian dan menulis hal berkaitan dengan terjemahan masih tetap menebal dalam kalangan ahli akademik, pengamal dan penterjemah bebas di seluruh Malaysia. Jurnal Penterjemah sekali lagi mengalu-alukan sumbangan tuan dan puan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan perkembangan terkini dalam bidang penterjemahan agar ilmu dan maklumat ini dapat terus disebarluaskan kepada para penyelidik, ahli akademik, pengamal dan penterjemah bebas, juga pembaca umum di Malaysia dan di luar Malaysia.

Selamat membaca!

Ketua Editor

Hasmidar Hassan

Assalamualaikum and good day,

The Journal of Malaysian Translator has once again been able to meet the readers through the November/December 2022 Edition. This 2022 edition features nine papers that discuss various topics and different issues in the field of translation. These topics and issues were specially selected from papers presented at the 18th International Translation Conference, 2021 (PPA-12, 2021), and have been modified into an article. Among the titles listed in Vol. 1 edition is *Penterjemahan Unsur Budaya dalam Komik Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Arab*, *The Sociolinguistic Challenges in Translating Dyslexia Screeners from English to The Malay Language*, and *Pandemik COVID-19 dan Implikasinya Terhadap Pelaksanaan Projek Terjemahan*. Papers entitled *A Contrastive Analysis of Figurative Language and Visual Imagery in "The Little Prince"* and *Training in Audiovisual Translation: A Sharing of Experiences* are also included in this edition.

In addition, this volume contains papers entitled *Interpretasi Bahasa Isyarat: Perbezaan dan Persamaan dalam Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM)*, *Analisis Kesalahan Draf Skrip Projek Akhir Pelajar Tahap 1 Kursus Bahasa Perancis melalui Aplikasi Google Translate* and *Penterjemahan Berasaskan Khalayak dalam Kalangan Peminat K-Pop*. This edition also contains contributions from practitioners, whose writing is quite light and relaxed. Two titles were chosen, namely *Hermeneutics Approach in Translating and Adapting Scientific Facts into Science Fiction Stories* and *Poetry Translation*. As usual, two book reviews are also featured, the first is a 1984 book review by Aida Harun Ramli, a freelance translator who shares her real experience in translating this book. The review of *The Ghost Wisdom* book was written by Raja Rajeswari Seetha Raman. Certainly, there are a lot of input and information that readers can take advantage of in this edition.

Finally, although we are still dealing with the COVID-19 pandemic and hopefully it will turn into an endemic, the spirit to continue researching and writing about translation-related matters is still growing among academics, practitioners, and freelance translators throughout Malaysia. Jurnal Penterjemah once again welcomes your contributions to share knowledge, experience, and the latest developments in the field of translation so that this knowledge and information can continue to be disseminated to researchers, academics, practitioners, and freelance translators, as well as general readers in Malaysia and outside Malaysia.

Editor-in-Chief

Hasmidar Hassan

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM KOMIK DARIPADA BAHASA MELAYU KEPADA BAHASA ARAB

Ahmad Jalaluddin Al-Islami Moh Shin, Muhammad Arsyad Abdul Majid & Norhazlina Husin
Universiti Teknologi MARA

ABSTRAK

Penterjemahan unsur budaya merupakan proses mentafsir unsur budaya dalam sesuatu teks dan menghasilkan semula makna unsur budaya dalam teks tersebut daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Makalah ini membincangkan penterjemahan unsur budaya dalam komik *Tiflu Al-Qaryatt* dalam bahasa Arab yang diterjemahkan daripada komik *Budak Kampung* dalam bahasa Melayu. Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam kedua-dua teks dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur budaya. Penulisan ini mengemukakan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Gabungan kategori unsur budaya oleh Newmark (1988) dan Aziz & Muftah (2000) serta prosedur terjemahan budaya yang dikemukakan oleh Newmark (1988) digunakan dalam penulisan ini. Sebanyak empat belas sampel dipilih secara rawak untuk dianalisis. Pemerhatian mendapati unsur budaya yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* memberikan cabaran kepada penterjemah untuk diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Penterjemah juga telah menggunakan sembilan prosedur terjemahan, iaitu prosedur pemindahan, persamaan deskriptif, literal, persamaan budaya, persamaan fungsi, nota tambahan, naturalisasi dan modulasi. Dapatan analisis menunjukkan pemilihan prosedur terjemahan yang betul dapat membantu penterjemah memberikan makna terjemahan yang tepat. Penulisan ini diharapkan dapat membantu pengkaji terjemahan tentang prosedur yang sesuai digunakan untuk menterjemah unsur budaya bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab.

Kata kunci: penterjemahan komik, unsur budaya, prosedur terjemahan.

ABSTRACT

Translation of cultural elements is the process of interpreting cultural elements in a text and reproducing the meaning of cultural elements in the text from the source language to the target language. This paper discusses the translation of cultural elements from Malay to Arabic found in the Budak Kampung comics with the translated text of Tiflu Al-Qaryatt in Arabic. The objective of this study was to identify the cultural elements found in both texts and to analyse the translation procedures used by translators to translate cultural elements. This writing presents a qualitative study using content analysis to obtain data. A combination of cultural element categories by Newmark (1988) and Aziz & Muftah (2000) and cultural translation procedures put forward by Newmark (1988) were used in the analysis. A total of fourteen samples were randomly selected for analysis. This analysis found that the cultural elements found in Budak Kampung comics challenge translators to translate into the target language. The results showed that the translators used nine translation procedures namely transference procedure, descriptive equivalent, literal, cultural equivalent, functional equivalent, additional notes, naturalisation and modulation. The findings of the analysis show that the selection of the correct translation procedure can help translators give the meaning of the correct translation. It is hoped that this writing can help translation researchers on the appropriate procedures used to translate Malay cultural elements into Arabic.

Keywords: Comic translation, cultural elements, translation procedures

PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan komik sebagai buku yang mengandungi cerita, yang disertai dengan gambar-gambar yang melucukan. Eisner (1985), dalam bukunya menyatakan bahawa komik ialah sebuah bentuk bahan bacaan yang terdiri daripada gambar yang saling berurutan. Setiap gambar yang berurutan disertakan teks dalam bahasa yang tertentu untuk memberikan kefahaman kepada pembaca tentang cerita yang ingin disampaikan.

Bahasa merujuk sistem komunikasi manusia yang digunakan untuk kehidupan seharian (Oey, 2016). Komunikasi antara manusia yang mempunyai pelbagai budaya boleh difahami melalui aktiviti terjemahan (Ahmed Maher, 2017). Oleh yang demikian, terjemahan ialah jambatan penghubung bagi membantu manusia memiliki pengalaman dan memahami budaya yang terdapat dalam sesuatu teks termasuklah komik.

Catford (1965) mendefinisikan terjemahan sebagai penggantian bahan teks dalam satu bahasa (bahasa sumber) dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain (bahasa sasaran). Nida & Taber (1969) pula mentakrifkan terjemahan sebagai penyalinan semula ke dalam bahasa penerima maklumat daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan sejadi dari segi makna bahasa dan gayanya. Melalui takrifan Nida & Taber (1969), ketika menterjemah, aspek utama yang perlu ditekankan oleh penterjemah adalah mencari padanan makna dan gaya. Newmark (1988) pula menyatakan terjemahan ialah aktiviti menterjemah maksud teks ke dalam bahasa lain atau bahasa sasaran berdasarkan kehendak penulis teks bahasa sumber. Sarjana terjemahan tempatan pula mentakrifkan penterjemahan sebagai proses mentafsir sesuatu teks dan menghasilkan semula teks tersebut dalam bahasa lain (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012).

Maka, berdasarkan definisi para sarjana di atas, boleh disimpulkan bahawa penterjemahan melibatkan dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran, keupayaan memindahkan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, dan berusaha mendapatkan padanan yang paling hampir dengan bahasa penerima.

Dalam penterjemahan teks komik, seseorang penterjemah perlu memahami kedua-dua bahasa agar mesej dan makna penulis bahasa sumber dapat disampaikan dengan jelas dan tepat kepada pembaca bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana teks komik sudah tentu mengandungi pelbagai elemen budaya masyarakat setempat. Oleh itu, penterjemah haruslah berhati-hati dalam memilih kaedah, strategi dan prosedur terjemahan ketika melakukan proses terjemahan. Penterjemah perlu menganalisis teks sumber secara kritis, berunding dengan pelbagai sumber untuk mencapai atau mengesahkan pemahaman, dan cuba mengungkapkan keseluruhan makna teks sumber dengan cara yang semula jadi (Li Changshuan, 2018).

Penterjemahan unsur budaya yang terdapat dalam komik bukanlah suatu tugas yang mudah. Kajian terdahulu membuktikan bahawa terdapat kesukaran ketika menterjemah kata, frasa dan ayat yang mengandungi unsur budaya (Ahmad Jalaluddin *et al.*, 2021; Aminoh, 2019; Arnida & Lubna, 2021; Aziz & Muftah, 2000; Nadzirah, 2017; Newmark, 1988) Menurut Arnida & Lubna (2021), antara faktor yang menyumbang kesukaran menterjemah unsur budaya adalah terdapatnya jurang serta kelainan budaya dan bahasa yang wujud antara teks sumber dengan teks sasaran. Selain itu, nilai-nilai budaya yang diamalkan berbeza-beza antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Tambah Larson (1998), setiap bangsa mempunyai sudut pandangnya yang sendiri, dan atas sebab itu terdapat banyak kata yang kelihatan sama tetapi memberikan makna tidak sepadan dalam bahasa penerima.

KAJIAN LITERATUR

Menurut Nida (1991), perbezaan antara budaya bahasa sumber dan budaya bahasa sasaran merupakan sesuatu perkara yang lebih rumit dibandingkan dengan perbezaan struktur kata bagi kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kenyataan ini turut disokong oleh Aziz & Muftah (2000) dengan menyatakan terjemahan silang budaya merupakan isu yang paling sukar dan bermasalah.

Kajian tentang cabaran yang dihadapi oleh penterjemah dalam menterjemah unsur budaya sememangnya mendapat perhatian pengkaji-pengkaji lepas. Antaranya, kajian Arnida & Lubna (2021) yang meneliti elemen budaya bahasa Arab ke dalam bahasa Inggeris yang terdapat dalam novel melalui aplikasi *Google Translate*. Terdapat pelbagai elemen budaya ditemui dalam kajian ini seperti pakaian, perayaan, institusi pendidikan dan sebagainya. Kajian ini menyimpulkan bahawa aplikasi tersebut menghadapi kesukaran dalam menterjemah unsur budaya dengan baik. Selain itu, berlaku penyelewengan makna dalam membekalkan dan menyalurkan maklumat ke dalam bahasa sasaran. Antaranya ialah terjemahan makna unsur budaya panggilan nama, iaitu *رامثأ تس* yang terdapat dalam novel telah diterjemah sebagai *six fruits* oleh aplikasi Google Translate. Sebenarnya unsur budaya ini merujuk panggilan nama dan telah diterjemah secara literal dan menyimpang daripada makna asal. Perkataan *تس* dalam kamus *al-maany* merujuk panggilan nama bagi perempuan yang bermaksud *قديسلا*, iaitu “puan”. Oleh itu, yang dimaksudkan oleh *رامثأ تس* dalam konteks teks sumber ialah “Puan Athmar” dan bukannya *six fruits* seperti yang diterjemahkan oleh aplikasi *Google Translate*.

Kajian berikutnya, Nadzirah (2017), mengkaji terjemahan unsur budaya dan prosedur terjemahan yang terdapat dalam teks terjemahan bahasa Melayu yang diterjemah daripada bahasa Inggeris. Teks yang dikaji ialah sebuah novel dalam bahasa Inggeris (*In Dubious Battle*) dan terjemahannya dalam bahasa Melayu (*Perjuangan Sia- Sia*). Hasil kajian menunjukkan kesukaran menterjemah unsur budaya bukan sahaja dari segi bentuk perkataan malahan sukar juga untuk mengekalkan makna perkataan dalam bahasa sumber tersebut. Selain itu, penterjemah cenderung menggunakan prosedur terjemahan literal. Prosedur terjemahan literal, iaitu proses terjemahan kata demi kata dipilih oleh penterjemah kerana cara ini dilihat sesuai untuk menyampaikan makna atau mesej dalam teks sumber secara langsung.

Selain itu, penekanan terhadap makna unsur budaya sesuatu bahasa haruslah diberi perhatian. Menurut Anis Shahirah *et al.* (2011), makna merupakan elemen yang penting dalam penterjemahan budaya. Penterjemah perlu mengekalkan makna perkataan budaya yang berkaitan dengan bahasa kiasan. Makna yang dibawa oleh bahasa kiasan dalam bahasa Melayu tidak semestinya sama dalam bahasa Inggeris. Seperti contoh, bahasa kiasan “pisang berbuah dua kali” tidak boleh diterjemahkan secara literal. Bahasa kiasan ini merujuk sesuatu peristiwa buruk yang berlaku kali kedua disebabkan oleh sikap individu yang tidak mengambil pengajaran daripada kesilapan lampau. Penterjemah perlu mengambil kira maksud kiasan dan memberikan padanan yang hampir sama dalam bahasa Inggeris seperti “*history repeats itself*”.

Hasil kajian Arnida dan Lubna (2021), Nadzirah Ramlee (2017) dan Anis Shahirah *et al.* (2011) membuktikan kenyataan Nida (1991) dan Aziz & Muftah (2000) bahawa dua budaya yang berbeza sudah pasti memberikan cabaran yang besar kepada penterjemah. Selain itu, penterjemah perlu memilih prosedur terjemahan yang betul untuk menyampaikan makna unsur budaya agar difahami dengan mudah oleh pembaca bahasa sasaran.

Dengan memahami kepentingan penterjemahan unsur budaya, maka penulisan ini membincangkan strategi penterjemahan unsur budaya yang terdapat dalam teks terjemahan bahasa Arab *Tiflu Al-Qaryatt* yang diterjemahkan daripada komik bahasa Melayu *Budak Kampung*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam komik *Budak Kampung*

dengan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur budaya dalam komik tersebut.

Pengelasan Aspek Budaya

Budaya menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah tamadun, peradaban dan kemajuan fikiran serta akal budi (merangkumi cara berkelakuan, cara berfikir dan sebagainya). Newmark (1988) mentakrifkan budaya sebagai satu cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat. Budaya dapat didefinisi sebagai sekumpulan kepercayaan, yang mengatur pola tingkah laku masyarakat. Kepercayaan ini merangkumi agama, ekonomi, politik, sastera dan bahasa (Aziz & Muftah, 2000). Oleh itu, budaya boleh dikatakan sebagai semua perkara yang bersangkutan dengan manusia dan kehidupan mereka. Budaya meliputi cara berfikir, cara bertindak, cara berbuat sesuatu, cara bercakap, cara berpakaian, makanan, tempat tinggal, kepercayaan, adat resam dan sebagainya.

Menurut Newmark (1988) beberapa perkara perlu dipertimbangkan sebelum menterjemah unsur budaya. Berikut merupakan kategori budaya oleh Newmark (1988):

1. Ekologi: Ekologi ada kaitan dengan istilah geografi atau bentuk muka bumi sesuatu kawasan, menyentuh interaksi antara manusia dengan alam persekitarannya, yang melibatkan fenomena seperti bukit bukau, hutan belantara yang kaya dengan flora dan faunanya.
2. Bahan Material: Budaya material ialah bahan artifak ataupun kebendaan merangkumi barangan kegunaan atau yang menggambarkan ciri-ciri penting sesuatu masyarakat seperti makanan, pakaian, kediaman serta cara pengangkutan.
3. Budaya Sosial: Budaya sosial meliputi aktiviti kehidupan seharian sesebuah masyarakat seperti pekerjaan, pengelasan masyarakat, jenis-jenis riadah atau permainan yang diamalkan.
4. Organisasi, Adat Resam, Aktiviti, Prosedur dan Konsep: Budaya organisasi, adat, kepercayaan, agama serta konsep merupakan aspek budaya yang penting dalam sesebuah masyarakat. Organisasi merangkumi sistem pentadbiran dan politik, manakala kepercayaan pula meliputi fahaman agama sesuatu masyarakat.
5. Gerak Isyarat dan Tabiat: Budaya yang berkaitan dengan tabiat, tingkah laku dan amalan kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat. (Newmark, 1988).

Aziz & Muftah (2000) pula mengelaskan aspek budaya kepada lima bahagian iaitu:

- a) Budaya Geografi: Budaya yang berkaitan dengan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan iklim sesuatu tempat.
- b) Budaya Agama: Budaya yang berkaitan dengan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat. Sebilangan masyarakat lebih mementingkan agama daripada yang lain.
- c) Budaya Sosial: Budaya yang berkaitan dengan ideologi sosial yang meliputi kehidupan seharian masyarakat terhadap cinta, perkahwinan dan konsep kesopanan.
- d) Budaya Material: Budaya ini mempunyai pengertian yang luas dan merangkumi perkara seperti makanan, alat pengangkutan dan objek lain yang digunakan orang dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini mungkin berbeza antara satu komuniti dengan komuniti yang lain.

- e) Budaya Linguistik: Budaya yang berkaitan dengan unsur dan fungsi linguistik. Sebilangan ahli bahasa membuat perbezaan antara tiga fungsi bahasa asas. Fungsi ini ialah ideologi, interpersonal dan teks. Bagi fungsi ideologi misalnya, bahasa Inggeris mempunyai dua istilah sistem bilangan, iaitu tunggal yang bermaksud (satu) dan jamak yang bermaksud (lebih daripada satu) sedangkan bahasa Arab membezakan tiga istilah: tunggal yang bermaksud (satu), ganda yang bermaksud (dua) dan jamak yang bermaksud (lebih daripada dua) (Aziz & Muftah, 2000).

Prosedur Terjemahan Unsur Budaya

Dalam menangani masalah unsur budaya, sarjana terjemahan telah mengemukakan beberapa prosedur untuk menterjemah unsur budaya. Molina & Albir (2002) menggunakan istilah teknik terjemahan dalam kajiannya. Mereka mentakrifkan teknik sebagai prosedur yang dilakukan dalam kerja menterjemah. Newmark (1988) dengan jelas membezakan antara strategi dengan prosedur. Menurut Newmark (1988), strategi terjemahan merujuk keseluruhan teks, manakala prosedur terjemahan hanya melibatkan unit bahasa yang lebih kecil.

Newmark (1988) dalam bukunya *A Textbook of Translation* telah mengutarakan 16 prosedur terjemahan yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah menterjemah istilah budaya:

1. Pemindahan: Merupakan prosedur penterjemahan dengan meminjam kata atau istilah bahasa sumber dalam teks bahasa sasaran. Prosedur ini digunakan apabila penterjemah tidak mampu menemukan padanan bahasa sumber dalam bahasa sasaran dan istilah budaya sumber yang sesuai dan sudah biasa bagi pembaca bahasa sasaran. Pemindahan juga dapat dilakukan untuk memperkenalkan istilah baharu dalam bahasa sumber.
2. Terjemahan Literal: Penterjemahan literal ialah penterjemahan yang melibatkan penyesuaian struktur bahasa sumber dalam bahasa sasaran. Pada umumnya, pemadanan yang dilakukan terlepas daripada konteks.
3. Naturalisasi: Merupakan prosedur yang mengadaptasi istilah dalam bahasa sumber menjadi istilah dalam bahasa sasaran dengan penyesuaian dan struktur morfologi yang sama dalam bahasa sasaran. Sama seperti prosedur pemindahan, prosedur naturalisasi dianggap tepat untuk menterjemah istilah bahasa sumber yang sudah lazim dikenali dan digunakan oleh pembaca teks bahasa sasaran.
4. Persamaan Budaya: Melalui prosedur ini, penterjemah memindahkan istilah budaya dalam bahasa sumber dengan istilah budaya yang sepadan dalam bahasa sasaran.
5. Persamaan Deskriptif: Prosedur penterjemahan yang berbentuk huraian tetapi huraian ini bukan berkaitan dengan fungsi perkataan tersebut.
6. Persamaan Fungsi: Prosedur ini merujuk proses meneutralkan atau mengeneralisasikan kata dalam bahasa sumber yang ingin diterjemahkan.
7. Terjemahan Label: Terjemahan label merupakan terjemahan yang bersifat sementara. Prosedur ini kerap kali digunakan untuk menterjemah istilah yang baharu.
8. Analisis Komponen: Proses menyenaraikan komponen makna yang terkandung dalam sesuatu makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan.
9. Transposisi: Kaedah yang mengubah golongan kata atau menukar kedudukan frasa atau

klausa dalam bahasa sasaran tanpa mengubah maksud warta atau maklumat teks asal. Kaedah ini mengubah kata tunggal kepada jamak dan kata nama kepada kata kerja.

10. Modulasi: Prosedur ini merujuk sudut pandangan asal yang berubah apabila terjemahan dilakukan terhadap ayat bahasa sumber. Prosedur ini juga digunakan sekiranya sudut pandangan dalam bahasa sumber menghasilkan terjemahan yang janggal dan tidak idiomatik.
11. Penjelasan Tambahan: Prosedur ini dilakukan apabila terdapat suatu kata yang masih asing bagi pembaca teks bahasa sasaran. Penjelasan tambahan bergabung dengan kata pinjaman atau disebut *loan word plus explanation*.
12. Parafrasa: Proses ini merujuk proses memberikan penjelasan dan penerangan tentang makna yang dimaksudkan dalam teks sumber.
13. Terjemahan Sedia Ada: Apabila terdapat nama, istilah atau ungkapan yang sudah memiliki padanan rasmi dalam bahasa sasaran, penterjemah tidak perlu mencari padanan lagi kerana terdapat penggunaan terjemahan rasmi yang telah ada, misalnya dalam menterjemah istilah dalam teks undang-undang, Al-Quran dan Injil.
14. Pengurangan dan Pengembangan: Sesuatu perkataan bahasa sumber mungkin dilenyapkan dalam teks bahasa sasaran atau sebaliknya dikembangkan dengan perkataan lain seperti penambahan kata adjektif.
15. Nota, Maklumat Tambahan dan Glos: Penterjemah memberikan penjelasan dalam bentuk catatan dalam teks atau pada bahagian bawah halaman untuk memperjelas makna terjemahan istilah dalam bahasa sumber. Prosedur ini digunakan apabila penjelasan kata tersebut terlalu panjang dan jika ditulis dalam teks bahasa sasaran akan mengganggu pembaca.
16. Kuplet: *Couplets*, *triplets* dan *quadruplets* ialah penggabungan dua, tiga atau empat prosedur terjemahan bagi menterjemah bahasa sumber. Melalui prosedur ini, penterjemah akan menerapkan lebih daripada satu prosedur dalam menterjemah suatu istilah daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran.

METODOLOGI

Analisis ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks sumber dan teks sasaran bagi mencapai kedua-dua objektif. Data diperoleh daripada istilah budaya yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* dalam bahasa Melayu dan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* dalam bahasa Arab. Data dikenal pasti dan dianalisis secara deskriptif.

Istilah budaya yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* dan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* dikategorikan berdasarkan gabungan kategori budaya Newmark (1988) dan kategori budaya oleh Aziz & Muftah (2000).

1.	Budaya Ekologi	1.	Budaya Agama
2.	Budaya Material	2.	Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat
3.	Budaya Sosial	3.	Budaya Linguistik
4.	Budaya Organisasi, Adat Resam dan Aktiviti		

Kemudian data istilah budaya dianalisis berpandukan prosedur terjemahan yang dikemukakan oleh Newmark (1988). Kajian ini hanya memilih beberapa prosedur yang sesuai digunakan untuk menterjemah unsur budaya dalam komik *Budak Kampung* dalam bahasa Melayu ke dalam teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* dalam bahasa Arab.

1.	Pemindahan	10.	Modulasi
2.	Terjemahan Literal	11.	Penjelasan Tambahan
3.	Naturalisasi	12.	Parafarasa
4.	Persamaan Budaya	13.	Terjemahan Sedia Ada
5.	Persamaan Deskriptif	14.	Pengurangan dan Pengembangan
6.	Persamaan Fungsi	15.	Nota, Maklumat Tambahan dan Glos
7.	Terjemahan Label	16.	Kuplet/ Triplet
8.	Analisis Komponen		
9.	Transposisi		

HASIL ANALISIS

Objektif analisis adalah untuk mengenal pasti unsur budaya yang terdapat dalam bahan kajian, iaitu komik *Budak Kampung* dan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt*, dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh penterjemah untuk menterjemah unsur budaya dalam komik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan terdapat unsur budaya berdasarkan tujuh kategori budaya yang telah ditetapkan oleh Newmark (1988) dan Aziz & Muftah (2000). Setiap unsur budaya tersebut telah dianalisis berdasarkan prosedur terjemahan oleh Newmark (1988).

Budaya Ekologi

Jadual 1 di bawah menunjukkan unsur budaya ekologi yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* dengan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt*.

Jadual 1 Jadual Unsur Budaya Ekologi.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE 1	Adapun teman ini berasal dari sebuah kampung di tengah-tengah jajahan Kinta.	فقطنم بلق يف عقت ةيرق نم ينإف انأ أمأ قاريب ةيالوب ، اتنيك
UBE 2	Bila malam, bapak burung tu keluar tangkap kelip-kelip.	...تاعاريلا داطصيل ليلا يف جرخيو

Data UBE 1 menunjukkan unsur budaya ekologi yang berkaitan dengan nama tempat. Analisis data menunjukkan perkataan “Kinta” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai قاريب ةيالوب، اتنيك dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, Mat menceritakan asal tempat kelahirannya di sebuah kampung dalam jajahan atau daerah Kinta. Kinta merupakan salah satu daerah di dalam negeri Perak. Daerah Kinta sangat terkenal dengan perusahaan dan perindustrian bijih timah pada suatu ketika dahulu, sekitar abad ke-19 dan abad ke-20. Penterjemah telah menggunakan prosedur pemindahan dan prosedur persamaan deskriptif. Melalui prosedur pemindahan, perkataan Kinta telah dipindahkan sepenuhnya kepada اتنيك mengikut cara bacaan

yang sama dengan bahasa sumber tetapi mengubah cara penulisan mengikut kaedah tulisan bahasa Arab. Prosedur pemindahan ini juga dikenali sebagai transliterasi dengan mengekalkan bunyi melalui huruf yang berbeza (Newmark, 1988). Prosedur persamaan deskriptif pula dapat dilihat pada maklumat tambahan قاريب في الوب (di negeri Perak). Penterjemah memberikan penerangan tambahan kepada pembaca tentang daerah Kinta, yang terletak di dalam negeri Perak. Tindakan penterjemah menggabungkan dua prosedur telah mengekalkan unsur budaya dalam teks sumber.

Data UBE 2 menunjukkan unsur budaya ekologi yang berkaitan dengan nama fauna. Analisis data menunjukkan perkataan “kelip-kelip” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai تاعاريلا dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, bapa Mat menceritakan bahawa bapa burung keluar menangkap kelip-kelip dan membawanya pulang agar dapat menerangkan sarang melalui cahaya kelip-kelip. Kelip-kelip atau dikenali sebagai kunang-kunang ialah sejenis serangga bersayap yang mengeluarkan cahaya yang berkelip-kelip pada waktu malam. Kebanyakan spesies kunang-kunang ditemui di daerah yang berkelembapan tinggi dan hangat seperti kolam, sungai, payau, lembah, parit dan padang rumput. Dalam budaya Arab, perbezaan bentuk muka bumi yang dikelilingi padang pasir dan iklim panas sepanjang tahun sehingga mencapai suhu maksimum 45 darjah Celsius, menyebabkan serangga kelip-kelip tidak ditemui di tanah Arab. Penterjemah telah menggunakan prosedur literal untuk menterjemah kelip-kelip kepada تاعاريلا dengan lafaz kata jamak. Menurut Kamus Almaany, تاعاريلا ialah kata jamak bagi kata tunggal عاريلا, yang membawa maksud sejenis serangga yang bersinar dalam gelap. Walaupun terjemahan ini dapat difahami oleh pembaca sasaran, penterjemah perlu memberikan penerangan ringkas tentang serangga ini kerana ia tidak ditemui dalam budaya Arab.

Budaya Material

Jadual 2 di bawah menunjukkan unsur budaya material yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* dengan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt*.

Jadual 2 Jadual Unsur Budaya Material.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM 1	Pulut kuning satu pinggan	رفصأل زرالآ نم قبط
UBM 2	Kain batik satu helai	((كيتاب)) رازا

Data UBM 1 menunjukkan unsur budaya material yang berkaitan dengan nama makanan. Analisis data menunjukkan perkataan “pulut kuning” dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai رفصأل زرالآ dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, bapa Mat telah memberikan upah sepinggan pulut kuning kepada Bidan semasa kelahiran Mat. Menurut budaya masyarakat Melayu, pulut kuning ialah hidangan wajib bagi majlis perkahwinan dan majlis keraian lain. Hidangan ini menandakan simbol kasih sayang, penghormatan dan kebahagiaan. Warna kuning pulut dihasilkan daripada warna sejenis herba, iaitu kunyit. Pulut ialah sejenis makanan daripada beras pulut dan melekit seperti gam selepas dimasak. Pengkaji telah menggunakan prosedur persamaan budaya dan prosedur literal bagi menterjemah frasa pulut kuning ke رفصأل زرالآ. Dalam terjemahan ini, penterjemah telah menggunakan prosedur literal untuk menterjemah perkataan “kuning” kepada رفصأل. Penggunaan prosedur persamaan budaya pula bagi menterjemah “pulut” kepada زرالآ telah mengelirukan pembaca sasaran kerana bersifat umum. Perkataan زرالآ boleh memberikan pelbagai maksud seperti “nasi”, “beras” dan “padi”. Walau bagaimanapun, unsur budaya makanan ini tidak terdapat dalam budaya masyarakat Arab. Walaupun mempunyai ciri-ciri dan bentuk yang

sama dengan beras sebelum dimasak, terdapat perbezaan setelah dimasak. Pulut melekit seperti gam setelah dimasak dan berbeza dengan nasi yang berderai dan tidak melekit. Pengkaji mencadangkan agar strategi gabungan antara prosedur pemindahan, glos ekstrateks (nota kaki) dan literal yang lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan mesej asal teks sumber.

Data UBM 2 menunjukkan unsur budaya material yang berkaitan dengan nama pakaian. Analisis data menunjukkan perkataan “kain batik” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai ((كيتاب)) رازا dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, bapak Mat telah memberikan upah sehelai kain batik kepada Bidan semasa kelahiran Mat. Kain batik digunakan oleh kaum wanita Melayu untuk menutup dari bahagian pinggang hingga kaki. Selain itu, kain batik juga digunakan sebagai penutup kepala. Penterjemah telah menggunakan prosedur literal dan prosedur pemindahan. Prosedur literal dapat dilihat pada terjemahan kain kepada رازا., manakala prosedur pemindahan pula pada pengekaln perkataan batik kepada كيتاب dan disertakan kurungan. Walaupun unsur budaya pakaian ini tidak terdapat dalam budaya masyarakat Arab, gabungan dua prosedur ini telah membantu pembaca sasaran untuk memahami makna budaya pakaian bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Budaya Sosial

Jadual 3 di bawah menunjukkan unsur budaya sosial yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* yang dipindahkan ke dalam teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt*.

Jadual 3: Jadual Unsur Budaya Sosial.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBS 1	Maka pada suatu petang Mata-Mata Mat Saman mengambil tindakan...!!	ارارق نماس تم سوساجلا ذفن ءاسم تاذو
UBS 2	Ketibaan Tok Modin dengan begnya.	هتبيق ح عم ،ني دوم عوث نتاخلا لصو دقل

Data UBS 1 menunjukkan unsur budaya sosial yang berkaitan dengan pekerjaan. Analisis data menunjukkan perkataan “mata-mata” dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai سوساجلا dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, Mata-Mata Mat Saman/polis telah mengambil tindakan terhadap orang kampung yang mencero boh kawasan perlombongan bijih timah selepas menerima aduan daripada pihak pengurusan syarikat bijih timah. Perkataan “mata-mata” telah diterjemahkan kepada سوساجلا melalui prosedur persamaan budaya. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisi “mata-mata” sebagai pegawai kerajaan yang ditugasi menjaga keamanan di dalam negeri dan polis. Perkataan mata-mata dalam konteks teks sumber merujuk seorang polis yang menjaga keamanan. Manakala perkataan سوساجلا, bermakna perisik dan pengintip dalam Kamus Almaany. Oleh yang demikian, berlaku kesalahan dalam terjemahan untuk penyampaian maklumat.

Data UBS 2 menunjukkan unsur budaya sosial yang berkaitan dengan pekerjaan. Analisis data menunjukkan perkataan “Tok Mudin” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai نتاخلا dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, ketika upacara bersunat, Mat telah dikhatakan oleh Tok Mudin. Tok Mudin ialah tukang sunat atau tukang khatan dan gelaran yang diberikan kepada orang yang menguruskan hal ehwal bersunat bagi kanak-kanak lelaki. Tok Mudin akan melakukan upacara bersunat mengikut adat dan tradisi budaya Melayu. Perkhidmatan Tok Mudin sangat diperlukan ketika tahun 60-an hingga 80-an. Perkataan “Tok Mudin” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai ني دوم عوث نتاخلا dalam teks sasaran dengan menggunakan

prosedur pemindahan dan prosedur nota tambahan. Perkataan نَتَاخِل (tukang sunat) ditambah bagi memberikan maklumat tambahan tentang makna Tok Mudin, manakala prosedur pemindahan dilakukan bagi mengekalkan perkataan tok mudin kepada نِيَدُومْ ءوْث. Padanan yang diberikan oleh penterjemah dirasakan sesuai kerana amalan berkhatan diketahui oleh masyarakat Arab.

Budaya Agama

Jadual 4 di bawah menunjukkan terjemahan unsur budaya agama dalam teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* yang diterjemahkan daripada komik *Budak Kampung*.

Jadual 4 Jadual Unsur Budaya Agama.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBA 1	Gambar ini menunjukkan Tuan Syed sedang mengajar cara berwuduk ...	دمحأ ديس ذاتسأل أن ان يرت قروصلال مذهبو. ءوضولال ءيفيك ان مل عي
UBA 2	Sememangnya wajib bagi budak-budak baya teman mula belajar Tajuwid supaya mudah mempelajari al-Quran.	أن يرم علثم يف لافطالال عل ع أبج او نالكو مل رسي تي ىتح ديوجتلال مل عت او أدبي . ن ارقلا قوال مل عت

Data UBA 1 dan UBA 2 menunjukkan unsur budaya yang berkaitan dengan agama. Perkataan “berwudhuk” dan “tajuwid” atau “tajwid” ialah perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Banyak istilah agama Islam dipinjam daripada bahasa Arab bagi mengekalkan unsur budaya Arab. Penterjemah menggunakan prosedur naturalisasi bagi menterjemah “berwudhuk” kepada ءوضولال dan perkataan “tajuwid” kepada ديوجتلال. Melalui prosedur naturalisasi, istilah dalam bahasa sumber diadaptasi menjadi istilah dalam bahasa sasaran yang memiliki penyesuaian dan struktur morfologi yang sama dalam bahasa sasaran.

Budaya Organisasi, Adat Resam dan Aktiviti

Jadual 5 di bawah menunjukkan unsur budaya organisasi, adat resam dan aktiviti dalam teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* yang diterjemah daripada komik *Budak Kampung*.

Jadual 5 Jadual Unsur Budaya Organisasi, Adat Resam dan Aktiviti.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBO 1	Tapi lepas bersanding kali kedua kira-kira pukul 8 malam	فافلزال مسارم ماقتس ليلالال يف قرملل رخأ ((غيدن سرب)) ءيديلقتلال ءينالال
UBO 2	Sebelum itu dia telah menjampi “coklat”nya itu supaya setelah mengunyahkannya	قتالوكلشلال عل ع ارق انل امدقي نأ لبغو يقرلال ضعب

Data UBO 1 menunjukkan unsur budaya organisasi, adat resam dan aktiviti yang berkaitan dengan upacara perkahwinan. Analisis data menunjukkan bahawa perkataan “bersanding” dalam teks sumber telah diterjemah sebagai ((غيدن سرب)) فافلزال مسارم. Dalam komik *Budak*

Kampung, Mat telah menghadiri majlis perkahwinan saudaranya di kampung berhampiran. Selepas upacara akad nikah, majlis persandingan diadakan sebanyak dua kali di rumah pengantin perempuan, pertama pada pukul 2 petang dan yang kedua pada pukul 8 malam. Acara bersanding ialah acara kemuncak perkahwinan. Bersanding ialah satu acara bagi pasangan mempelai duduk di singgahsana di atas pelamin yang dihias dengan indah. Budaya Arab yang berpegang teguh dengan ajaran Islam tidak mengadakan upacara majlis persandingan seperti budaya masyarakat Melayu. Selepas upacara akad nikah, masyarakat Arab akan menjamu tetamu dengan makanan tradisi mereka. Pengantin perempuan hanya dipertonton di hadapan ahli keluarga dan tetamu perempuan sahaja. Penterjemah telah menggunakan dua prosedur, iaitu prosedur persamaan deskriptif dan prosedur pemindahan. Prosedur pemindahan dapat dilihat dengan mengekalkan perkataan “bersanding” kepada غيدن سرب yang disertakan dalam kurungan. Penterjemah menggunakan persamaan deskriptif pada maklumat penerangan, iaitu فافزلا مسارم yang bermaksud “upacara perkahwinan tradisional”.

Data UBO 2 menunjukkan unsur budaya organisasi, adat resam dan aktiviti berkaitan tentang adat masyarakat Melayu. Analisis data menunjukkan perkataan “menjampi” dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai يقرلا dalam teks sasaran. Dalam komik *Budak Kampung*, sebelum bersunat, Tok Mudin telah memberikan kepada Mat dan kawan-kawannya sirih dan pinang untuk dimakan supaya tidak merasai kesakitan semasa bersunat. Sirih dan pinang itu terlebih dahulu telah dijampi oleh Tok Mudin. Kamus Dewan Edisi Keempat memberikan makna jampi sebagai kata-kata tertentu yang diucapkan untuk mendatangkan kesakitan (seperti boleh menyembuhkan penyakit dan sebagainya). Kamus Almaany pula mentakrifkan يقرلا sebagai “meminta perlindungan daripada Allah” dan membaca ayat suci al-Quran agar dapat menyembuhkan penyakit. Penterjemah telah menggunakan prosedur literal untuk menterjemah “menjampi” kepada يقرلا. Tindakan penterjemah ini telah membantu pembaca sasaran untuk memahami budaya bahasa sumber walaupun terdapat perbezaan daripada bacaan yang diucapkan.

Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Jadual 6 di bawah menunjukkan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang terdapat dalam komik *Budak Kampung* dengan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt*.

Jadual 6 Jadual Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBG 1	Kadang-kadang kami turun mengagau di celah-celah akar lumut ...	سملتو ءامل يف لزنن انك أن اي حأو باش عأل روج ني ب نم ان يدي أب لكامل ... ءي ءامل
UBG 2	Goyangkan kaki!	...! مك لجرأ اوزه

Data UBG 1 menunjukkan perkataan “mengagau” telah diterjemahkan kepada سملتو. Dalam komik *Budak Kampung*, Mat menceritakan kemahirannya menangkap ikan dengan cara menggagau di celah-celah akar lumut. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan “mengagau” atau “menggagau” sebagai meraba-raba dalam gelap atau mencari sesuatu dengan meraba-raba. Penterjemah menggunakan prosedur literal dan prosedur persamaan deskriptif dalam teks sasaran bagi menjelaskan makna “menggagau” kepada سملتو (tercari-cari ikan-ikan dengan tangan).

Data UBG 2 menunjukkan frasa “Goyangkan kaki!” telah diterjemahkan kepada *مكلكرأ اوزه*..!. Dalam komik *Budak Kampung*, Mat menceritakan yang bapanya Pak Mat menari bersama-sama penari pasukan pancaragam semasa menghadiri majlis perkahwinan. Secara lazimnya, selepas kumpulan pancaragam melakukan persembahan, penari-penari akan mempelawa tetamu untuk naik ke atas pentas sambil menyuruh tetamu menggoyangkan kaki dan menggerakkan tangan. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan menari sebagai tarian gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. Perlakuan menari ini juga terdapat dalam unsur budaya Arab. Mereka juga mempunyai tarian khas semasa hari perkahwinan. Masyarakat Arab khususnya kaum lelaki akan menari di hadapan tetamu yang hadir.

Penterjemah telah menggunakan prosedur persamaan budaya untuk menterjemah frasa “Goyangkan kaki!” kepada *مكلكرأ اوزه*..! Perlakuan menggoyangkan kaki dalam budaya bahasa sumber mendukung makna menggerakkan kaki semasa menari. Penterjemah mencari padanan budaya yang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Dalam budaya Arab, perkataan *اوزه* *مكلكرأ* (goyangkan kaki kamu) juga mendukung makna menggoyangkan kaki untuk tujuan menari.

Budaya Linguistik

Jadual 7 di bawah menunjukkan unsur budaya linguistik yang terdapat dalam teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* yang diterjemahkan daripada komik *Budak Kampung*.

Jadual 7 Jadual Unsur Budaya Linguistik.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBL 1	Yang airnya macam teh susu	بيلىلحلاب جوزملا ياشلاك ركع ووام
UBL 2	Emak naik angin	يما تبضغ دقف

Data UBL 1 menunjukkan unsur budaya linguistik yang berkaitan dengan perumpamaan. Perumpamaan yang “airnya macam teh susu” diterjemahkan kepada *جوزملا ياشلاك ركع ووام* *بيلىلحلاب*. Dalam komik *Budak Kampung*, Mat telah pergi ke lombong perusahaan bijih timah untuk mengetahui punca bunyi mengaum yang selalu didengarinya. Apabila sampai di tempat tersebut, Mat terpegun melihat kapal korek yang besar di dalam lombong yang airnya berwarna seperti teh susu. Perumpamaan masyarakat Melayu sangat dipengaruhi oleh keadaan sekeliling mereka. Teh susu ialah minuman yang digemari oleh masyarakat di Malaysia tidak kira bangsa Melayu, Cina atau India. Teh susu ialah campuran teh, susu pekat dan air panas. Hal ini berbeza dengan budaya minuman Arab yang menggemari kopi pekat dan teh kosong. Penterjemah menggunakan prosedur modulasi bagi menterjemah warna teh susu kepada *ركع* yang bermaksud keruh atau berlumpur. Penterjemah juga menggunakan prosedur literal untuk menterjemah perkataan teh kepada *ياشلا* dan susu kepada *بيلىلحلاب*. Perkataan *ب جوزملا* (bercampur dengan) ditambah melalui prosedur pengembangan. Gabungan tiga prosedur ini digunakan bagi menghasilkan terjemahan yang tepat maknanya dan mudah difahami.

Data UBL 2 menunjukkan unsur budaya linguistik yang berkaitan dengan simpulan bahasa. Ungkapan simpulan bahasa “naik angin” telah diterjemahkan sebagai *تبضغ دقف*. Dalam komik *Budak Kampung*, ibu Mat sangat marah akan ayahnya kerana menari di atas pentas bersama-sama penari-penari pasukan pancaragam. Dalam budaya masyarakat Melayu, seorang lelaki yang telah berkahwin dan mempunyai anak dilarang untuk menari bersama-sama dengan penari di majlis keramaian. Ungkapan simpulan bahasa naik angin menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tidak

dapat mengawal diri kerana terlalu marah. Penterjemah menggunakan prosedur persamaan fungsi bagi menterjemah ungkapan simpulan bahasa “naik angin” kepada تبضغ دق (sangat marah). Prosedur ini merujuk proses meneutralkan atau mengeneralisasikan kata dalam bahasa sumber yang ingin diterjemahkan. Kata دق ditambah di awal frasa bagi menunjukkan makna penegasan yang juga mendukung makna sangat yang bersesuaian dengan makna ayat dan bentuk kata bahasa sasaran. Strategi ini sangat sesuai kerana dikhuatiri jika simpulan bahasa diterjemah secara literal, akan menjadi terlalu janggal dan menyukarkan pembaca memahami maksud dan frasa yang dibaca.

KESIMPULAN

Analisis ini menunjukkan bahawa terdapat unsur budaya dalam komik *Budak Kampung* dalam bahasa Melayu dan teks terjemahan *Tiflu Al-Qaryatt* dalam bahasa Arab. Pengkaji telah menemukan sebanyak 14 data berkaitan dengan unsur budaya. Kajian menunjukkan bahawa gabungan teori budaya Newmark (1988) dan kategori budaya oleh Aziz & Muftah (2000) dapat dimanfaatkan untuk mengenal pasti unsur budaya. Kategori-kategori tersebut ialah budaya ekologi seperti nama tempat dan nama fauna, budaya material seperti jenis makanan dan minuman, budaya sosial seperti jenis pekerjaan, budaya agama seperti ilmu agama, budaya organisasi, adat resam dan aktiviti seperti aktiviti perkahwinan dan jampi, budaya gerak isyarat dan tabiat seperti menangkap ikan dan menari, serta budaya linguistik seperti perumpamaan dan simpulan bahasa.

Sebanyak sembilan prosedur terjemahan digunakan oleh penterjemah, iaitu prosedur pemindahan, persamaan deskriptif, literal, persamaan budaya, persamaan fungsi, nota tambahan, naturalisasi dan modulasi. Gabungan dua prosedur atau kuplet menjadi pilihan tertinggi yang digunakan oleh penterjemah, iaitu sebanyak enam kali. Prosedur triplet atau gabungan tiga prosedur juga turut digunakan, iaitu sebanyak sekali. Selain itu, prosedur literal, naturalisasi dan persamaan budaya digunakan sebanyak dua kali. Prosedur persamaan fungsi hanya sekali sahaja diterapkan ketika menterjemah unsur budaya. Prosedur yang digunakan oleh penterjemah ini dilihat bersesuaian kerana prosedur ini bertujuan untuk menjadikan perkataan budaya dalam teks terjemahan tersebut tidak menyimpang jauh daripada makna bahasa sumber. Selain itu, pengkaji turut memberikan beberapa cadangan prosedur terjemahan bagi meningkatkan kefahaman pembaca.

Pada tahap respons krisis pula, peranan ketua kumpulan penting dalam membuat keputusan awal yang segera sebelum persetujuan ahli kumpulan diperolehi. Sebagai contoh, kumpulan penyelidik bagi Teks 1 dan Teks 2 berganding bahu menyelaraskan padanan dan istilah secara berdikari dengan merujuk koleksi sumber sahih yang tersedia, dan pada masa yang sama menjimatkan masa kerja. Walaupun mungkin keputusan ahli projek atau pelajar masih boleh dipersoalkan, cara ini sebenarnya dapat membentuk pelajar untuk membuat keputusan secara efektif dengan menerapkan nilai kebertanggungjawaban terhadap tugas dan ahli lain dalam kumpulan. Tambahan pula, setiap dokumen diletakkan dalam pautan OneDrive atau Google Drive, jadi penterjemah yang lain dapat merujuk kepada maklumat yang dikemas kini dan memberi maklum balas jika dikehendaki.

Cabaran juga hadir dalam hal pembahagian bahagian teks yang akan diterjemahkan oleh kumpulan kecil dan ahli-ahlinya. Misalnya, bagi Teks 1 dan Teks 2, yang perlu diterjemahkan oleh

semua pelajar dalam kursus ini, maka pemilihan bahagian-bahagian teks untuk satu kumpulan besar dilakukan melalui Google Docs. Namun begitu, ada risiko juga yang perlu dihadapi, iaitu, ada kemungkinan kumpulan yang telah bersedia untuk menterjemah bahagian yang diminati, tidak berjaya mendapat bahagian teks tersebut kerana kumpulan lain mungkin telah memilihnya terlebih dahulu. Cabaran lain yang dihadapi adalah penukaran nombor kumpulan yang menyebabkan pelajar sukar mengakses pautan serta merta kerana masalah liputan Internet. Untuk menyempurnakan tugas projek dalam kursus ini, penulis dan semua ahli lain dalam kursus perlu memenuhi keperluan untuk menterjemah 10 000 perkataan bagi keseluruhan projek. Maka pembahagian kerja untuk semua teks telah dibuat dengan bijak, adil dan sama rata, walaupun pelaksanaannya banyak dibuat menerusi pemilihan dan perbincangan dalam talian. Tahap kesukaran teks juga pelbagai, membolehkan pelajar memanfaatkan sebaik mungkin pengetahuan dan kemahiran yang telah diperoleh sebelum ini.


Selesai proses pembahagian kerja, setiap kumpulan berbincang tentang pemilihan ketua kerja dan idea ikhtisar terjemahan, dan usaha ini dibuat secara dalam talian, yang memberi kesan terhadap proses perbincangan kumpulan. Perbincangan bersama kumpulan besar hanya dijalankan melalui aplikasi WhatsApp yang agak sukar untuk diikuti, lebih-lebih lagi apabila ramai sedang menaip. Pada suatu masa, berlaku kekeliruan dan ketaksan kerana terdapat pelbagai tanggapan oleh setiap pelajar dalam kumpulan bilik sembang WhatsApp. Sebaliknya kumpulan kecil penulis lebih selesa dengan perbincangan “bersemuka”. Menerusi platform Zoom, penulis dapat berbincang dan bertukar idea dengan lebih jelas, tambahan lagi perkongsian skrin dapat membantu perbincangan. Maklumat dapat dilihat dengan jelas dan perkongsian serta perbincangan juga menjadi lebih praktikal.

Manfaat Teknologi


Semasa tempoh sekatan pergerakan dalam pandemik COVID-19, ternyata sekali teknologi memainkan peranan yang sangat penting, melangkaui peranan biasanya semasa sebelum pandemik. Manfaat teknologi, khususnya untuk berkomunikasi dan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran tiada tandingannya. Sehubungan itu, selaras dengan cabaran-cabaran yang dihadapi semasa era pandemik ini, penulis dan ahli kumpulan telah memanfaatkan sebaik mungkin kelebihan teknologi untuk berkomunikasi semasa melaksanakan tugas terjemahan. Sorotan kajian dan tinjauan bacaan, misalnya, dilakukan dengan merujuk bahan bacaan dan sumber secara dalam talian. Dari segi komunikasi, aplikasi WhatsApp menjadi platform utama untuk penulis dan rakan-rakan untuk berhubung dengan penyelia dan rakan-rakan lain, lebih-lebih lagi untuk menerima dan menyampaikan informasi atau merancang perbincangan. Platform Zoom turut dimanfaatkan untuk perbincangan, perkongsian dan pertukaran idea. Selain itu, perisian storan awan, seperti Google Drive dan OneDrive turut digunakan bergantung pada jenis-jenis teks yang ditangani. Perbincangan terperinci tentang perisian-perisian ini, serta faktor pemilihan, kelebihan, kelemahan dan kesannya terhadap pelaksanaan projek terjemahan ini turut disertakan seterusnya dalam penulisan ini.

Sepanjang projek berlangsung, setiap kumpulan kecil projek menghasilkan draf awal untuk disemak oleh penyelia sebelum hasil akhir dapat dikeluarkan. Draf ini diserahkan dalam bentuk teks sumber dan teks sasaran yang diletak secara selari untuk memudahkan semakan oleh penyelia. Cabaran hadir dalam proses mengumpul hasil kerja setiap ahli. Sebelum adanya storan awan, e-mel menjadi alat utama untuk berkongsi dan menghantar dokumen. Walau bagaimanapun, hal ini menjadi rumit apabila penghantaran melibatkan saiz fail yang besar. Untuk mengatasi masalah ini, penulis dan rakan kumpulan menggunakan platform OneDrive untuk mengumpulkan hasil terjemahan setiap ahli terutama untuk kerja berperingkat; daripada penyuntingan kepada pembacaan pruf. OneDrive memudahkan penulis untuk menggabungkan hasil terjemahan setiap ahli mengikut turutan muka surat, dan penghantaran berulang dapat dielakkan. Storan awan ini juga membolehkan setiap ahli mengakses dokumen pada waktu yang sama atau waktu tertentu

untuk melakukan penterjemahan dan penyuntingan tanpa mengganggu proses kerja ahli lain. Berikutan itu, aplikasi OneDrive (Microsoft (MS) yang merangkumi MS Word, MS Excel dan MS PowerPoint) merupakan storan awan paling ideal kerana sistemnya bersifat “mesra pengguna”, dan memudahkan semua proses kerja kumpulan projek, bermula daripada awal kerja seperti pembahagian teks, penjadualan kerja dan perkongsian maklumat, sehingga penyuntingan, penyimpanan data dan lain-lain. Contoh kaedah pengumpulan bahan dapat dilihat dalam Rajah 1, manakala draf kerja yang dikongsi dalam OneDrive pula adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 1 Platform Storán Awan OneDrive Untuk Pengumpulan Bahan.



Rajah 2 Contoh Format Draf Terjemahan Untuk Memudahkan Proses Semakan.

Penyelarasan kata, frasa dan istilah pula merupakan suatu keperluan penting semasa proses menterjemah, tambahan lagi jika teks yang ditangani merupakan teks bidang yang khusus. Bagi setiap teks dalam projek ini, istilah atau jargon bidang yang muncul secara berulang disenaraikan mengikut fail teks tertentu dalam OneDrive. Cara penyelarasan juga dikendalikan secara berbeza bergantung kepada jenis teks. Misalnya, untuk Teks 1, sekumpulan penyelidik menyelaraskan istilah keagamaan dan sejarah berdasarkan senarai glosari yang terdapat dalam teks sumber serta turut mengambil kira elemen leksikal atau frasa khusus yang hadir secara berulang tetapi tidak disenaraikan dalam glosari yang disediakan. Teks 2 pula berbentuk novel, dan penyelarasan kata dibuat dari segi kata ganti nama diri dan semua penterjemah cuba memahami suara pencerita yang dibawa dalam setiap bab. Teks 3 merupakan teks umum tetapi bersifat agak khusus dengan mengemukakan idea yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Oleh itu, penggunaan item leksikal yang khusus seperti konsep-konsep pembangunan lestari, kerajaan,

hubungan antarabangsa, sosiobudaya dan banyak lagi hadir dalam teks laman sesawang ini. Istilah sains sosial dan ekonomi pula banyak muncul dalam program audiovisual yang merupakan ciri Teks 4.

Secara umumnya, kata, frasa khusus dan istilah dalam kesemua teks yang ditangani ini disenaraikan dan dikumpulkan dalam storan awan GoogleDrive dan OneDrive bagi membolehkan penyemakan, penyelarasan dan rujukan dilakukan oleh semua ahli kumpulan. Oleh itu, penyenaraian tidak dianggap sebagai isu utama dalam proses ini tetapi keperluan timbul untuk pengumpulan data, penyelidikan dan kajian untuk memahami istilah. Namun, yang menjadi cabaran besar adalah untuk mendapatkan padanan yang tepat untuk semua elemen kosa kata tersebut. Dalam situasi pandemik COVID-19 ini, penulis dan rakan-rakan projek yang lain tidak berpeluang untuk membuat rujukan di perpustakaan sama ada di kampus atau tempat-tempat lain yang relevan di luar kampus yang mencari rujukan yang berguna. Fenomena ini merupakan cabaran yang sangat memberi kesan terhadap cara ahli projek melaksanakan projek ini, dan kerja-kerja penterjemahan banyak bergantung kepada Internet atau pencarian dalam talian sepenuhnya. Ahli kumpulan ini juga turut berkesempatan melakukan rujukan yang mendalam terutama bagi istilah bidang melalui laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM), buku elektronik (e-book), artikel, kertas kajian lepas serta penerangan oleh penterjemah sebelumnya.

Selesai sahaja proses menghasilkan draf terjemahan, penyuntingan dan pembacaan pruf dilakukan sekurang-kurangnya dua kali sebelum draf dihantar kepada penyelia dan sebelum hasil akhir disiapkan. Proses penyuntingan teks bersama-sama ahli kumpulan secara dalam talian memang sukar dilakukan jika tiada storan awan digunakan. Menerusi OneDrive, kumpulan penyunting mampu menjalankan tugas sekali gus memberi komen kepada ahli lain jika perbincangan perlu diadakan pada bahagian tertentu teks atau terjemahan. Bacaan pruf yang dilakukan selepas proses penyuntingan juga tidak perlu dihantar semula kerana hasil yang diubah dan dibetulkan telah tersedia dalam pautan. Walaupun mod segerak (synchronous) ini mempunyai kekangannya yang tersendiri, namun penghasilan akhir dalam bentuk buku dapat dilakukan dengan mudah. Terjemahan Teks 1 dan Teks 2 perlu dihasilkan dalam bentuk buku, oleh itu, reka bentuk dan penyusunan kandungan buku perlu dilakukan. Bersama-sama rakan penterjemah yang lain, penulis berusaha untuk mengumpul semua hasil akhir untuk disusun atur dan direka letak menjadi buku elektronik (e-book) sebelum dicetak. Dalam situasi pandemik ini, kumpulan projek terpaksa membuat pencetakan di salah sebuah kedai di Pulau Pinang. Oleh itu seorang wakil yang berdekatan dengan kampus dilantik untuk menguruskan percetakan sebelum hasil akhir terjemahan dihantar kepada penyelia/pensyarah untuk tujuan penilaian.

Kaedah kerja yang berbeza pula berlaku untuk terjemahan Teks 3 dan Teks 4, apabila penyusunan akhir untuk kedua-dua hasil terjemahan adalah dalam bentuk digital walaupun tidak dapat dinafikan cabaran tetap ada untuk menggabungkan hasil akhir. Penulis dan rakan-rakan dikehendaki untuk menghasilkan terjemahan Teks 3 dalam bentuk laman sesawang secara tidak rasmi, maka MS PowerPoint ialah perisian yang paling mudah untuk membuat salinan templat serta melapiskannya dengan hasil terjemahan. Salinan ini kemudiannya dieksport ke dalam format PDF sebelum dihantar. Kumpulan kerja ini turut menggunakan laman iLovePDF untuk menggabungkan dan menyusun atur teks sumber juga teks sasaran.

Penulis dan rakan-rakan mendapati bahawa kaedah kerja untuk penterjemahan Teks 4 dirasakan paling mencabar kerana tidak menjumpai perisian yang bersesuaian untuk penyarikataan secara dalam talian. Oleh itu, hanya seorang ahli kumpulan yang dapat menjalankan proses penyusunan dan penyesuaian teknikal setelah semua hasil terjemahan dalam bentuk sari kata dikumpul dan disemak oleh ahli lain. Hasil terjemahan dalam bentuk MS Word berserta kod masa yang tersedia menjadi bahan utama ahli kumpulan ini, dan penyusunan dilakukan dengan menyalin dan menampalnya ke dalam perisian. Tempoh masa dokumentari yang agak panjang,

iaitu hampir dua jam menjadikan kerja kumpulan lebih mencabar kerana penyusunan sari kata juga memerlukan penyuntingan setelah disesuaikan dalam alat teknikal. Cabaran muncul kerana aspek bahasa **yang** harus dibetulkan dan pada masa yang sama, ahli kumpulan perlu mengambil kira faktor teknikal penyarikataan seperti aksara, baris, tempoh masa, bahasa, audio dan video. Berkat kerjasama setiap ahli kumpulan, semakan dapat dilakukan melalui platform Zoom sebelum video akhir dihantar kepada penyelia melalui pautan OneDrive kerana saiznya yang besar.

Peranan Ahli Projek

Penulis, yang merupakan sebahagian daripada pelajar yang terlibat dalam projek terjemahan ini merupakan pelajar tahun tiga program Ijazah Sarjana Muda Terjemahan dan Interpretasi. Maka, semua pelajar berperanan sebagai penterjemah. Pembahagian tugas kerja dalam projek ini menyebabkan lantikan diadakan untuk memperlihatkan proses kerja seolah-olah berlaku dalam dunia penterjemahan yang sebenar. Dengan itu, terlihatlah fungsi atau peranan yang perlu dimainkan oleh sebilangan ahli dalam kumpulan projek, seperti fungsi dan peranan pengurus besar projek, penyelarass teks ketua kumpulan yang merangkap ketua penterjemah serta ketua beberapa portfolio tugas lain seperti ketua penyunting, ketua pembaca pruf, dan ketua penyelidik dalam semua kumpulan kecil projek. Setiap ketua portfolio yang dipilih atau yang menawarkan diri secara sukarela kemudiannya melantik beberapa ahli lain dalam kumpulan untuk sama-sama memikul tanggungjawab merealisasikan projek ini.

Setiap ahli projek bukan sahaja berperanan sebagai penterjemah tetapi juga perlu melakukan pencarian bahan rujukan untuk dikongsikan dengan ahli lain dalam kumpulan. Pengumpulan bahan rujukan ini dapat membantu ahli projek untuk menyelaraskan penggunaan istilah atau sebagai bahan sokongan semasa menyunting. Pemahaman konteks teks juga menjadi lebih baik dengan adanya rujukan-rujukan yang relevan. Dalam tempoh pandemik ini, pencarian maklumat banyak dilakukan secara individu, dan dapataannya agak terhad yang mungkin disebabkan masalah talian atau kemahiran mencari maklumat individu. Namun begitu, dengan adanya perkongsian maklumat sesama rakan projek, proses kerja menjadi lebih mudah dan efisien.


Misalnya, ahli kumpulan cuba menangani cabaran kerja masing-masing dengan merujuk Pusat Rujukan Perpustakaan Melayu (PRPM) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan hasil rujukan ini turut dikongsikan dalam OneDrive atau dilampirkan sebagai komen teks dalam dokumen MS Word untuk dimanfaatkan oleh ahli kumpulan. Cara ini turut membantu ketua penterjemah dan ketua penyunting dalam tugas kumpulan dan tugas individu. Perkongsian rujukan ini dapat memastikan kualiti terjemahan yang baik dapat dihasilkan dan kepuasan kerja individu dapat dipastikan sebelum semakan dibuat oleh ahli lain, dan sebelum draf akhir dihantar kepada penyelia.

Selain tugas menterjemah, semua ahli kumpulan turut mempunyai peranan tertentu dalam projek dan pembahagian tugas seperti ini serba sedikit membantu melancarkan aliran kerja terjemahan. Penulis dan rakan sekumpulan berkesempatan bergilir-gilir memegang peranan dalam pengurusan kerja untuk setiap teks agar pengalaman memimpin, menyemak terjemahan, menyunting, atau membaca pruf dapat dirasai oleh setiap ahli kumpulan. Walaupun begitu, peranan ketua bagi setiap portfolio kekal sepanjang projek agar pemantauan dan penyelarasan kerja dapat dilakukan secara konsisten. Ketua kumpulan akan mengatur perbincangan atau perjumpaan secara dalam talian untuk menyampaikan sebarang makluman dan mengenal pasti permasalahan yang timbul sepanjang projek berlangsung. Penyelarass setiap teks perlu memastikan ikhtissar terjemahan dicatat dalam pautan supaya tiada komplikasi timbul pada kemudian hari sebagai persediaan untuk kegunaan laporan dan pembentangan akhir. Pastinya, ketua kumpulan dan penyelarass teks menjadi tulang belakang proses projek sekiranya ahli atau ketua portfolio yang lain memerlukan bantuan lebih-lebih lagi dengan kekangan masa dan tugas perlu diselesaikan secara dalam talian. Menurut Suarez (2021), pengurus projek terjemahan (ketua & penyelarass) harus bersikap proaktif

dalam mengenal pasti risiko dan mengutamakan tugas secara berkesan untuk mencapai matlamat projek. Antara kaedah yang dikemukakan oleh Suarez untuk mengurangkan risiko yang berpotensi adalah dengan:

- menghasilkan jadual projek dan berkongsi dengan semua ahli yang terlibat untuk mengelakkan penangguhan dan salah faham,
- melakukan beberapa percubaan terlebih dahulu, membaiki pepijat (*bug*) produk dan memeriksa status fail untuk mengelakkan masalah teknikal timbul semasa penghantaran, dan
- menambah sumber lebih projek jika sumber sedia ada tidak mencukupi demi menepati garis masa yang telah ditetapkan.

Meskipun setiap ahli menjalankan tanggungjawab asas sebagai penterjemah, projek ini masih memerlukan ketua penterjemah untuk membina tapak kerja yang kukuh pada awal proses kerja. Peranan penting ketua penterjemah ini bermula sebelum, semasa dan selepas tugas menyelaraskan istilah, menyunting serta membaca pruf berakhir. Hal ini demikian kerana ketua penterjemah tidak hanya melihat padanan yang sesuai bagi keseluruhan teks tetapi turut memastikan kesinambungan kandungan kekal dalam terjemahan, kedengaran tidak janggal dan unsur lewah dapat diminimumkan. Hubungan kerja yang baik antara ketua penterjemah dengan penyelidik dan penyunting dalam kumpulan adalah sangat penting dalam usaha untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Semua penterjemah dalam kumpulan projek ini juga perlu akur dengan kekangan masa yang dihadapi, oleh itu pengurusan masa perlu dilakukan secara sistematik dan cekap. Cabaran masa ini banyak mengajar ahli kumpulan akan pentingnya penjadualan kerja dibuat pada awal projek dan kepatuhan kepada garis masa perlu dititikberatkan Rajah 3 berikut mengemukakan perancangan dan gerak kerja untuk terjemahan Teks 2 dengan menunjukkan peranan yang telah dimainkan oleh setiap ahli kumpulan.



Rajah 3 Gerak Kerja Projek Terjemahan untuk Teks 2 dan Peranan Setiap Ahli Kumpulan.

Peranan Penyelia Projek

Tidak dapat dinafikan lagi bentuk hubungan antara pelajar dan penyelia ditentukan oleh peranan penyelia itu sendiri. Penyelia akan menentukan suasana dan kaedah penyeliaan sama ada secara

bersemuka di dalam kelas atau melalui dalam talian. Fenomena pandemik COVID-19 yang muncul dengan tidak disangka-sangka sememangnya telah memberikan kesan yang mendalam terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dari segi penyeliaan projek, pengurusan masa, serta penentuan hasil projek. Pandemik ini juga secara khususnya turut memberi kesan tertentu terhadap kesihatan mental kedua-dua pihak. Menurut Puustinen, M. & Rouet, J. -F.,(2009), permohonan bantuan daripada tenaga pengajar (atau sumber manusia lain) boleh dilakukan ketika seseorang menghadapi kesukaran dalam tugas dalam era pandemik, dan tindakan ini dikira sebagai strategi pengaturan sendiri. Dalam konteks ini kelihatan penyelia turut memanfaatkan pelbagai bantuan teknologi, sama ada untuk berkomunikasi dengan pelajar bawah seliaannya, berkomunikasi dengan rakan pengajar, berkongsi maklumat untuk projek dan juga dalam hal menyemak hasil kerja pelajar dari semasa ke semasa.

“Darurat pendidikan” yang hadir dalam era pandemik ini menyebabkan adaptasi terhadap sistem pendidikan perlu dilakukan (Pokhrel & Chhetri 2021). Hasilnya, pelbagai penggunaan platform dalam talian cuba diterokai untuk mengatasi cabaran pengajaran dan pembelajaran ini. Pada hari ini, aplikasi teknologi adalah semakin meluas dan semakin penting, dan tentu sekali bukan sekadar aplikasi untuk hiburan semata-mata lagi. Aplikasi teknologi yang pelbagai, relevan dan praktikal seperti e-pembelajaran, platform dalam talian seperti Cisco Webex, Zoom, WhatsApp sangat membantu dalam pelaksanaan dan penyeliaan projek. Storan data yang dapat diakses oleh kedua-dua pihak (pelajar dan penyelia) seperti OneDrive turut menjadikan pelaksanaan projek semakin mudah dan semakin praktikal. Platform e-pembelajaran sangat memainkan peranan dalam hal perkongsian yang berkaitan dengan arahan kerja, kedatangan, pembentangan hasil kerja dan penghantaran tugas, selaras dengan pandangan oleh Subedi *et al.*, (2020), yang mengatakan bahawa e-pembelajaran akan memudahkan proses pembelajaran semasa penutupan sekolah dan universiti ketika penularan wabak penyakit ini.

Bagi membolehkan pengetahuan bidang yang lebih mendalam diperoleh ahli kumpulan sebagai penterjemah, penyelia turut mengundang pensyarah atau penceramah jemputan dalam bidang yang berkaitan dengan projek yang ditangani dan juga pengetahuan yang berkaitan dengan perkembangan kerjaya pelajar. Antara sesi perkongsian dalam talian yang diadakan ialah Bicara Buku: *Islamic Thought: An Introduction*, Ulasan Novel *Tivi*, Teknologi Dalam Penyarikataan, Proses Penyuntingan, Bengkel untuk Penterjemahan Teks Separa Teknikal, dan Panduan Reka Letak Buku. Pelajar juga dijemput untuk menyertai webinar *Keterampilan Bahasa dan Penterjemah sebagai Asas Kebolehpasaran Pelajar* oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Webinar ini bukan sahaja diadakan secara langsung melalui platform Cisco Webex malahan sesi ini boleh dicapai pada bila-bila masa melalui menerusi YouTube. Penyelia juga banyak menggunakan strategi pembelajaran berbalik (flipped classroom) (Doucet *et al.*, 2020), untuk berkongsi sumber pembelajaran seperti artikel, video dirakamkan terdahulu dan pautan YouTube sebelum sesi kuliah bermula. Kemudian, waktu kuliah digunakan untuk mengasah pemahaman pelajar dengan mengemukakan soalan kepada penceramah jemputan, mengadakan sesi perbincangan yang melibatkan semua pihak (ahli kumpulan atau penterjemah lain, penyelia dan penceramah), bertukar-tukar pendapat dan melatih pelajar bersedia dengan justifikasi yang berkaitan dengan keputusan yang diambil dalam pelaksanaan projek serta mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan penghasilan terjemahan yang bersesuaian.

Pemerhatian pelajar juga menunjukkan bahawa terdapat anjakan paradigma dalam konteks ketercapaian antara pelajar dengan penyelia. Pada awal pelaksanaan projek, pelajar agak berkeberatan untuk menghubungi penyelia melalui platform seperti WhatsApp kerana mereka dibiasakan dengan batas pergaulan bersama penyelia. Mereka telah dilatih untuk berkomunikasi dengan penyelia menggunakan e-mel pada waktu kerja rasmi sahaja ataupun menetapkan janji temu setelah selesainya sesi kelas bersemuka kerana konteks perhubungan sebegini dianggap paling sesuai, formal dan merupakan tanda penghormatan kepada hubungan pensyarah-pelajar.

Namun begitu, norma komunikasi yang baharu muncul apabila komunikasi dalam talian berlaku secara begitu dinamik dalam era pandemik ini. Sebagai contoh, aplikasi WhatsApp yang dahulunya merupakan platform sosial telah beralih menjadi alat komunikasi yang penting untuk berbincang tentang projek terjemahan dan perkembangannya. Penyelia banyak berada dalam mod sedia ada sepanjang masa supaya dapat menjawab soalan pelajar yang dituju dalam kumpulan WhatsApp ataupun yang ditanya secara peribadi. Justeru, penyelia perlu memberi jawapan tepat dan kritis walaupun agak mengambil masa kerana mereka perlu menaip dan membaca semula teks sebelum dihantar untuk mengelakkan sebarang kesilapan maklumat. Komunikasi sebegini kadangkala agak meleret-leret dan membosankan berbanding dengan pertuturan secara bersemuka kerana pelajar tidak dapat memahami mesej secara keseluruhan tanpa mendengar intonasi dan melihat gerak badan penyelia. Oleh itu, jika pelajar berada dalam situasi terdesak, penyelia sentiasa bersedia untuk mengadakan perbincangan singkat melalui nota suara (voice note) di WhatsApp dan perbincangan tempoh panjang menerusi platform Webex bersama-sama ahli kumpulan atau penterjemah lain.

Dalam pada itu, penyelia turut mempunyai tanggungjawab untuk memastikan agar projek terjemahan berada pada garis masa sebagaimana yang telah dijadualkan. Selain perbincangan yang diadakan dari semasa ke semasa, sama ada pada waktu rasmi P&P dan juga di luar waktu P&P, serta melalui temu janji, penyelia juga telah meluangkan masa untuk berbincang dan menyemak terjemahan pelajar walaupun di luar tempoh waktu bekerja dan proses yang berlaku secara berulang ini berkemungkinan besar turut mengganggu masa, beban kerja dan aktiviti peribadi mereka seharian, namun ternyata, para penyelia tetap bersemangat untuk membantu pelajar menghasilkan terjemahan yang terbaik.

Aplikasi alatan teknologi kelihatan turut membantu pensyarah dalam tugas penyeliaan mereka. Perisian OneDrive misalnya kerap digunakan untuk memberi maklum balas kepada pelajar memandangkan penggunaan membolehkan pelajar menguruskan dokumen mereka dengan baik dan sistematik, dan penyelia boleh menyemak dan memberikan maklum balas untuk penambahbaikan menggunakan kaedah yang mudah untuk diakses dan difahami oleh pelajar. Hubungan dua hala dalam penggunaan teknologi ini menjadikan pelaksanaan projek lebih lancar dan berkesan. Sikap tolak ansur penyelia yang begitu memahami akan bebanan dan kekangan masa yang dihadapi oleh pelajar apabila P&P diadakan secara dalam talian sepanjang pandemik ini sangat dihargai. Para penyelia yang begitu prihatin telah bermurah hati untuk melanjutkan beberapa tarikh penyerahan untuk draf terjemahan dan hasil akhir terjemahan. Hubungan dua hala pensyarah-pelajar dapat diperhatikan melalui cakupan skrin dalam Rajah 4 berikut:

Seperti biasanya apabila cuaca baik dengan angin tenang dan matahari bermain dengan rancak bersama sinarnya, ayah tidak ada di rumah. Ada-ada saja kerjanya bagaikan tulang empat keratnya itu tak pernah rehat pun. Mak pun sama, tidak ada di rumah juga. Mak pun rancak dengan tulang empat keratnya. Biasanya kalau musim itu, ayah berada di atas batas bendang dengan pisau cengkoknya, pengandarnya, dan sengahnya. Dia tentunya sedang mencerut rumput yang tumbuh meliar di atas batas-batas itu. Tumbuh begitu cepat pula	As usual, <i>ayah</i> is not home when the weather is nice with calming <i>winds and the sun radiating its golden beams</i>. He's always working his fingers to the bone. Same goes to <i>mak</i> who is never at home. <i>Mak works hard too</i>. Usually during the season, <i>ayah</i> will be on the paddy field with his grafting knife, <i>carrying a pole</i> and wearing a simpering smile. He's definitely cutting the grass that are wildly growing on the borders of the paddy field. Oh, how they grow so fast	12 Fariha Fariz Pemindahan 13 Liza ...winds and the sun radiating its golden beams Sedap lagi tak bunyinya ni? Nur Fariha Binti Mohd Fariz (AMENDED) 14 Fariha Fariz Penguguran 15 Fariha Fariz Neutralisasi - Persamaan fungsian
--	---	---

Rajah 4 Balasan Komen oleh Penyelia dan Pelajar dalam Draf Terjemahan Teks 2.

Kemahiran Mencari dan Menguruskan Maklumat daripada Pelbagai Sumber

Satu daripada hasil pembelajaran yang perlu dicapai melalui kursus HBT 305 Projek Terjemahan 1 ini ialah kebolehan pelajar untuk menyelesaikan masalah melalui kemahiran mencari dan menguruskan maklumat daripada pelbagai sumber. Kaedah penyelesaian masalah kali ini kelihatan agak berbeza daripada tahun-tahun sebelum ini apabila hampir keseluruhan tatacara penyelesaian masalah dan pengurusan maklumat dibuat secara dalam talian. Walaupun berada di rumah sepanjang tahun 2020, sebilangan besar penterjemah mengalami “keletihan Webex”, yang situasinya sangat berbeza dengan apabila projek ini dijalankan secara bersemuka seperti pelaksanaan projek sebelum ini. Walaupun penterjemah mungkin telah terbiasa dengan bekerja secara jarak jauh, namun ketidakpastian jumlah kerja dalam tempoh situasi ini tetap menjadi sumber tekanan yang tidak dapat dielakkan (Liani MK, 2020), dan keadaan ini turut dirasakan oleh kumpulan penulis dan ahli-ahli projek yang lain secara umumnya. Ketika CSA Research menyelidik 1228 penyedia perkhidmatan bahasa daripada 100 negara (2020) didapati bahawa 61% ahli bahasa kurang bekerja dan 56% penterjemah bebas mengalami penurunan dalam pendapatan mereka, walaupun kadar mereka adalah tetap. Berdasarkan statistik ini, apakah bakal terjadi kepada penterjemah pada tahun-tahun akan datang? Dalam domain yang berkaitan, pencarian maklumat merujuk pada usaha yang dimulakan oleh pelajar (penterjemah) sendiri untuk memperoleh maklumat berkaitan tugas atau projek dengan lebih lanjut dari buku atau sumber bukan manusia lain semasa melakukan tugas (Puustinen, M. & Rouet, J.-F., 2009). Oleh hal yang demikian, penterjemah perlu bersifat fleksibel, menyesuaikan diri dengan situasi yang tidak menentu dan yang paling penting adalah dengan melengkapi diri dengan kemahiran mencari dan menguruskan maklumat daripada pelbagai sumber sama ada untuk menyelesaikan sesuatu projek ataupun untuk perkembangan kerjaya pada masa hadapan.

Dalam artikel *How to ... Search for information ...*, Emerald Publishing (2021) mengetengahkan pandangan bahawa kemampuan untuk mencari dan menguruskan maklumat yang relevan dengan kajian atau projek adalah salah satu kemahiran utama yang dapat meningkatkan keputusan pemarkahan serta kualiti pengalaman belajar secara menyeluruh. Berdasarkan artikel ini, terdapat empat komponen kemahiran mencari maklumat yang berguna untuk diambil kira oleh pelajar sebagai penterjemah untuk menjayakan projek terjemahan. Pertama adalah dengan mengetahui platform yang sesuai untuk mencari maklumat seperti bahan-bahan utama dalam lingkungan bidang projek, jurnal, buku, Internet, sumber utama, pangkalan data dan lain-lain, serta cara untuk mencapainya. Maylor dan Blackman (2005) membezakan antara pelbagai pengetahuan yang diperlukan, iaitu pengetahuan akademik, pengetahuan empirik dan pengetahuan tentang cara untuk melakukan kajian (kaedah penyelidikan). Pengetahuan akademik meliputi sumber informasi seperti buku teks, monograf dan jurnal banyak membantu untuk mencari input dan penjelasan yang lebih demi memastikan terjemahan yang dilakukan adalah kemas dan teliti. Sepanjang semester, penyelia banyak menghulurkan sumber sebegini kepada pelajar dan pada masa yang sama penulis dan rakan-rakan lain juga melakukan kajian mereka sendiri dengan banyak membaca bahan oleh sarjana seperti *Handbook of Translation Studies* (Gambier & Doorslaer, 2010), *A Textbook of Translation* (Newmark, 1988), *In Other Words* (Baker, 1992) dan lain-lain yang mudah dicapai di Google Books. Namun begitu, capaian sumber adalah tidak pelbagai kerana pelajar tidak dapat pergi ke perpustakaan di kampus dan hanya mampu bergantung pada sumber dalam talian atau bahan bacaan yang sedia ada.

Selain itu, maklumat yang merangkumi bahan media seperti surat khabar, televisyen, majalah, artikel oleh syarikat dan pangkalan data juga dirujuk. Sumber empirik ini banyak digunakan sepanjang perjalanan projek juga untuk mengenal pasti isu semasa yang diselaraskan dari aspek budaya dan penggunaan istilah terkini dalam hasil terjemahan. Pencarian semua maklumat ini dibuat secara melayari sumber yang dipercayai seperti ResearchGate, Google Scholar, UNESCO, jurnal oleh universiti yang terkemuka, serta laman web berita seperti Bernama dan New Straits Times dan lain-lain.

Jenis maklumat yang diperlukan untuk memahami topik dan kata kunci juga penting sebelum setiap projek dimulakan. Oleh itu, penting sekali untuk penulis sebagai penterjemah memahami jenis teks sumber yang akan diterjemahkan dengan membaca prakata untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang tujuan pengarang asal atau memahami kandungan keseluruhan teks. Hal ini demikian kerana penterjemah sebagai perantara juga mesti menentukan tujuan terjemahannya kepada pembaca sasaran. Dengan cara ini penterjemah dapat menentukan pendekatan yang bersesuaian yang boleh digunakan untuk menghasilkan teks terjemahan. Dalam konteks penterjemahan, pendekatan-pendekatan semantik, komunikatif, idiomatik, pragmatik atau adaptasi adalah antara yang tersedia untuk dipilih oleh penterjemah, diikuti dengan langkah pencarian maklumat yang berkaitan. Pengajaran dari sudut pandangan orang Islam, penggunaan dialek Kedah dan gaya bahasa peribadi pengarang asal, penggunaan kiasan dengan makna konotasi negatif, seksual, metafora, paralelisme, pengulangan dan lain-lain adalah antara beberapa aspek yang perlu dicarikan rujukan tambahan dan difahami oleh penterjemah. Bantuan penjelasan daripada pensyarah atau pakar bidang dalam teks yang diterjemahkan juga turut membantu kerja penterjemah menangani struktur ayat khusus bidang serta makna yang rumit.

Satu lagi maklumat yang diperoleh adalah yang berkaitan dengan kaedah untuk merekod hasil carian secara menyenaraikan “jejak audit” (audit trail). Memandangkan aktiviti praprojek merupakan aktiviti secara kerjasama dengan penterjemah dalam kumpulan kecil lain dalam projek, maka ketua kumpulan penulis ini telah mengadakan satu folder khas untuk kursus HBT 305 Projek Terjemahan dalam pautan OneDrive yang mempunyai folder untuk setiap projek, senarai rujukan, diikuti dengan senarai istilah serta padanannya yang dipanggil “bank istilah” (term bank). Setiap penterjemah memainkan peranan untuk menyenaraikan rujukan yang diperoleh daripada laman sesawang, Google Books dan lain-lain, serta istilah sumber bersama padanannya yang ditemui dalam bahan penulisan akademik. Dengan ini, aliran proses penterjemahan dapat dijalankan secara lancar kerana semua ahli dalam kumpulan besar dapat merujuk senarai ini untuk keperluan terjemahan masing-masing. Lebih-lebih lagi, apabila setiap teks terjemahan disusun menjadi satu teks lengkap, maka penggunaan bahasa dan istilahnya akan menjadi konsisten, mudah dibaca dan difahami oleh pembaca sasaran.

Jelas bahawa fasiliti penyelidikan akan terus menjadi cabaran yang besar kepada penterjemah yang bekerja secara terasing dan bersendirian, oleh itu penyediaan ruang fasiliti yang mantap sangatlah diperlukan sebagai respons dalam situasi yang tidak disangka (Elmer, Steven J. dan Durocher, John J., 2020). Selain membatalkan atau menangguhkan projek yang akan menyebabkan pelajar lambat bergraduasi, setiap pihak memainkan peranan untuk menjayakan keempat-empat projek kecil ini dalam tempoh yang kritikal dan singkat dengan pelbagai kemahiran mencari dan menguruskan maklumat diperlukan. Pandemik, yang menyebabkan penangguhan serta pembatalan proses penilaian dan peperiksaan secara fizikal disebabkan sekatan pergerakan merupakan kesan yang tidak menyenangkan atau menyedihkan kepada para pelajar (Pokhrel & Chhetri, 2021). Kehadiran pandemik COVID-19 ini telah mencabar kehidupan mereka yang berada di dalam sektor pendidikan (juga dalam sektor-sektor penting lain) menyebabkan semua pihak perlu mengubah suai norma kehidupan sedia ada mereka serta mengadaptasi dengan perubahan drastik yang memberikan impak yang ketara terhadap mental dan fizikal seseorang, serta tidak dapat dinafikan kesan perubahan yang besar dalam amalan sosiobudaya masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran sebegini sebenarnya turut mempunyai kesan yang positif juga, apabila penulis sendiri khususnya, dan masyarakat secara umumnya mula berusaha untuk menyesuaikan diri dengan norma kehidupan baru yang lebih sihat dan selamat, serta bergerak ke arah mempelajari kemahiran baharu, yang tentunya mempunyai kesan jangka masa panjang yang positif dalam kehidupan masa hadapan.

RUMUSAN

Sukar untuk dinafikan bahawa perjalanan penulis dan rakan-rakan dalam pelaksanaan tugas projek ini sememangnya sangat mencabar dalam tempoh pandemik ini. Banyak cabaran dihadapi dan kekangan yang terpaksa diatasi dalam usaha menyiapkan projek. Namun, menerusi kepayahan itu beberapa inisiatif telah diambil dengan sebaiknya untuk memastikan projek dapat disempurnakan. Inisiatif ini bermula daripada pengurusan dalam pembahagian tugas, pengurusan kumpulan kerja dan sebagainya. Penulis dan rakan-rakan juga turut mengenal pasti tugas dan peranan yang perlu dimainkan dalam pelaksanaan projek. Pada masa yang sama pelajar turut menghargai peranan yang dimainkan oleh penyelia dalam memastikan terjemahan yang dihasilkan adalah baik dan berkualiti, dan berjaya mempersiapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran bagi membolehkan mereka menceburi bidang pekerjaan dalam bidang ini dengan penuh yakin. Ringkasnya, cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19 ini memerlukan pelajar untuk mengubah suai cara pembelajaran dan kaedah pelaksanaan projek agar bersesuaian dengan situasi konteks pendidikan semasa. Pelajar juga perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran insani seperti kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi interpersonal, penyelesaian masalah, dan mematuhi kod etika dalam profesyen semasa melaksanakan projek. Cabaran ini bukan sahaja hadir semasa musim pandemik, malahan perlu dapat ditangani pada sepanjang proses pembelajaran mereka, walaupun dalam situasi pembelajaran yang biasa, sebelum dan selepas COVID-19.

Penulis dan rakan turut memastikan mereka memanfaatkan teknologi dengan sebaik mungkin bagi membolehkan kerja-kerja dapat dijalankan dengan sempurna, komunikasi dapat diadakan dengan berkesan dan kemahiran-kemahiran ini sememangnya menjadi nilai tambah yang sangat bernilai kepada seseorang penterjemah. Penyelesaian masalah dibuat melalui kemahiran mencari dan menguruskan maklumat daripada pelbagai sumber. Pemerhatian ini secara tidak langsung mendapati bahawa pembinaan perpustakaan awam atau pusat sumber pendidikan terutama di kawasan luar bandar sangat memberi manfaat kepada pelajar, khususnya pelajar menengah dan institut pengajian tinggi, tambahan lagi di kawasan yang mempunyai fasiliti Internet dan liputan jalur lebar yang terhad. Akses kepada maklumat di sini (secara fizikal dan dalam talian) mungkin dapat menampung keperluan kepada maklumat yang tidak dapat diliputi oleh Internet peribadi di rumah. Bantuan kuota Internet lebih tinggi kepada pelajar IPT dengan kadar bayaran yang rendah juga merupakan satu inisiatif yang baik khususnya dalam konteks pendidikan yang semuanya berlaku secara dalam talian dalam era pandemik ini, juga mungkin akan berterusan sehingga selepas era pandemik. Menerusi kajian fenomenologi ini, penulis telah memperlihatkan perkara sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan projek terjemahan dalam ruang lingkup pandemik ini, yang tentunya dapat dijadikan sebagai iktibar oleh orang lain pada masa hadapan.

RUJUKAN

Baker, M. (1992). *In Other Words*. New York: Routledge.

CSA Research. (2020). COVID-19 Freelancer Survey Data: Overall Results. Diambil daripada <https://csa-research.com/More/Featured-Content/Leadership-Resources/Overall-Freelancer-Survey-Data> pada 22/4/2020.

Docquin, C. (2021, April 27). "What the Covid-19 crisis can teach us about Project Management?" Sciforma. <https://www.sciforma.com/blog/what-covid-19-crisis-can-teach-us-about-project-management>

Doucet, A., Netolicky, D., Timmers, K., Tuscano, F. J. (2020). "Thinking about pedagogy in an unfolding pandemic (An Independent Report on Approaches to Distance Learning during COVID-19 School Closure)". Work of Education International and UNESCO. https://issue.com/educationinternational/docs/2020_research_covid-19_eng

Elmer, Steven J. and Durocher, John J. (2020). "Moving student research forward during the

- COVID-19 pandemic". *Advances in Physiology Education*, 44(4), 741-743. doi:10.1152/advan.00153.2020
- Emerald Publishing. (2021). "How to... Search for Information". Diambil dari <https://www.emeraldgrouppublishing.com/how-to/study-skills/search-for-information> pada 21/4/2020
- Gambier, Y. & Doorslaer, L. V. (2010). *Handbook of Translation Studies*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Liani MK. (Disember, 2020). "Translating during the Pandemic: Takeaways from 2020". Diambil daripada <https://medium.com/not-lost-in-translation-a-guide-by-jala/translating-during-the-pandemic-takeaways-from-2020-49a17100a6ab> pada 17/4/2020.
- Lotz, J. (2020, November 11). "5-Star Crisis: Managing a Construction Project During the Pandemic". ProjectManagement.Com. <https://www.projectmanagement.com/articles/663202/5-Star-Crisis--Managing-a-Construction-Project-During-the-Pandemic>
- Maylor, H., dan Blackman, K. (2005). *Researching Business and Management*, Basingstoke, United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Hertfordshire: Prentice Hall International.
- Pandian, Ambigapathy & Balraj, Shanthi. (2015). "Digital Lifeworlds and Designers of Literacy Practices in Malaysian Schools". 10.1057/9781137539724_13
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). "A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning". *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>
- Puustinen, M. & Rouet, J.-F. (2009). "Learning with new technologies: Help seeking and information searching revisited". *Computers & Education*, 53(4), 1014-1019. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2008.07.002>
- Suarez, Y. (2021, 13 Januari). "Five skills a translation project manager needs". Institute of Translation and Interpreting. <https://www iti.org.uk/resource/five-skills-a-translation-project-manager-needs.html>
- Subedi, S., Nayaju, S., Subedi, S., Shah, S. K., Shah, J. M. (2020). "Impact of e-learning during COVID-19 pandemic among nursing students and teachers of Nepal". *International Journal of Science and Healthcare Research*, 5(3), 9.
- United Nations. (2020). "Policy brief: Education during COVID-19 and beyond". United Nations. https://www.un.org/development/desa/dspd/wp-content/uploads/sites/22/2020/08/sg_policy_brief_covid-19_and_education_august_2020.pdf
- Yellow Brick Consulting. (Disember, 2020). "Keeping your project on track during a crisis". Diambil daripada <https://www.emeraldgrouppublishing.com/opinion-and-blog/keeping-your-project-track-during-a-crisis> pada 25/4/2020.

A CONTRASTIVE ANALYSIS OF FIGURATIVE LANGUAGE AND VISUAL IMAGERY IN “THE LITTLE PRINCE”

Nurshahirah Azman
Universiti Teknologi MARA

ABSTRACT

The process of translation takes into consideration the differences that exist between two languages to ensure there is no distortion in meaning. Such consideration is important especially when translating figurative language and imagery in literary texts. This writing analyses the figurative language and imagery used in the English-to-Malay translation of the popular fictional literary text “The Little Prince” written by Antoine de Saint Exupéry. Focusing on similes, metaphors, and visual imagery, this article describes a study that employed a contrastive analysis approach in analysing both the source text (in English) and the target text (Malay translation) to identify figurative language and imagery used and the translation strategy employed. It was found that the translator mainly employed paraphrasing strategy in translating most of the English similes, metaphors, and visual imagery. This is followed by translating using similar meaning and similar form, as well as omitting words. It was also found that few of the paraphrased translations did not completely deliver the original meaning from the source text. However, it was done on a stylistic purpose which still makes sense in the target text for the target language readers.

Keywords: *contrastive analysis, translation, figurative language, visual imagery*

INTRODUCTION

Translation traverses beyond simply changing words in one language to another. According to online Oxford Learner’s Dictionary, translation is defined as “the process of changing something that is written or spoken into another language”. In general, translation refers to the delivery of a source text (ST) into the target text (TT) while ensuring that the “surface meaning” of the two languages are nearly similar and that the structures of the ST are preserved as much as possible without distorting the structures in the TT (McGuire, cited in Iskartika, Haryanti and Fatimah, 2016).

Translation enables cross-cultural communication regardless of language differences. However, this can only be achieved if the translation itself takes into consideration the various differences that exist between the two languages. In reality, it will be close to impossible to generate translations that are completely similar to the text in the original language without distorting the meaning which will only lead to confusion among the readers of the TT. The process of translation is not just the act of transferring lexical items, but it is also a process of transferring the whole intended information that lies within the ST to the TT (Puteri Roslina, 2017).

Figurative Language and Imagery in Literary Texts

The challenge to perfectly deliver the intended information from the ST to the TT is most commonly experienced by translators in the process of translating figurative language, as well as imagery in literary texts. Figurative language, according to Montgomery *et al.* (2007, p. 117), is defined as words or phrases implying meaning that is not literal but makes sense. In another word, figurative language suggests a comparison of something, to something else so that it is viewed in terms of the other thing (Krisnawati, 2017). Figurative language can be classified into many types; however, this article will only be focusing on similes and metaphors. Simile is defined as an indirect comparison between two things that are different using the word “like” or “as”, or any other equivalent terms (Krisnawati, 2017; Puteri Roslina, 2017). Conversely, metaphor is a comparison of two things that are essentially different but without the word “like” or “as” hence it is considered simile in some sense (Larson, 1998, p. 271). Newmark (1988) stated that metaphors include dead metaphor, cliché metaphor, stock metaphor, adapted metaphor and recent metaphor.

Imagery, on the other hand, is defined as the impression established to sustain readers’ imagination through one word, or a string of words, hence also known as imaginative description in literary texts (Kusumawardhani and Doyin, 2019). Arp *et al.* (2005) classified imagery into several types such as visual, auditory, olfactory, and gustatory imagery. For this article, the focus will only be on visual imagery. Kusumawardhani and Doyin (2019) described visual imagery as a way to trigger imaginative images among readers through visual suggestive power that clearly explains the object in description.

Baker’s Translation Strategies

It is important for translators to be able to choose the appropriate translation equivalence and strategies during the process of translating figurative language and imagery in literary texts. There are several strategies that translators need to apply when they work on figurative language and fixed expressions of the source language. Some of the developed and classified by Baker (2018) are as followed:

- Translating by similar meaning and similar form
- Translating by similar meaning but different form
- Translating by paraphrasing (with related or unrelated words)
- Translating by omission of words

Previous studies that explored the translating strategies of idiomatic expressions from English to a different target language found that most translators would use paraphrasing, followed by omission. Saputro (2012) examined the strategy used in the translation of idiom expression in *Harry Potter and the Deathly Hallows* and found that paraphrasing was the most used strategy. Lafta (2015) who examined the strategies used in the Arabic version of *Animal Farm* also reported similar findings, where paraphrasing is mostly used in translating, while omission was the least used. Rima Fauziah (2017) who analysed the translation of the poem *A Song of the Sea* also found that the whole translation employed the paraphrasing strategy. Hashemian and Arezi (2015) conversely had found that omission was mostly used in the translation of idiomatic expression in the movie *Mean Girls* (2004) and *Bring it On!* (2009).

The Little Prince by Antoine de Saint Exupery

Based on previous studies discussed earlier, not many have actually explored the strategies used in translating figurative language of the popular tale *The Little Prince* by Antoine de Saint Exupéry. With that, this article discusses the translation of figurative language and imagery in the English-to-Malay translation of this popular tale. This simple yet complex book has been around for nearly 75 years, being the most widely interpreted book ever published. To date, this book has been translated into over 300 languages and dialects and adapted to numerous art forms and media (Lemay, Eastabrook and Mackenzie, 2018). Hence, it will be interesting to explore the way this 4th most translated book in the world is delivered in the Malay language from the English version, as the strategies are analysed and discussed.

This article is based on research that aims to identify the figurative language used in the book *The Little Prince*, focusing on similes and metaphors, as well as the visual imagery. This study also aims to analyse the strategies used by the Malay translator, Ezzah Mahmud in the Malay version of the book and to discuss how well the translation maintained the intended meaning of the ST in the TT.

METHODOLOGY

This study employs a text analysis method in analysing the Malay translation of *The Little Prince* by Ezzah Mahmud (2018) that was translated from the English translation of the same book, by Wilco Publishing House (2018). Contrastive analysis is used throughout this study to identify similarities and differences in terms of metaphor, similes and visual imagery occurring in both languages that are being compared. Even though contrastive analysis was developed in the 1950s for the purpose of identifying similarities and differences of two languages for language learning purposes, this approach also allows translators and researchers to investigate two languages by comparing and contrasting both (Ajeng, 2020). Once the similes, metaphors and visual imagery were identified, the translation strategies were analysed based on Baker's (2018) translating strategies. The strategies and the output in the TT were examined to investigate whether the translation delivered the intended meaning of the ST.

Kesemua gaya bahasa yang mempunyai unsur metafora ini tidak mempunyai padanan secara langsung dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu benar-benar memahami makna ungkapan-ungkapan ini sebelum diberikan padanan yang setara dalam bahasa sasaran. Penterjemah mungkin boleh memilih untuk menterjemah unsur metafora ini dengan metafora yang sepadan dalam bahasa sasaran, atau boleh mengabaikan unsur metafora ini dengan menjelaskan maknanya dalam bahasa sasaran. Tanpa mengira pilihannya, penterjemah perlu memastikan bilangan aksara untuk padanan maknanya harus sesuai dengan keperluan teknikal sari kata. Sehubungan itu, tindakan penyuntingan sari kata sangat perlu diberikan perhatian agar komposisi sari kata yang dihasilkan adalah baik dan pada masa sama mengekalkan mesej yang ingin disampaikan.

Bagi membolehkan mesej dan kesan mesej dikekalkan dalam sari kata, penterjemah telah berusaha sebaik mungkin untuk mengaplikasi teori terjemahan yang dipelajari dalam pelaksanaan projek ini. Cabaran yang dihadapi juga cuba diatasi dengan merujuk kepada panduan yang boleh dimanfaatkan untuk mengatasi masalah, khususnya bagi penterjemah muda yang perlu berhadapan dengan budaya dan gaya bahasa sumber yang dianggap mencabar. Aspek teknikal seperti perubahan tempoh masa dan keselarasan antara sari kata dengan visual juga perlu ditangani dengan baik oleh penterjemah. Secara umumnya, penterjemah telah memanfaatkan pengetahuan yang berkaitan dengan sembilan asas terjemahan sari kata yang diperkenalkan oleh Gottlieb (1994), iaitu pemecahan, pengguguran, pemindahan, ringkasan, parafrasa, peniruan, pengembangan, penyesuaian, dan transkripsi.

Setelah menterjemah, semakan atau bacaan prof pertama dilakukan terhadap hasil terjemahan. Proses ini sangat penting sebelum skrip atau sari kata dimasukkan ke dalam perisian dan disesuaikan dengan video teks sumber untuk mengelak daripada mengambil masa yang lebih panjang semasa proses penyuntingan. Penghasilan sari kata yang berkualiti yang menjadi matlamat juga dapat dicapai apabila penambahbaikan dibuat menerusi semakan kali kedua sebelum sari kata disisipkan dalam program asal dokumentari.

Penyesuaian Teknikal dan Penyusunan

Dalam proses penyesuaian teknikal, perisian diperlukan bagi digunakan untuk menyunting sari kata mengikut turutan kod masa. Proses ini dijalankan selepas proses bacaan prof atau semakan terjemahan skrip yang telah dilakukan secara berasingan daripada video. Dengan kata lain, terjemahan ini dihasilkan dalam bentuk Microsoft Word terlebih dahulu untuk membolehkan bacaan prof dan penyuntingan dilakukan sebelum terjemahan akhir dihasilkan. Bagi penterjemah, perisian pilihan yang dirasakan lebih selesa untuk digunakan ialah SubtitleEdit, iaitu antara perisian sari kata yang dikenali oleh ramai pengguna dalam bidang ini kerana proses teknikalnya sangat praktikal dan mudah digunakan.



Rajah 4 Penyesuaian Teknikal dan Penyusunan dalam SubtitleEdit.

Semasa proses pemindahan skrip dari Microsoft Word kepada SubtitleEdit, penterjemah tidak mengalami sebarang halangan atau kesukaran terutamanya dalam menyusun setiap dialog. Penterjemah kemudian berjaya mendapatkan sari kata asal berbahasa Inggeris oleh Netflix yang tersedia dengan kod masa semasa proses transkripsi dilakukan. Walaupun begitu, disebabkan penyediaan sari kata bahasa sasaran terikat dengan faktor aksara dan tempoh masa, maka sari kata yang akan dihasilkan semestinya memberi perhatian yang lebih kepada faktor-faktor ini. Dengan itu, proses penyesuaian dan penyusunan masih perlu dijalankan untuk mengelak daripada berlakunya kesilapan dalam sari kata, pertindihan dan penyiaran sari kata yang terlalu cepat atau lambat. Proses penyesuaian ini besar manfaatnya kepada penghasilan sari kata kerana proses ini dapat mempercepat proses penghasilan sari kata yang baik dan berkualiti. Penambahbaikan juga dapat dilakukan menerusi proses penyuntingan yang seterusnya, jika perlu. Perubahan sari kata yang berlaku semasa proses penyesuaian dibuat sering kali melibatkan perubahan kod masa atau pemecahan sari kata selaras dengan audio penutur. Oleh itu, proses ini diselaraskan dengan penyuntingan sebelum keseluruhan sari kata disunting dan disemak sekali lagi dalam fasa kedua projek. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara sari kata yang belum disunting dan selepas disunting berdasarkan pemasaan yang terlibat.

Jadual 1 Perbezaan sari kata sebelum dan selepas penyusunan berdasarkan pemasaan.

Sebelum sari kata disusun dan disesuaikan	Selepas sari kata disusun dan disesuaikan
23 00:02:47,633 --> 00:02:50,733 {\an8} RICK HANSON: Ketika mereka yang berada di Barat	27 00:02:47,983 --> 00:02:51,122 {\an8} RICK HANSON: Suatu ketika orang di Barat
24 00:02:50,733 --> 00:02:53,467 {\an8} menjalani taraf hidup terbaik	28 00:02:51,147 --> 00:02:54,893 {\an8} menjalani taraf kehidupan yang terbaik dalam sejarah,
25 00:02:53,467 --> 00:02:58,100 {\an8} dalam sejarah, mengapa pada yang sama	

Penyuntingan

Penyuntingan secara menyeluruh dilakukan selepas penterjemah membuat pratonton sari kata yang telah disusun. Langkah ini amat penting kerana keselarasan audio dan visual perlu dihasilkan, khususnya bagi sari kata interlingual. Oleh itu, penyuntingan sangat mustahak untuk menangani hal-hal yang berkait dengan struktur kedua-dua bahasa yang berbeza, yang secara langsung memberi kesan kepada faktor teknikal penyediaan sari kata, seperti bilangan aksara, penentuan baris sari kata dan jangka masa yang diambil untuk penyiaran sari kata. Keselarasan ini penting memandangkan terjemahan dan penyuntingan awal dilakukan secara berasingan dalam format Word.doc. Sesudah itu barulah sari kata disalin masuk dan disunting sekali lagi dalam perisian SubtitleEdit. Dengan menggunakan perisian ini, penterjemah dapat melihat penyiaran sari kata pada video secara terus, menyunting sari kata di dalam kotak teks yang tersedia, serta melaraskan kod masa berpanduan kepada gelombang bunyi yang ditunjukkan. Usaha ini dapat memberi gambaran hasil akhir kepada pelajar sebagai penterjemah dan penyunting dalam usaha menghasilkan sari kata yang berkualiti. Semasa menyunting, penterjemah turut merujuk idea tentang kaedah penyediaan sari kata yang disarankan oleh sarjana untuk mengelakkan berlakunya kesilapan sama ada dari segi makna, ejaan, ataupun struktur. Jadual 2 berikut memaparkan contoh kesilapan yang boleh berlaku dan penambahbaikan yang dibuat selepas penyuntingan.

Jadual 2 Hasil sari kata sebelum dan selepas disunting.

Kapsyen teks sumber	Sari kata bahasa sasaran sebelum disunting	Sari kata bahasa sasaran selepas disunting
032 00:54:45,533 --> 00:54:48,033 DAN HARRIS: <i>We arrived at night, a spine-rattling</i>	1032 00:54:45,533 --> 00:54:48,033 DAN HARRIS: Kami tiba pada waktu malam, jalan berlopak	1027 00:54:45,270 --> 00:54:48,210 DAN HARRIS: Kami tiba pada waktu malam, dalam perjalanan menggerunkan
1033 00:54:48,033 --> 00:54:52,433 <i>ride down a single, man-gled road into a city under siege.</i>	1033 00:54:48,033 --> 00:54:52,433 perjalanan yang gemerincing ke bandar yang sedang diserang dengan teruk.	1028 00:54:48,235 --> 00:54:52,304 melalui jalan sempit ke bandar yang sedang dikepung.

Proses Pascapenyarikataan

Pembacaan Pruf Serta “Spotting” Produk Akhir

Penterjemah untuk program dokumentari seharusnya mempunyai pengetahuan tentang kandungan program yang diterjemahkan kerana program sebegini menyampaikan maklumat tentang sesuatu bidang khusus. Oleh itu, ketika proses penghasilan sari kata, penelitian tentang jargon khusus dan istilah amat signifikan dalam kerja penterjemahan. Istilah yang sepadan dengan bidang ilmu dalam dokumentari sangat diutamakan agar mesej bidangan ini dapat disampaikan dengan tepat dan lengkap, walaupun sari kata yang dihasilkan itu tertakluk kepada aspek teknikal penyarikataan. Apabila selesai penyuntingan awal, bacaan pruf akan dibuat sekali lagi untuk memastikan sari kata berkoheren, lancar dan mudah difahami oleh penonton. Pemilihan kosa kata dan frasa juga seharusnya bersesuaian dan tepat. Dari segi pemasaan, sari kata perlu ditayangkan ketika seseorang mula berbicara dan seharusnya hilang apabila individu tersebut berhenti bercakap. Kajian menunjukkan bahawa jika sari kata berada di skrin lebih lama dari tempoh penonton benar-benar membaca, penonton akan cenderung untuk mengulang pembacaan mereka. Penterjemah, sebaik mungkin cuba mengelakkan keadaan ini daripada berlaku. Oleh itu, sekiranya penterjemah melihat atau “terlihat” (spotted) dialog yang agak panjang, penterjemah akan mensegmentasikan ayat tersebut dan membuat pelarasan menggunakan SubtitleEdit agar kod masa dan sari kata adalah selaras, kelihatan kemas serta mudah dibaca oleh penonton.

Penterjemah juga akan memastikan bahawa keperluan teknikal penyarikataan juga diikuti seperti penggunaan jeda atau titik dalam sari kata serta segmentasi teks dilakukan dengan sempurna. Contohnya, jika sari kata yang dihasilkan hadir dalam bentuk satu baris sahaja, maka adalah lebih baik jika sari kata itu digabungkan dalam dua baris sari kata bagi mengelakkan sari kata tersebut berada di skrin pada masa yang singkat (Diaz Cintas dan Remael, 2006). Biasanya, dalam bacaan pruf produk akhir, penyunting jarang-jarang sekali membuat pembetulan yang ketara memandangkan semasa proses sari kata dihasilkan, penterjemah telah memastikan pilihan padanan dari segi istilah adalah betul, panjang dialog bersesuaian dan padanan ungkapan yang dihasilkan dalam bahasa sasaran adalah sesuai dengan konteks cerita. Bacaan pruf untuk produk akhir hanya penting untuk membetulkan kesilapan lain-lain yang tidak disengajakan.

Penghasilan Produk Akhir

Kemunculan secara bersinkroni sari kata dengan elemen visual adalah sangat mustahak. Hal ini merupakan satu kriteria yang mempengaruhi kualiti sari kata dalam sesuatu program. Jika sari kata ditayangkan terlalu awal atau terlalu lewat, penonton akan keliru serta perhatian mereka akan terjejas. Maka program tersebut tidak dapat dinikmati dengan baik. Semasa dokumentari yang lengkap dihasilkan, pemasaan yang tepat adalah perlu bagi menentukan dialog dan sari kata adalah selaras dan penonton dapat mengenal pasti pengujar serta dialog yang diujarkan dalam program tersebut. Selepas sari kata dan kod masa diselaraskan dalam perisian SubtitleEdit, penterjemah memulakan proses menjadikan dokumentari tersebut sebagai sebuah rakaman baru dengan sari kata yang telah dihasilkan dengan sebaiknya. Perisian SubtitleEdit memainkan peranan yang sangat signifikan dalam menyelaraskan sari kata dan kod masa serta jangka masa sesuatu sari kata perlu ditayangkan di skrin. Bukan itu sahaja, perisian ini juga telah membantu menjadikan dokumentari ini sebagai suatu rakaman yang menyeluruh. Walaupun perisian yang sebenar akan dicadangkan atau disediakan oleh agensi atau industri apabila pelajar menceburi bidang penyarikataan selepas tamat belajar, namun untuk tujuan pembelajaran adalah sangat bermanfaat sekiranya pelajar dapat memahirkan diri dalam mengendalikan perisian seperti SubtitleEdit, Aegisub dan perisian yang lain. Secara khusus, Projek Terjemahan yang diikuti oleh pelajar ini berjaya membantu pelajar untuk memahirkan diri dengan perisian penting dalam penyediaan sari kata. Hal ini dapat dijadikan sebagai persediaan untuk penterjemah apabila mereka memasuki dunia sebenar penyarikataan sari kata selepas tamat belajar nanti.

KESIMPULAN

Hasil pemerhatian yang dibuat menerusi projek ini mendapati bahawa pelajar sebagai penterjemah telah berjaya mengaplikasi pengetahuan yang diperoleh sejak awal program pengajian. Hal ini dapat dilihat melalui projek terjemahan yang memerlukan pelajar menghasilkan sari kata bagi program audiovisual yang dipilih. Pemahaman dari segi terjemahan membolehkan penterjemah membuat justifikasi yang baik dalam menentukan mesej yang perlu dikekalkan dalam sari kata, serta memilih elemen linguistik yang dapat mewakili mesej. Pada masa yang sama, penterjemah juga berkebolehan untuk menyesuaikan sari kata dengan elemen audio dan visual yang hadir dalam program dokumentari. Kemahiran penggunaan bahasa dapat dipertingkatkan, dan pemahaman budaya juga dapat diperluas kerana proses menterjemah bukan sahaja setakat merealisasikan mesej dalam teks sasaran, tetapi juga memberi peluang kepada penterjemah sebagai penonton pertama untuk mempelajari perkara baharu, sama ada menerusi program yang ditangani, mahupun menerusi pembacaan dan rujukan yang dilakukan dalam kerja terjemahan ini. Penterjemah, malahan turut dapat berkongsi dengan penonton umum yang lain tentang mesej yang ingin disampaikan dalam program dokumentasi tersebut, dalam bahasa yang mereka fahami. Dari sudut pembelajaran, pelajar turut mempelajari dan memahami elemen istimewa terjemahan audiovisual, dibandingkan dengan terjemahan bagi dokumen biasa yang lain, kerana mereka dapat meneroka dan menerima pakai perisian sari kata dan elemen teknikal lain yang berkaitan dengan projek ini. Pengetahuan ini secara tidak langsung membentuk kemahiran dalam menangani alatan. Pengetahuan ini kemudiannya dapat dikembangkan dan ditambah baik dalam praktis penggunaan perisian yang menjadi keperluan bagi kerjaya dalam bidang ini.

Sekiranya dilihat kepada relevannya pembelajaran ini dalam mempersiapkan pelajar untuk melangkah ke dalam industri terjemahan audiovisual atau penarikataan, maka jelas sekali bahawa daripada pengalaman projek terjemahan ini, amalan yang dipraktik dalam projek ini merupakan suatu percubaan dan pengenalan awal terhadap skop kerjaya yang sebenar, walaupun mungkin tidak semua pengetahuan seperti prinsip tertentu syarikat atau agensi tertentu diliputi secara menyeluruh dalam kursus ini. Oleh itu, bagi pelajar, mereka boleh dikatakan telah bersedia untuk memasuki dunia penterjemahan audiovisual dengan minda yang terbuka dan sentiasa bersedia untuk menerima pengetahuan baharu kerana proses pembelajaran sebenarnya tiada hentinya.

RUJUKAN

- Baker R. G. (1982) *Monitoring Eye-movements While Watching Subtitled Television Programmes: A Feasibility Study*. London: Independent Broadcasting Authority.
- Diaz-Cintas J., & Remael A. (2006), *Audiovisual Translation: Subtitling*. Manchester: St. Jerome Publishing.
- Diaz-Cintas J., & Remael, A. (2014). *Audiovisual Translation: Subtitling (Translation Practices Explained)* (Edisi Pertama). Routledge. Diambil daripada <https://books.google.com.my/books?id=FJK3AwAAQBAJ&printsec=frontcover&dq=diaz+cintas+subtitling+process&hl=en&sa=X-&ved=2ahUKewjAwsiS0cPvAhU9xDgGHdndCCMQ6AEwAHoECAQQAg#v=onepage&q&f=false>
- Díaz-Cintas, J. & Remael, A., 2007. *Audiovisual Translation*. Manchester, UK: St. Jerome Pub.
- Hasuria Che Omar. (2007). *Penarikataan: Satu Kaedah Penterjemahan Audiovisual*. ITBM. Diambil daripada https://books.google.com.my/books?id=LMQTR6ReJ10C&source=gbs_navlinks_s
- ITC (1993) ITC Guidance on Standards for Subtitling, London: ITC.

Khalaf B. K., (2016). An Introduction To Subtitling: Challenges And Strategies. International Journal of English Language, Literature And Translation Studies (*IJELR*), 3(1), 122–129. <http://www.ijelr.in/3.1.16/122-129%20BILAL%20KHALID%20KHALAF.pdf>

Lipscomb, A. Swanson, J. & West, A.(2010) *Emerging Perspectives on Learning, Teaching, and Technology, Global Text*. Dalam Orey, M. Diambil daripada https://textbookequity.org/Textbooks/Orey_Emergin_Perspectives_Learning.pdf

Bahan kajian (program audiovisual):

(2016). *Minimalism: A Documentary About the Important Things* [Netflix]. Brooklyn, NY: Catalyst. D'Avella, M. (Penerbit), Nicodemus, R. (Penerbit), & Millburn J. F. (Penerbit).

ULASAN BUKU : 1984

Aida Harun Ramli
Penterjemah Bebas

Karya: George Orwell

Penerbit: Bibliopress

Cetakan Pertama: 2022

Pengenalan

Novel klasik distopia, 1984, merupakan hasil pena penulis Inggeris tersohor bernama George Orwell (atau nama sebenar beliau, Eric Arthur Blair) yang telah diterbitkan pada tahun 1949, hanya beberapa bulan sebelum Orwell meninggal dunia. Karya ini telah dinobatkan sebagai salah satu mahakarya paling unggul dalam genrenya. Tema dan pengajaran, elemen serta istilah tertentu yang tercipta melalui novel ini seperti *Big Brother*, *Newspeak*, dan *DoubleThink*, masih relevan dan giat dibincangkan sehingga hari ini dalam konteks perkembangan politik yang berpaksikan pengukuhan kuasa dan percubaan kerajaan untuk mengawal rakyatnya dalam pelbagai segi.

Menurut sumber tertentu, Orwell dipercayai telah menulis 1984 berdasarkan pemerhatian dan tafsirannya terhadap situasi politik yang berlaku di Soviet Union di bawah pemerintahan Stalin pada ketika itu. Meskipun karya ini sering disebut-sebut sebagai ramalan tentang kemungkinan yang boleh berlaku pada masa depan, Orwell pernah menjelaskan dalam satu temu bual bahawa kisah ini ditulis sebagai kisah amaran (cautionary tale) buat masyarakat dunia agar sentiasa peka dalam mempertahankan hak-hak kebebasan rakyat, malah perlu juga sentiasa menghargai nilai kebebasan itu sendiri supaya tidak sekali-kali mengalami situasi hidup di bawah kerajaan totalitarian yang menindas seperti yang dialami oleh Winston Smith. Karya ini yang telah diterjemahkan buat kali pertama ke dalam bahasa Melayu oleh Aida Harun Ramli (juga pengulas) dan diterbitkan oleh BiblioPress pada Mei 2022.

Ulasan

Karya 1984 terdiri daripada tiga bahagian (Bahagian I, II, dan III), disusuli oleh lampiran di bahagian belakang yang menjelaskan prinsip-prinsip bahasa *Newspeak**¹.

Bahagian I melakarkan latar belakang novel ini serta memperkenalkan watak protagonis, seorang lelaki berusia 39 tahun yang bernama Winston Smith. Beliau tinggal dan bekerja di kota London, sebahagian daripada wilayah Oceania yang berada di bawah pemerintahan “Parti Sosialis Inggeris” atau ringkasnya “Parti SOSING”. Peperangan berlaku secara berterusan dan silih berganti antara Oceania dengan dua lagi wilayah besar dunia yang diberi nama Eurasia dan Eastasia. Meskipun rakyat hidup dalam keadaan miskin dan tertindas, namun propaganda yang saban hari disogok kepada mereka menuntut sepenuh ketaatan dan kepercayaan mereka terhadap Parti SOSING. Figura yang mengepalai Parti, dikenali sebagai Bang Besar (Big Brother), dijulung sebagai tokoh pemimpin dan pelindung Revolusi. Bang Besar dipuja-puja dan diangkat sebagai penyelamat oleh rakyat yang taksub walaupun hakikatnya tiada siapa pun pernah berjumpa dengannya.

1 *Newspeak* ialah bahasa rasmi Oceania yang telah dicipta dan sedang disempurnakan untuk memenuhi tuntutan ideologi SOSING. Bahasa ini dijangka akan dapat menggantikan Oldspeak (standard English, atau Bahasa Inggeris baku) menjelang tahun 2050.

Suasana kehidupan yang wujud dalam 1984 agak menyeramkan dari segi kawalan ketat yang dikenakan oleh Parti terhadap rakyat dalam segenap aspek kehidupan mereka – segala gerak geri, perbuatan, percakapan, malah wajah mereka tidak pernah terlepas daripada diperhati, meskipun ketika mereka berada di dalam kediaman sendiri. Dengan kehadiran alat yang disebut “teleskrin” yang terpasang di setiap rumah, setiap perbuatan dan percakapan akan dirakam. Di luar rumah pula, sentiasa ada anggota Polis Fikiran yang mengintip, ada polis peronda yang berkeliaran dan ada mikrofon tersembunyi untuk merakam perbuatan:

“Seberapa kerap ataupun dengan sistem apa Polis Fikiran menerobos masuk dan memerhati seseorang, itu menjadi teka-teki. Malah tidak mustahil mereka mengawasi setiap orang pada setiap masa. Apa pun, mereka memang mampu mengintip sesiapa sahaja, pada bila-bila masa mereka mahu. Maka, kehidupan perlu dijalani, dan sememangnya dijalani, dengan anggapan bahawa setiap bunyi yang dihasilkan boleh didengar, dan setiap gerak-geri juga diawasi kecuali dalam gelap ...”

Pengawasan ketat sebegini bertujuan untuk memastikan rakyat sentiasa taat dan hidup dengan pemikiran dan tingkah laku yang selari dengan ajaran dan ideologi Parti. Sesiapa yang didapati terpesong daripada landasan ketaatan ini (walaupun hanya dengan memikirkan sesuatu yang tidak wajar, istilahnya Jenayah Fikiran) akan berhadapan dengan risiko dipenjarakan, diseksa, dihantar ke kem buruh kasar, malah dilenyapkan terus tanpa sesiapa pun tahu apa yang terjadi kepada mereka.

Pendek kata, golongan rakyat sama sekali tidak diberi ruang atau kebebasan untuk berfikir, menyuarakan pendapat atau membangkang ideologi atau perintah Parti. Sebaliknya saban hari, mereka disuap propaganda tentang kehebatan parti dari pelbagai segi sehingga mereka seolah-olah hilang kemampuan untuk berfikir secara logik dan rasional. Malah, walaupun dihidangi dengan fakta yang berlawanan atau tidak masuk akal, rakyat tetap dapat menerimanya dengan mudah, lantaran pengamalan teknik Dua Minda (doublethink) yang melatih minda seseorang untuk menerima dua perkara yang bertentangan sebagai kedua-duanya benar.

Sementara itu, Parti juga menjalankan aktiviti pemalsuan realiti dan penukaran sejarah – proses penggantian maklumat sedia ada dengan maklumat lain sebagai cara “mengemas kini masa lampau” - secara besar-besaran agar dapat memperlihatkan ramalan dan keputusan Parti sebagai sentiasa tepat dan untuk menutup sebarang cacat-cela dan kelemahan Parti daripada dikesan oleh rakyat. Fungsi ini diletakkan di bawah ruang lingkup kerja Kementerian Kebenaran, dan Winston sendiri yang bekerja di Jabatan Rekod di bawah kementerian tersebut terlibat dalam pembohongan nyata ini dalam melaksanakan tugasnya sehari-hari.

Seiringan dengan itu, penghapusan kesan sejarah dan rekod yang sahih menyebabkan tidak ada cara untuk mengetahui keadaan sebenar yang wujud pada zaman kapitalis sebelum berlakunya Revolusi. Tidak ada cara untuk mengesahkan sama ada versi sejarah yang diceritakan oleh Parti adalah benar ataupun tidak. Satu adegan dalam Bahagian I - apabila Winston cuba berdialog dengan seorang lelaki tua di sebuah pub untuk mengorek maklumat tentang keadaan hidup pada zaman sebelum revolusi agak mencuit hati dan sekali gus pembaca dapat merasai kekecewaan Winston yang mendalam apabila percubaannya menemui kegagalan.

Dalam Bahagian II novel ini, kesunyian Winston terubat apabila dia berkenalan dan memulakan hubungan cinta rahsia dengan Julia, seorang gadis anggota Parti yang jauh lebih muda daripada dirinya. Walaupun mengharungi seribu kesukaran, mereka berjaya mencari jalan untuk saling berkomunikasi, berjumpa di tempat sulit dan akhirnya bercengkerama di dalam sebuah bilik sewa di atas kedai barangan antik milik Encik Charrington, seorang pekedai tua. Perbuatan ini mengundang risiko besar kerana anggota Parti sama sekali tidak dibenarkan menjalin hubungan cinta sesama mereka, manakala perkahwinan hanya dibenarkan setelah mendapat kelulusan parti. Itu pun semata-mata untuk tujuan menghasilkan zuriat bagi menjamin kesinambungan Parti.

Dalam keadaan hidup yang begitu menghimpit dan tertekan, jiwa Winston terus memberontak dalam diam. Pemberontakannya yang bermula secara halus (dengan membuat catatan rahsia dalam sebuah diari) tidak berhenti di situ. Interaksi Winston dengan seorang anggota Parti Dalamann bernama O'Brien akhirnya menjuruskan penglibatannya dalam satu komplot bawah tanah bernama Gerakan Persaudaraan, iaitu suatu organisasi rahsia yang dihasratkan untuk menjadi langkah permulaan misi menggulingkan pemerintahan Parti agar dapat memberikan kebebasan kepada generasi akan datang. Namun, hakikatnya, hal ini akan mengambil masa yang sangat panjang dan hasilnya tidak mungkin akan dilihat dalam kehidupan zaman itu.

“Kehidupan sebenar hanya boleh ditemui pada masa hadapan. Kita akan menyertai kehidupan itu sebagai sekelumit debu dan serpihan tulang. Namun berapa jauh pada masa hadapan itu, tidak dapat kita tahu. Mungkin seribu tahun lagi...”

Dalam melayani impian ini, Winston menaruh harapan bahawa golongan proletariat yang membentuk 80% daripada populasi Oceania (yang juga membentuk lapisan strata sosial paling bawah) akan dapat bersatu menggembelng tenaga untuk menggulingkan Bang Besar dan Parti. Namun, hakikatnya, waima bilangan mereka sangat besar, golongan ini tidak mempunyai kebijaksanaan dan kesedaran politik yang diperlukan. Mereka terlalu dungu dan tolol, dan saban hari dilekakan dengan hal-hal remeh-temeh, pertengkaran, kerja rumah, minuman bir dan permainan loteri.

Dalam Bahagian III pula, pembaca dapat meneroka jalan cerita novel ini dengan penuh debaran. Apakah yang terjadi pada Winston seterusnya, terutamanya susulan penglibatannya dalam Gerakan Persaudaraan? Apakah pengakhiran kisah cinta terlarangnya dengan Julia? Adakah Winston cukup kental semangatnya dalam memperjuangkan kebebasan, dan adakah Gerakan Persaudaraan akan berjaya melemahkan kekuasaan Parti dan Bang Besar?

Gaya Penceritaan, Tema dan Mesej

Gaya penceritaan Orwell yang sangat deskriptif, terperinci dan teliti memberikan gambaran yang jelas tentang keadaan hidup bawah pemerintahan rejim totalitarian Parti SOSING. Pembaca diberi akses untuk menyelami pengalaman, fikiran, emosi dan memori watak Winston Smith sahaja, dan bukan watak lain seperti Julia atau O'Brien. Dalam erti kata lain, cerita ini dihayati sepenuhnya dari kaca mata Winston. Terselit sedikit adegan erotik dalam novel ini tetapi digambarkan oleh Orwell dengan ringkas dan tidak secara eksplisit, maka penterjemah dapat terus setia dan selesai menterjemah mengikut teks asal, tanpa perlu bimbang akan penerimaan pembaca.

Banyak simbolisme telah digunakan oleh Orwell dalam novel ini sebagai representasi suatu idea, maksud atau konsep. Contoh simbolisme objek yang digunakan dalam 1984 ialah teleskrin (sebagai simbol pengawasan dan ketiadaan privasi) dan bongkah kaca pemberat kertas (simbol era terdahulu dan keinginan Winston untuk berhubung dengan zaman lampau). Tikus pula menjadi simbol ketakutan Winston yang dieksplotasi untuk mematahkan semangat dan jiwanya.

Melalui 1984, George Orwell meniatkan suatu pengajaran yang amat besar untuk dihayati oleh para pembaca tentang bahaya pemerintahan totalitarian yang menelan segenap ruang kebebasan rakyat demi mengukuhkan dan mengekalkan kuasa. Revolusi yang diharapkan membawa pembelaan kepada rakyat dan meningkatkan taraf kehidupan mereka tidak terjadi, sebaliknya rakyat kekal daif, hidup dalam penindasan, malah saban hari disogok oleh penipuan dan manipulasi. Di sini, ternyata terdapat pertindihan mesej antara karya 1984 dengan sebuah lagi karya Orwell, iaitu satira politik beliau yang berjudul *Politik Kandang* (tajuk dalam bahasa asal, *Animal Farm*). Maka, rakyat harus sentiasa peka dan cakna dengan perkembangan politik, dan tidak hanya berdiam diri jika ruang kebebasan mereka sebagai rakyat cuba disempitkan. Rakyat

perlu segera bangun menentang kebobrokan pemerintah yang sebegini agar tidak menerima nasib yang sama seperti Winston Smith dan masyarakat Oceania di bawah pemerintahan Bang Besar dan Parti SOSING. Sebarang pengaruh kuasa yang keterlaluan perlu disekat dari awal. Kewujudan kesedaran politik amat penting dan semangat untuk mempertahankan kebebasan perlu disemat dalam sanubari setiap orang yang bergelar rakyat sesebuah negara.

Secara keseluruhannya, pembacaan novel ini boleh dikatakan sederhana berat – temanya berkisarkan politik, kuasa, kebebasan, risiko dan pengorbanan. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, karya ini memiliki sentuhan kreatif dari aspek kehidupan dan peribadi seorang manusia biasa. Kita dapat berkelana di dunia Winston Smith dan emosi pembaca akan tersentuh apabila novel ini menyingkap tragedi yang menimpa keluarganya, memori tentang ibu dan adiknya, kegagalan perkahwinannya, serta keinginannya untuk mencintai dan dicintai. Pendekatan ini menjadikan pembaca mudah menghayati kisah Winston sebagai seorang lelaki yang bergelut untuk mencari kasih sayang, kebenaran, kebebasan serta keadaan hidup yang lebih baik.

Teknik dan Cabaran Menterjemah

Teknik terjemahan global telah dipraktikkan dalam melancarkan kerja terjemahan teks kreatif ini dengan mengutamakan pemahaman yang jelas oleh pembaca teks sasaran. Aspek gaya bahasa teks sumber dikekalkan, namun penterjemah tidak terikat untuk mengekalkan struktur dan susunan ayat.

Sejujurnya, pengulas yang juga merupakan penterjemah buku ini menghadapi beberapa cabaran tertentu dalam menterjemah karya ini. Dua daripadanya dihuraikan di sini:

- (1) Terjemahan kata nama khas yang dicipta khusus untuk novel 1984 - istilah yang sudah sinonim dengan 1984 seperti *Doublethink*, *Big Brother*, *Newspeak*, *Room 101*, *Thought Police*, *Thought Crime* – telah diserap menjadi kosa kata yang diterima masuk ke dalam bahasa Inggeris. Dalam menterjemah kata-kata nama khas ini, penterjemah turut mendapatkan pandangan penerbit dan penyunting. *Big Brother* pada mulanya diterjemah sebagai “Abang Besar” kemudian ditukar kepada “Bang Besar” untuk mengekalkan aliterasi BB yang wujud dalam teks asal.

Sementara itu, istilah *Doublethink* pada mulanya diterjemah sebagai “Ganda Fikir” tetapi kemudian ditukar kepada “Dua Minda” agar lebih tepat untuk menggambarkan maksud istilah itu sendiri, iaitu proses indoktrinasi yang membolehkan seseorang menerima dua kepercayaan yang bercanggah secara serentak sebagai kebenaran, yang selalunya bertentangan dengan logik atau ingatan mereka sendiri.

Selain itu, terdapat beberapa kosa kata “*Newspeak*” yang terkandung dalam teks asal yang perlu diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan ini ialah ciptaan penulis semata-mata, maka tidak dijumpai dalam kamus dan tidak dapat difahami melainkan jika dibaca dan ditafsir dalam konteks novel ini. Oleh itu, penterjemah perlu menggunakan kreativiti dalam menterjemahnya ke dalam bahasa Melayu. Beberapa contoh padanan terjemahan kosa kata *Newspeak* disenaraikan seperti berikut:

Good -baik

Plusgood -lebih baik

Doubleplusgood – lebih baik-ganda

Unperson – bukan orang

Duckspeak – cakap itik

(2) Terjemahan puisi dan lirik lagu

Cabaran menterjemah puisi dan lirik lagu yang terkandung dalam novel ini turut memberikan peluang kepada penterjemah untuk menerapkan unsur kreativiti dalam proses penterjemahan. Penterjemah membuat percubaan untuk mengekalkan makna yang terkandung dalam puisi dan lirik tersebut, serta cuba untuk mengekalkan ritma dan lenggok asal juga. Dua contoh hasil kerja penterjemah disertakan di sini:

LIRIK LAGU

Teks asal

*“They sye that time ‘eals all things,
They sye you can always forget;
But the smiles an’ the tears across the years
They twist my ‘eartstrings yet!”*

Teks terjemahan

“Kata mereka masa akan mengubati luka
Kata mereka lambat-laun kita pasti lupa
Tapi senyum dan tangis bertahun-tahun lama
Masih menyeksa hatiku jua!”

PUISI

Teks asal

*“Oranges and lemons, say the bells of St. Clement
You owe me three farthings, say the bells of St. Martin’s
When will you pay me? Say the bells of Old Bailey
When I grow rich, say the bells of Shoreditch.”*

Dalam menterjemah puisi ini, penterjemah telah berusaha keras untuk mengekalkan corak ritma yang sama, iaitu dua ritma berulang dalam satu ayat, seperti berikut:

Teks terjemahan

“Buah oren, buah lemon, begitu denting loceng St. Clement
Hutang tiga farthing bukan sedikit, loceng St. Martin sibuk mengungkit
Bila akan engkau lunasi? Bertanya pula loceng Old Bailey
Bila aku sudah kayalah, loceng Shoreditch pula mencelah.”

Penutup

Akhir kata, karya terjemahan *1984* menjanjikan sebuah pengalaman pembacaan yang menarik dan unik, terutamanya atas sebab genre buku seperti ini tidak selalu dijumpai. Meskipun temanya agak berat dengan lakaran suasana yang suram serta menakutkan, karya ini ternyata suatu hasil pena yang mampu meninggalkan kesan yang sangat ketara dalam sanubari pembaca, bukan sahaja kerana kepentingan mesejnya tetapi juga kekuatan jalan ceritanya yang terus membuat pembaca tertanya-tanya dan mahu terus menyelak halaman demi halaman. Apa-apa pun nasib Winston Smith di pengakhiran cerita, buku ini tetap menjentik emosi dan mencetuskan inspirasi kerana ceritanya mendukung kisah kekuatan sebuah harapan dan kesanggupan untuk berkorban, demi memperjuangkan sebuah kebebasan.

Julai-Disember/*July-December* 2022

Jilid/*Volume* XXIV

Bil./*No.* 2

INTERPRETASI BAHASA ISYARAT: PERBEZAAN DAN PERSAMAAN DALAM PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA (BIM) DAN KOD TANGAN BAHASA MALAYSIA (KTBM)

Siti Zaharah Abdul Rahim & Leelany Ayob
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Interpretasi bahasa isyarat di Malaysia kebiasaannya dipengaruhi oleh faktor geografi, konteks majlis dan tahap pendidikan khalayak yang terlibat. Seperti bahasa lisan, isyarat dan kod tangan yang digunakan warga pekak dan jurubahasa isyarat juga turut dipengaruhi oleh budaya dan gaya hidup komuniti warga pekak mengikut negeri masing-masing. Namun begitu, Bahasa Isyarat Malaysia telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi warga pekak di Malaysia melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 atau Akta 685. Di Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM) merupakan jenis bahasa isyarat yang dominan dalam kalangan jurubahasa isyarat dan warga pekak. Secara ringkasnya, BIM merupakan bahasa perbualan, manakala KTBM digunakan dalam konteks yang lebih formal. Namun, terdapat beberapa perbezaan yang jelas yang dapat dilihat dalam kedua-dua bahasa isyarat tersebut, terutamanya dari segi isyarat dan kelengkapan penyampaian mesej bahasa sumber. Selain itu, struktur penyusunan isyarat dan perkataan yang disampaikan menggunakan kedua-dua bahasa isyarat tersebut juga berlainan antara satu sama lain. Kertas kerja ini menerangkan perbezaan dan persamaan yang wujud dalam kedua-dua jenis bahasa isyarat tersebut dari segi penggunaan, struktur ayat dan isyarat. Kaedah kualitatif digunakan bagi menjelaskan faktor-faktor yang membezakan BIM dengan KTBM dan persamaan-persamaan yang terkandung dalam kedua-dua jenis isyarat.

Kata kunci: *interpretasi bahasa isyarat, jurubahasa isyarat, BIM, KTBM*

ABSTRACT

The delivery of sign language interpreting in Malaysia is usually influenced by geographical factors, the context of the event and the education level of the audience involved. Similar to spoken language, signs and hand codes used by the deaf and sign language interpreters are also influenced by culture and lifestyle of the deaf community according to their respective states. However, Bahasa Isyarat Malaysia (Malaysian Sign Language) has been recognised as the official language of the deaf in Malaysia through the Persons with Disabilities Act 2008 or Act 685. In Malaysia, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) and Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM) are the types of sign languages that are dominantly used among sign language interpreters and the deaf themselves. In short, BIM is a conversational language while KTBM is used in a more formal context. However, there are some clear differences that can be seen in the two sign languages, especially in terms of signs and the completeness of delivery of the source language messages. In addition, the sign and word arrangement structures in the two sign languages also differ from one another. This paper describes the differences and similarities that exist in the two types of sign languages in terms of the usage, sentence structure and in the signs themselves. Qualitative method is used to explain the factors that differentiate BIM and KTBM and the similarities in the two types of signs.

Keywords: *sign language interpreting, sign language, MySL, KTBM*

PENGENALAN

Apabila pandemik Covid-19 melanda seluruh dunia, masyarakat menjadi lebih peka dengan kehadiran jurubahasa isyarat di kaca televisyen masing-masing, terutama semasa pengumuman penting berkaitan dengan keadaan semasa. Keadaan ini menjadikan bidang interpretasi bahasa isyarat di Malaysia semakin dikenali. Gerak tubuh, mimik muka dan kepantasan jurubahasa melakukan interpretasi menarik perhatian masyarakat Malaysia untuk mengenali bidang ini dengan lebih baik.

Sekitar tahun 60-an, mendiang Tan Yap menjadi jurubahasa isyarat yang pertama dalam kes mahkamah. Beliau mendapat pentauliah daripada Registry of Interpreter for the Deaf (RID), Amerika Syarikat. Keperluan jurubahasa isyarat bertauliah yang kemudiannya meningkat menyebabkan pelantikan guru-guru sekolah pekak untuk menjadi jurubahasa isyarat secara rasmi. Pada tahun 1988, Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur telah memulakan usaha untuk menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat secara percuma untuk warga pekak. Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD atau Malaysian Federation of the Deaf) kini menjadi satu-satunya organisasi di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat yang berkhidmat dalam semua urusan rasmi, mahkamah, pelajaran, pekerjaan, kaunseling, mesyuarat dan persidangan, keagamaan dan pelbagai bentuk komunikasi yang diperlukan oleh warga pekak, termasuklah upacara perkahwinan.

Menurut Pochhacker (2004), proses interpretasi hanya boleh berlaku apabila kedua-dua pihak yang mempunyai batasan bahasa dan budaya hadir pada masa yang sama semasa terjemahan bahasa dan budaya terlibat dilakukan. Pernyataan beliau turut disokong oleh Noraini Ibrahim-Gonzalez dan Noraiha Noordin (2013) yang menyatakan bahawa interpretasi ialah proses yang dilakukan secara langsung dengan kehadiran penutur sebagai penyampai ujaran sumber, pendengar sebagai penerima ujaran sasaran dan jurubahasa sebagai perantara antara penutur dengan pendengar yang berada dalam satu situasi komunikatif yang sama.

Interpretasi bahasa isyarat ialah sejenis interpretasi yang digunakan oleh jurubahasa semasa menterjemahkan bahasa pertuturan kepada warga bisu atau warga pekak dengan menggunakan sistem bahasa isyarat (Muhammad Fauzi Jumingan, 2006). Professional Standards Committee (1997) pula menjelaskan bahawa interpretasi bahasa isyarat membolehkan warga pekak atau kurang pendengaran dan tidak pekak berkomunikasi antara satu sama lain dan interpretasi bahasa isyarat melibatkan dua jenis interpretasi, iaitu interpretasi serentak dan interpretasi berturutan. Secara ringkasnya, interpretasi bahasa isyarat merupakan proses terjemahan langsung yang melibatkan penggunaan bahasa isyarat dan penutur atau penerima ujaran merupakan warga pekak atau kurang pendengaran. Sama seperti interpretasi bahasa lisan, terjemahan yang dilakukan mestilah menepati norma bahasa isyarat yang digunakan berdasarkan budaya dan keperluan khalayak sasaran.

Di Malaysia, terdapat dua jenis bahasa isyarat yang lazim digunakan dalam kalangan warga pekak, iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Kod Tangan Bahasa Malaysia (KTBM). Menurut Goh dan Teh (1993), BIM ialah bahasa isyarat natif yang digunakan oleh warga pekak dalam komunikasi harian dan merupakan satu bentuk bahasa manual-visual yang sebenar dan tidak bergantung pada sesuatu bahasa orang normal. Isyarat-isyarat dalam BIM juga ditunjukkan menurut pentafsiran warga pekak sendiri, iaitu fitur-fitur semantik BIM mempertimbangkan ciri-ciri ikonik isyarat tangan serta pemikiran, pandangan dan budaya warga pekak. KTBM pula menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1985), diwujudkan menurut asas-asas tatabahasa daripada prinsip-prinsip bahasa Melayu sebagaimana yang didengar, dituturkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh pengguna bahasa Melayu. KTBM diperturunkan dalam bahasa tulisan dan menyebabkan tidak wujud sebarang perbezaan tentang struktur dan semantik dalam bahasa Melayu.

Hasuria Che Omar (2009) menyatakan KTBM bukanlah satu bahasa umum, tetapi merupakan salah satu cara untuk warga pekak berkomunikasi dengan menggunakan tatabahasa bahasa Melayu yang baku. KTBM sememangnya memberikan kesan positif terhadap penguasaan bahasa Melayu baku, namun tidak mampu memberikan gambaran dan maksud bahasa yang jelas kepada warga pekak. Berbeza dengan BIM, KTBM tidak mempunyai struktur khusus dan disampaikan mengikut sudut pandang warga pekak yang menggunakannya (Majudiri 'Y' Foundation for the Deaf, 2006). Namun begitu, BIM dan KTBM sering kali digunakan bersama-sama untuk memberikan penerangan yang lebih luas atau terperinci tentang sesuatu mesej (Mohamad Sazali Shaari dalam Bahasa Isyarat Malaysia, 2000).

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Makalah ini akan membincangkan analisis yang berkaitan dengan tiga objektif kajian berikut:

- i. mengenal pasti perbezaan dan persamaan penggunaan BIM dengan KTBM dalam interpretasi bahasa isyarat,
- ii. mengenal pasti faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan dalam penyampaian interpretasi dengan menggunakan BIM dan KTBM, dan
- iii. menghuraikan perubahan yang berlaku selepas interpretasi dilakukan.

Analisis yang dijalankan ini juga akan meneliti tiga persoalan berikut:

- i. Apakah perbezaan dan persamaan penggunaan BIM dan KTBM dalam interpretasi bahasa isyarat?
- ii. Apakah faktor yang menyebabkan perbezaan dalam penyampaian interpretasi dengan menggunakan BIM dan KTBM ?
- iii. Sejauh manakah perubahan yang berlaku selepas proses interpretasi dilakukan?

METODOLOGI KAJIAN

Pemerhatian yang dikemukakan dalam penulisan ini dipilih berdasarkan kesesuaian data dan bentuk analisis. Pada peringkat awal, kajian kepustakaan dilakukan bagi memahami dengan lebih lanjut tentang bidang interpretasi bahasa isyarat dan bahasa isyarat itu sendiri, khususnya dalam konteks masyarakat pekak di Malaysia. Secara amnya, pendekatan kualitatif digunakan untuk memberi penjelasan yang lebih lengkap tentang perkara yang dikaji (MacDonald & Headlam, 1986). Temu bual bersama-sama jurubahasa isyarat di Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) dan guru yang mengajar dengan menggunakan bahasa isyarat di Sekolah Pendidikan Khas, Alor Setar dilakukan bagi mengukuhkan lagi maklumat yang telah diperoleh melalui pembacaan awal dalam tinjauan kepustakaan. Guru juga diminta untuk melakukan interpretasi dengan menggunakan BIM dan KTBM berdasarkan teks sumber yang telah disediakan. Interpretasi lisan kepada bahasa isyarat dilakukan bagi mengumpulkan data kajian. Selepas itu, data yang telah diperoleh direkodkan dan dianalisis. Data daripada kedua-dua hasil temu bual kemudiannya dibandingkan antara satu sama lain bagi melihat persamaan dan perbezaan yang hadir dalam kedua-duanya.

KAEDAH ANALISIS

Analisis untuk melihat persamaan dan perbezaan BIM dan KTBM adalah dari tiga aspek, iaitu khalayak sasaran, isyarat dan struktur bahasa.

Khalayak Sasaran

Menurut Hale (2007), tujuan utama interpretasi dilakukan adalah untuk memindahkan maklumat asal dalam bahasa sumber kepada khalayak sasaran dengan menggunakan cara yang paling koheren (maklumat tersebut berkaitan antara satu sama lain) dan ringkas. Berdasarkan khalayak sasaran, keupayaan jurubahasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan lengkap supaya tidak berlakunya salah faham antara penutur dengan khalayak ataupun maklumat yang disampaikan itu tidak lengkap seperti yang disampaikan oleh penutur dalam bahasa sumber, yang akhirnya menyebabkan komunikasi yang tidak berkesan.

BIM digunakan secara meluas dalam konteks khalayak sasaran yang umum dan besar. Struktur bahasa yang lebih ringkas memudahkan jurubahasa dan khalayak untuk mendapatkan maklumat dengan pantas dalam jangka masa yang sangat terhad. Bahasa Isyarat Malaysia telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di Malaysia melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008 atau Akta 685 dan menjadikan BIM sebagai bahasa ibunda warga pekak di Malaysia (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2018). Menurut jurubahasa PDA, dalam konteks majlis rasmi dan majlis sosial, warga pekak akan lebih fokus sekiranya BIM digunakan semasa interpretasi dilakukan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor struktur bahasa BIM itu sendiri yang lebih ringkas dibandingkan dengan KTBM yang memudahkan mereka untuk mentafsir dan mengekod maklumat tersebut dengan pantas. Selain itu, faktor bebanan maklumat yang lebih banyak turut mempengaruhi khalayak sasaran dalam menumpukan perhatian terhadap jurubahasa isyarat yang bertugas. Dalam sesuatu majlis yang memerlukan jurubahasa menggunakan BIM, kebiasaannya penutur yang boleh berbahasa lisan akan menyampaikan pelbagai jenis maklumat dengan banyak. Penggunaan bahasa isyarat yang lebih ringkas sememangnya akan menjadi pilihan khalayak sasaran dan jurubahasa isyarat itu sendiri kerana terjemahan yang dilakukan perlu menyamai kelajuan dan lenggok bicara penutur bahasa lisan. Meskipun begitu, KTBM tetap akan digunakan sekiranya penekanan konteks struktur bahasa diperlukan untuk menyampaikan maklumat bahasa sumber.

KTBM dibentuk bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran warga pekak agar mereka tidak ketinggalan dibandingkan dengan pelajar bukan pekak. Kementerian Pelajaran Malaysia (1985) menyatakan bahawa KTBM dirancang bagi membantu kanak-kanak pekak di Malaysia belajar dengan berkesan dengan menggunakan bahasa mereka sendiri dan bukannya bahasa lisan. Maka, khalayak sasaran KTBM ialah pelajar sekolah dan bukannya orang awam. Hal ini menyebabkan KTBM lazimnya digunakan dalam prasarana pembelajaran dan pengajaran, bukan dalam konteks majlis rasmi mahupun majlis sosial. Pada tahun 1985, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menerbitkan siri “Komunikasi Seluruh: Bahasa Malaysia, Kod Tangan” yang terdiri daripada empat jilid. Buku-buku tersebut dijadikan sumber utama oleh guru-guru yang mengajar warga pekak dan pelajar pekak di seluruh Malaysia untuk membolehkan sesi pembelajaran dan pengajaran berlaku di dalam bilik darjah. Hasil temu bual mendapati, KTBM menjadi keutamaan guru-guru yang mengajar murid-murid pekak, namun penggunaan bahasa isyarat lain seperti BIM, American Sign Language (ASL) dan British Sign Language (BSL) turut digunakan dalam penyampaian pengajaran yang lebih berkesan. Faktor utama penggunaan KTBM dalam sesi pembelajaran dan pengajaran ialah struktur bahasanya yang lengkap dan bersesuaian dengan keperluan struktur dan tatabahasa bahasa Melayu. Berbeza dengan pelajar yang boleh mendengar, pelajar pekak menggunakan penglihatan sebagai deria utama dalam memahami sesuatu bahasa. Bagi pelajar bukan pekak pula, deria pendengaran dijadikan deria utama dalam memahami bahasa yang dikuasai.

Isyarat


Pada asalnya, hanya KTBM [yang dikenali sebagai Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) pada tahun 1970-an] merupakan satu-satunya bahasa isyarat rasmi di Malaysia (Bahasa Isyarat Malaysia, 2000). Isyarat-isyarat warga pekak yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan telah tercipta dengan sendirinya bagi melengkapkan keperluan komunikasi dalam kalangan mereka dan digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian dan dikenali sebagai bahasa isyarat “semula jadi” bagi warga pekak. Justeru, ia menjadi satu bahasa komunikasi yang digunakan secara meluas untuk berbincang, bergurau-senda dan berbual. Isyarat-isyarat BIM juga mempunyai dialek yang berbeza mengikut kawasan petempatan warga pekak (Hasuria Che Omar, 2009). BIM terbentuk hasil daripada asimilasi budaya dan bahasa rakyat Malaysia dan kosa kata yang terkandung dalam BIM merupakan gabungan isyarat tempatan di Malaysia, KTBM, Shanghai Sign Language dan ASL (Majidiri ‘Y’ Foundation for the Deaf, 2006 & Bell, Zubaidah Ibrahim, Ho & Lim, 2015).

KTBM pula terbentuk hasil daripada terjemahan isyarat-isyarat ASL dan isyarat-isyarat tempatan yang digunakan warga pekak pada sekitar tahun 1970-an (Goh & Teh, 1993). Menurut Asmah Haji Omar (dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985), isyarat KTBM yang mula-mula digubal cenderung menjadi ikonik, iaitu isyarat-isyarat tersebut terikat kepada rujukan dan lambang yang tidak perlu memberikan gambaran fizikal kepada makna isyarat yang digunakan. Perkara ini diakui merupakan satu kelemahan yang ketara dalam pembentukan KTBM dalam sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah kerana para pelajar mungkin tidak dapat menggambarkan sesuatu dengan jelas kerana isyarat-isyarat KTBM tidak spesifik kepada sesuatu perkataan dan taksa (satu isyarat boleh membawa maksud yang pelbagai). Oleh yang demikian, penjelasan yang lebih lanjut perlu ditambah sekiranya guru pelajar pekak perlu melakukan penerangan secara spesifik seperti penggunaan simpulan bahasa, penjodoh bilangan dan peribahasa.


Oleh sebab itu, kebanyakan warga pekak hanya menggunakan KTBM semasa belajar dan mengajar. Semasa berkomunikasi secara santai atau semasa di luar bilik darjah pula, mereka menggunakan BIM. Meskipun terdapat perbezaan dari segi pembentukan isyarat, kedua-dua bahasa isyarat perlu disampaikan bersama-sama mimik muka ataupun ekspresi wajah yang bersesuaian. Jika tidak, isyarat yang digunakan cuma sekadar satu isyarat kosong tanpa perasaan, sebagaimana seseorang penutur secara lisan bertutur tanpa nada dan lenggok bahasa. Seperti juga bahasa lisan memerlukan nada dan lenggok bahasa, BIM dan KTBM bergantung pada kelajuan isyarat serta, yang paling penting, mimik muka pengguna bahasa isyarat tersebut.

Salah satu ciri yang menarik dalam penggunaan bahasa isyarat ialah isyarat nama. Bagi pengguna bahasa lisan, nama seseorang atau sesuatu boleh didengar, justeru tiada masalah untuk dua penutur bahasa lisan berbual atau merujuk sesiapa atau apa-apa yang mempunyai nama tersendiri. Bagi warga pekak, setiap seorang daripada mereka mempunyai isyarat nama yang tersendiri bergantung pada ciri-ciri seseorang. Isyarat nama di Malaysia kebiasaannya terbentuk daripada ciri-ciri fizikal seseorang yang boleh dilihat dari kepala hingga paras pinggang seperti parut, gaya rambut dan lesung pipit.

Selain itu, BIM dan KTBM juga berkongsi isyarat ejaan jari yang sama, iaitu kod huruf atau angka yang digunakan dalam kedua-duanya. Isyarat tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2.




Rajah 1 Isyarat Ejaan Jari BIM Dan KTBM.




Rajah 2 Isyarat Nombor BIM Dan KTBM.

Seterusnya, BIM dan KTBM juga mempunyai isyarat-isyarat tangan yang sama seperti isyarat kata nama “saya”, isyarat haiwan “ayam” dan isyarat kata kerja “makan”.




Rajah 3 Isyarat “Saya” dalam BIM.



Rajah 4 Isyarat “Saya” dalam KTBM.

Isyarat “Saya” dapat dilakukan dengan meletakkan tangan kanan yang membentuk isyarat huruf I di tengah-tengah dada. BIM dan KTBM menggunakan isyarat yang sama untuk kata ganti nama diri pertama “Saya”.



Rajah 5 Isyarat “Ayam” dalam BIM.



Rajah 6 Isyarat “Ayam” dalam KTBM.

Dalam BIM dan KTBM, isyarat bagi “ayam” adalah sama. Dengan tapak tangan kiri menghadap ke atas, jari telunjuk dan ibu jari tangan kanan dirapatkan dan gerakan seolah-olah mematuk dilakukan di tengah-tengah telapak tangan untuk membentuk isyarat “ayam”.




Rajah 7 Isyarat “Makan” dalam BIM.



Rajah 8 Isyarat “Makan” dalam KTBM.


Isyarat “makan” dibentuk dengan menggunakan tangan kanan membentuk huruf O leper dan hujung jari dikenakan ke bibir. Isyarat “makan” merupakan satu isyarat yang bukan sahaja digunakan oleh warga pekak, tetapi turut digunakan oleh individu yang tidak tahu berbahasa isyarat. Isyarat ini juga merupakan salah satu contoh isyarat yang terhasil daripada budaya warga pekak di Malaysia.

Selain persamaan isyarat, terdapat juga perbezaan isyarat dalam BIM dan KTBM. Meskipun membawa maksud yang sama, iaitu seperti bahasa lisan juga, BIM dan KTBM mempunyai perbezaan dari segi cara penyampaian perkataan. Contoh-contoh isyarat yang berbeza dapat dilihat seperti berikut:



Rajah 9 Isyarat “Abang” dalam BIM.

Isyarat “abang” yang merujuk saudara lelaki dalam BIM dilakukan dengan meletakkan tangan kanan berbentuk huruf C di dahi dan dijadikan huruf O leper serta diulang sebanyak dua kali sebelum tapak tangan dihadapkan ke bawah dan digerakkan ke atas.




Rajah 10 Isyarat “Abang” dalam KTBM.

Bagi isyarat “abang” dalam KTBM pula, tangan kanan perlu membentuk huruf G dan menyentuh dahi.




Rajah 11 Isyarat “Tunggu” dalam BIM.

Contoh seterusnya ialah isyarat kata kerja “tunggu”. Dalam BIM, isyarat “tunggu” dilakukan dengan menggunakan kedua-dua belah tangan yang membentuk nombor lima dengan tapak tangan menghadap ke dalam, tangan kanan diletakkan di belakang tangan kiri sebelum kesemua jari di kedua-dua belah tangan digerakkan.




Rajah 11 Isyarat “Tunggu” dalam KTBM.

Isyarat “tunggu” dalam KTBM pula dilakukan dengan lebih ringkas, iaitu dengan menggunakan tangan kanan. Tapak tangan dibuka menghadap ke depan dan berada di sebelah kanan kepala lalu digerakkan sedikit ke depan.



Rajah 13 Isyarat “Minum” dalam BIM.

Selain isyarat “abang” dan “tunggu”, isyarat “minum” juga berbeza antara BIM dengan KTBM. Isyarat “minum” dalam BIM dilakukan dengan tangan kanan membentuk huruf A lalu ibu jari ditegakkan dan menyentuh bibir.



Rajah 14 Isyarat “Minum” dalam KTBM.

Dalam isyarat KTBM pula, isyarat “minum” dilakukan dengan tangan kanan membentuk huruf C seperti sedang memegang gelas sebelum dinaikkan ke tepi mulut seperti orang yang sedang minum.

Walaupun terdapat persamaan dalam isyarat BIM dan KTBM, BIM tidak memiliki isyarat bagi imbuhan perkataan, manakala KTBM mempunyai isyarat-isyarat khusus yang melambangkan imbuhan perkataan dalam bahasa Melayu. Isyarat imbuhan dalam KTBM digunakan secara sama dengan imbuhan dalam bahasa Melayu, iaitu ditambah sebelum atau selepas isyarat kata dasar digunakan. Contoh isyarat imbuhan adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:




Rajah 15 Isyarat Imbuhan “Ber-” dalam KTBM.

Bagi melakukan isyarat imbuhan awalan “beR-”, tangan kiri perlu dibuka tegak dan tapak tangan menghadap ke arah kanan sementara tangan kanan membuat isyarat huruf B dan menghadap ke depan. Tangan kanan tersebut kemudiannya dirapatkan pada tangan kiri, lalu diturunkan sehingga pangkal tapak kanan kiri. Isyarat ini dilakukan sebelum jurubahasa atau warga pekak mengisyaratkan kata dasar bagi sesuatu perkataan. Contohnya, isyarat “beR-” akan dilakukan sebelum isyarat “jalan” untuk merujuk perkataan “berjalan”.

Imbuhan dalam bahasa Melayu mempengaruhi makna sesuatu perkataan bergantung pada jenis dan kedudukan imbuhan dalam sesuatu ayat. Proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa turut dipengaruhi oleh pengimbuhan terutamanya perubahan yang berlaku kepada kata dasar yang akan merubah makna nahunya (Nik Safiah Karim *et al.*, 2015). Contohnya, kata dasar “ambil” akan


berubah makna apabila imbuhan awalan “teR-” ditambah dan menerangkan bahawa perbuatan “ambil” itu dilakukan secara tidak sengaja. Berdasarkan makna dan situasi bahasa begini, BIM juga mempunyai beberapa isyarat yang melambangkan perlakuan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16 dan Rajah 17.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), kata dasar “salin” membawa maksud ganti, tukar atau tiru. Namun, jika ditambah imbuhan “meN-” atau “beR-”, maksud yang dibawa adalah berbeza bagi kedua-duanya. “Menyalin” bermaksud menukarkan atau menggantikan dengan yang lain, manakala “bersalin” bermaksud melahirkan anak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).



Rajah 16 Isyarat “Menyalin” dalam BIM.

Contoh isyarat dalam Rajah 16 menunjukkan isyarat “menyalin” dalam BIM yang merujuk perlakuan meniru semula sesuatu dalam bentuk tulisan seperti menyalin nota. Isyarat “menyalin” dilakukan dengan tangan kanan untuk membentuk nombor lima bengkok yang ditarik menjadi huruf O leper sebelum diletakkan di atas tapak tangan kiri.



Rajah 17 Isyarat “Bersalin” dalam BIM.

Akhir sekali, isyarat “bersalin” yang merujuk proses melahirkan anak. Isyarat “bersalin” dilakukan dengan menggunakan kedua-dua belah tangan. Tangan kanan membentuk huruf I dan ditarik keluar daripada gengaman tangan kiri yang membentuk huruf A.

Sama seperti bahasa Melayu, kosa kata bagi BIM akan sentiasa ditambah dan berkembang mengikut peredaran masa. Banyak isyarat baharu telah dicipta berdasarkan keadaan dan keperluan semasa warga pekak. Sebagai contoh, pada waktu pandemik ini, isyarat bagi virus Covid-19 direka dan digunakan secara meluas. Berbeza dengan isyarat-isyarat KTBM, tiada penambahan isyarat selain isyarat-isyarat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1985. Sekiranya terdapat istilah atau perkataan baharu, jurubahasa isyarat atau warga pekak perlu mengeja istilah atau perkataan tersebut semasa melakukan interpretasi.

Struktur Bahasa

Menurut Hasuria Che Omar (2009), struktur BIM adalah berbeza daripada struktur bahasa Melayu standard mahupun bahasa Inggeris, kerana BIM memberikan tumpuan yang lebih banyak terhadap mesej yang ingin disampaikan dan tidak tertakluk pada struktur tatabahasa mana-mana bahasa tertentu, sama ada yang bertulis atau yang dituturkan, sebaliknya berstatus sebagai “satu bahasa” dan mempunyai tatabahasa yang tersendiri. Oleh sebab BIM merupakan satu bahasa visual, nahu dan struktur bahasa dibentuk berdasarkan cara warga pekak melihat komunikasi yang berlaku dan struktur bahasa yang digunakan juga bergantung pada kandungan dan mesej komunikasi tersebut (Majudiri ‘Y’ Foundation for the Deaf, 2006). Secara ringkasnya, BIM tidak mempunyai struktur bahasa yang tetap dan susunan isyarat bagi BIM berbeza mengikut kefahaman pengguna bahasa itu sendiri.

Asmah Haji Omar (dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985) menerangkan bahawa KTBM terbentuk mengikut asas tatabahasa berdasarkan prinsip-prinsip bahasa Melayu sebagaimana bahasa itu didengar, dituturkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh para pengguna bahasa Melayu. Meskipun begitu, KTBM sebenarnya kekurangan intonasi yang berperanan membezakan bahagian subjek dan predikat dan unsur-unsur frasa dalam ayat. Maka, setiap kod tangan yang diisyaratkan adalah disusun secara mendatar tanpa menunjukkan konstituen terdekat yang tertentu (Goh & Teh, 1993). Ringkasnya, struktur bahasa bagi KTBM adalah sama dengan bahasa Melayu. Namun, bahasa Melayu lisan mempunyai intonasi dan lengkok bahasa, manakala KTBM tidak mempunyai ciri-ciri tersebut.

Contoh perbezaan struktur bahasa antara BIM dan KTBM boleh dilihat dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3. Contoh-contoh tersebut menunjukkan aspek perbezaan struktur bahasa dari segi penggunaan imbuhan, penanda wacana dan kata ganda. Teks sumber dipetik dan diolah dari laman web rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia bertajuk “Gigitan Haiwan”.

Jadual 1 Contoh Perbezaan BIM dan KTBM dari Aspek Imbuhan.

Teks sumber	Gigitan haiwan boleh dibahagikan mengikut beberapa keadaan dan rawatan yang diberikan juga berbeza berdasarkan kepada keadaan gigitan.
BIM	Gigit + Haiwan + Boleh + Bahagi + Beberapa + Keadaan + Rawatan + Beza + Berdasar + Kepada + Keadaan + Gigit
KTBM	Gigit + An + Haiwan + Boleh + Di + Bahagi + Kan + Meng + Ikut + Be + Berapa + Ke + Ada + An + Dan + Rawat + An + Yang + Di + Beri + Kan + Juga + Ber + Beza + Ber + Dasar + Kan + Kepada + Ke + Ada + An + Gigit + An

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat dengan jelas bahawa selepas teks sumber diterjemahkan, jumlah isyarat dan kelengkapan ayat adalah berbeza antara BIM dengan KTBM. Hasil interpretasi BIM, imbuhan perkataan dalam ayat seperti imbuhan apitan “di-” dan “-kan” dalam perkataan

“bahagikan” tidak diterjemahkan. Selain itu, dalam terjemahan BIM juga, imbuhan yang diterjemahkan kepada khalayak sasaran merupakan imbuhan yang sememangnya ada dalam isyarat-isyarat BIM yang tertentu seperti imbuhan apitan “ke-” dan “-an” pada perkataan “keadaan” dan imbuhan awalan “be-” pada perkataan “beberapa”. Imbuhan akhiran “-an” pada perkataan “gigitan” juga tidak diterjemahkan dalam BIM dan diisyaratkan sebagai “gigit” sahaja. Berbeza dengan terjemahan imbuhan yang menggunakan KTBM, oleh sebab isyarat KTBM merangkumi aspek imbuhan, setiap imbuhan yang terkandung dalam teks sumber diterjemahkan dalam KTBM. Perkataan yang mengandungi imbuhan diisyaratkan mengikut kedudukan imbuhan tersebut menjadikan jumlah isyarat yang dilakukan dalam KTBM lebih banyak berbanding dengan BIM.

Jadual 2 Contoh Perbezaan BIM dan KTBM dari Aspek Penanda Wacana.

Teks sumber	Luka perlu dibalut dan seterusnya berjumpa doktor untuk rawatan lanjut.
BIM	Luka + Perlu + Balut + Jumpa + Doktor + Rawat
KTBM	Luka + Perlu + Di + Balut + Dan + Se + Terus + Nya + Ber + Jumpa + Doktor + Untuk + Rawat + An + Lanjut

Berdasarkan Rajah 2, penanda penghubung tambahan “dan” dalam teks sumber merujuk tindakan yang perlu diambil oleh mangsa gigitan haiwan selepas membalut kawasan luka yang terlibat. Penanda penghubung tambahan “dan” tidak diterjemahkan dalam hasil interpretasi BIM tetapi diterjemahkan dalam KTBM. Penghubung tambahan membawa fungsi sebagai penghubung yang memberikan maklumat tambahan kepada sesuatu perkara yang dinyatakan sebelumnya (Nik Safiah Karim *et al.*, 2015). Justeru, fungsi penghubung dalam teks sumber hilang selepas terjemahan dilakukan dalam BIM, manakala fungsi tersebut kekal dalam hasil terjemahan KTBM. Meskipun penghubung tersebut tidak digunakan, namun, berdasarkan temu bual dengan jurubahasa, aturan tindakan yang perlu diambil tetap jelas oleh warga pekak kerana isyarat “balut” yang merupakan mesej penting bagi aturan tindakan yang perlu diambil diisyaratkan terlebih dahulu sebelum isyarat “jumpa” + “doktor” + “rawat”.

Jadual 3 Contoh Perbezaan BIM dengan KTBM dari Aspek Kata Ganda.

Teks sumber	Doktor juga akan membuang tisu-tisu yang mati dan terkena jangkitan kuman sekiranya perlu.
BIM	Doktor + Buang + Tisu + Mati + Tisu + Jangkit + Kuman + Kalau + Perlu
KTBM	Doktor + Juga + Akan + Mem + Buang + Tisu + Jarak + Tisu + Yang + Mati + Dan + Ter + Kena + Jangkit + An + Kuman + Se + Kira + Nya + Perlu

Contoh dalam Jadual 3 menunjukkan terjemahan yang berlaku terhadap kata nama ganda “tisu-tisu” dalam BIM dan KTBM. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2015), penggandaan perkataan berlaku untuk membawa makna-makna tertentu dan penggandaan penuh melibatkan keseluruhan kata dasar jenis kata nama digandakan tanpa sebarang perubahan bentuk. Dalam contoh ini, kata nama “tisu” digandakan secara gandaan penuh bagi menunjukkan bilangan “tisu” yang banyak. Bagi interpretasi yang menggunakan BIM, kata nama ganda “tisu-tisu” ditukarkan menjadi kata nama tunggal “tisu” dan kata nama tersebut diulang dalam wacana yang sama, manakala dalam KTBM, kata nama ganda tersebut dikekalkan. Struktur ayat teks sumber ditukarkan dalam interpretasi BIM dan dikekalkan dalam interpretasi KTBM. Kata nama ganda “tisu-tisu” tidak

diterjemahkan semula menjadi kata nama ganda dalam BIM tetapi dijadikan kata nama tunggal dan dipecahkan kepada dua klausa iaitu “tisu + mati” dan “tisu + jangkit + kuman”. Hal ini disebabkan oleh mesej utama dalam teks sumber berkaitan dengan keadaan tisu tersebut dan bukannya jumlah tisu tersebut. Oleh itu, dalam terjemahan BIM, kata nama ganda tidak diterjemahkan, sebaliknya ditukarkan menjadi kata nama tunggal. Untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas, kata nama tunggal itu diulang sebanyak dua kali bagi menunjukkan keadaan tisu yang perlu diberi perhatian dalam mesej teks sumber.

KESIMPULAN

Sesuatu bahasa hanya dibentuk untuk memenuhi keperluan komunikasi dalam sesuatu masyarakat (Mohamad Sazali Shaari (dalam Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000). Sebagai jurubahasa isyarat yang ditugaskan menjadi penghubung antara warga pekak dengan warga bukan pekak, interpretasi yang dilakukan mestilah menepati keperluan khalayak dalam sesuatu komunikasi. Dalam aspek interpretasi bahasa isyarat di Malaysia, BIM dan KTBM sebenarnya saling melengkapi antara satu sama lain. Meskipun BIM diwartakan sebagai bahasa rasmi atau bahasa ibunda warga pekak di Malaysia, penggunaan KTBM membantu warga pekak dan warga bukan pekak berkomunikasi dengan lebih jelas kerana sistem bahasa KTBM yang sama dengan sistem bahasa Melayu. Perbezaan khalayak komunikasi memainkan peranan penting dalam menentukan pendekatan sistem bahasa yang perlu digunakan oleh jurubahasa semasa melakukan interpretasi. Konteks majlis, tahap pendidikan khalayak dan tujuan penyampaian dilakukan merupakan faktor-faktor penting dalam penggunaan BIM dan KTBM. Walaupun terdapat perbezaan yang ketara terutamanya dari segi penyusunan struktur ayat, BIM dan KTBM boleh digunakan dalam konteks komunikasi yang sama bagi menjelaskan dengan lebih baik makna dan mesej yang ingin disampaikan oleh penutur seperti yang dijelaskan sebelum ini. Tiada pendekatan ataupun cara yang khusus untuk BIM digunakan dan disampaikan, justeru penggunaan KTBM dalam melakukan interpretasi sebenarnya banyak membantu jurubahasa isyarat menambah kosa kata dan mempelbagaikan pendekatan penyampaian bagi memastikan khalayak faham mesej-mesej ataupun maklumat yang disampaikan dalam bahasa sumber.

RUJUKAN

- Bell R. T., Zubaidah Ibrahim, Ho K. W. & Lim L. (2015). “Malaysian Sign Language” (BIM) dalam Jepsen J. B., De Clerck G., Lutalo-Kiingi S. & MacGregor W. B. (Ed.), *Sign language of the world: A comparative handbook*. Berlin/Boston: Walter de Gruyter Inc.
- Goh O. S. & Eh K. H. (1993). *Bahasa tulisan pelajar pekak: Analisis struktur sintaksis ayat berdasarkan teori tatabahasa transformasi generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh S. S. & et al. (2020). *Glosari Pengajian Terjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hale S. B. (2007). *Community interpreting*. New York: Palgrave Macmillan.
- Hasuria Che Omar. (2009). *Penterjemahan dan Bahasa Isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leelany Ayob (2016). “Persediaan Interpretasi”, dalam Haslina Haroon & Hasuria Che Omar (Ed.), *Asas terjemahan dan interpretasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1985). *Komunikasi seluruh: Bahasa Malaysia, Kod Tangan (Jilid Satu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majudiri 'Y' Foundation for the Deaf. (2006). *Understanding Deaf Culture: Malaysian Perspectives*. Kuala Lumpur: Majudiri 'Y' Foundation for the Deaf.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2006). *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*. Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Ibrahim-Gonzalez dan Noraiha Noordin. (2017). *Interpretasi, Kejurubahasaan dan Jurubahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2000). *Bahasa Isyarat Malaysia*. Selangor: Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2003). *Bahasa Isyarat Malaysia Jilid 2*. Selangor: Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2018). *Bahasa Isyarat Malaysia*. Laman web rasmi Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD). Dicapai di <https://www.mymfdeaf.org/bahasa-isyarat-malaysia-bim> pada Januari 2021.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia. (2018). Jurubahasa BIM. Laman web rasmi Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD). Dicapai di <https://www.mymfdeaf.org/jurubahasa-isyarat> pada Januari 2021.
- Professional Standards Committee. (1997). "Professional Sign Language Interpreting". *Registry of Interpreters for the Deaf*, 8(97), hlm. 1-3.
- Shamsul Anuar Asmee. (2019). "Gigitan Haiwan. MyHealth." Dicapai daripada laman web <http://www.myhealth.gov.my/gigitan-haiwan/> pada Januari 2021.
- Tweney R. D. & Hoemann H. W. (2015). "Translation and Sign Languages" dalam Roy C. B. & Napier J. (Ed.), *The Sign Language Interpreting Studies Reader*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.

ANALISIS KESALAHAN DRAF SKRIP PROJEK AKHIR PELAJAR TAHAP 1 KURSUS BAHASA PERANCIS MELALUI APLIKASI GOOGLE TRANSLATE

Saidah Ismail, Norliza Che Mustafa & Nurul Amirah Khairul Amali
Universiti Teknologi MARA

ABSTRAK

Google Translate ialah mesin terjemahan yang popular dan diterima pakai oleh kebanyakan orang di seluruh dunia. Google Translate bukan sahaja menawarkan terjemahan dalam pelbagai bahasa malahan ia juga boleh mempercepat kerja terjemahan. Dalam pembelajaran norma baharu, Google Translate dianggap jalan paling mudah untuk memudahkan kerja terjemahan dan membantu dalam menyelesaikan tugas akademik oleh pelajar. Bukan hanya percuma, Google Translate dianggap mesin terjemahan yang paling dipercayai hingga kesalahan yang terdapat dalam cadangan terjemahan yang diberikan diterima sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam draf skrip main peranan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Perancis di UiTM. Setiap pelajar perlu menghasilkan skrip main peranan secara berkumpulan sebagai sebahagian penilaian berterusan kursus ini. Penilaian ini merupakan 30% daripada keseluruhan markah kursus ini. Skrip yang disediakan perlulah berdasarkan tema yang telah ditetapkan dalam buku teks kursus ini. Skrip yang dihasilkan perlu dihafal dan dilakonan. Berdasarkan analisis draf skrip yang disediakan pelajar, didapati bahawa pelajar menggunakan Google Translate untuk menterjemah ayat bahasa Inggeris mereka ke dalam bahasa Perancis. Analisis ini juga menunjukkan bahawa terdapat kesalahan dalam draf skrip main peranan yang dihasilkan. Kesemua kesalahan ini dapat dibahagikan kepada (i) kesalahan terjemahan kata nama, (ii) kesalahan terjemahan kata ganti nama, (iii) kesalahan terjemahan tatabahasa, (iv) kesalahan terjemahan frasa dan (v) kesalahan terjemahan ayat.

Kata kunci: *aplikasi, Google Translate, main peranan, bahasa Perancis, mesin terjemahan*

ABSTRACT

Google Translate is a popular translation engine and is used by a lot of people worldwide. Google Translate not only offers translations in multiple languages but it also speeds up the translation work. In the new learning norm, Google Translate is considered as the easiest way to facilitate translation work and assist students in completing their academic tasks. Not only is it free, Google Translate is also considered as the most reliable translation machine that even the errors found in the translations are fully accepted. This can be clearly seen in the draft of role-play script by students taking French language courses at UiTM. Each student is required to produce a role-play script in groups as part of the ongoing evaluation of the course. This assessment constitutes 30% of the overall score of this course. The script provided must be based on the theme set out in the textbook of this course. The resulting script needs to be memorised and acted out. The analysis made on the draft script prepared by the students, reveals that the students used Google Translate to translate English sentences into French. The results of the analysis showed that there were errors in the draft of the role-play script. All these errors can be divided into (i) noun translation errors, (ii) pronoun translation errors, (iii) grammatical translation errors, (iv) phrase translation errors and (v) sentence translation errors.

Keywords: *Google Translate, role-play, French language, machine translation*

PENGENALAN

Teknologi hari ini semakin berkembang. Kini, teknologi digunakan dalam kebanyakan aspek kehidupan. Hal ini termasuklah bidang pengajaran dan pembelajaran. Ditambah pula dengan situasi dan norma baharu yang melanda seluruh dunia, teknologi dilihat sebagai satu aspek yang sangat penting dan diperlukan.

Namun begitu, ada ketikanya teknologi yang digunakan dalam sesuatu perkara belum tentu menjamin keberkesanan atau hasil yang sepatutnya. Ada kalanya teknologi yang digunakan memberikan hasil yang tidak sepatutnya hingga memerlukan campur tangan manusia. Walaupun begitu, keadaan ini tidak bermakna teknologi bukanlah sesuatu yang tidak harus digunakan. Namun, penggunaan teknologi ini ada kalanya masih memerlukan semakan dan penambahbaikan lagi oleh manusia.

Hal ini dapat dilihat pada penggunaan Google Translate sebagai mesin terjemahan. Google Translate telah lama digunakan sejak ia dibangunkan oleh Google dan mula diperkenalkan pada April 2006. Google Translate merupakan satu daripada mesin terjemahan yang digunakan secara meluas di seluruh dunia tanpa mengira golongan, umur, latar belakang mahupun profesion pada masa ini. Pelajar di institusi pengajian tinggi juga tidak terkecuali.

Pelajar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam juga didapati menggunakan Google Translate sebagai mesin terjemahan untuk menyiapkan tugas akademik mereka. Hal ini termasuklah tugas menterjemah skrip main peranan (role play) daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis oleh pelajar yang mengikuti kursus bahasa Perancis di UiTM.

Makalah ini membincangkan hasil analisis kesalahan pelajar dalam skrip main peranan bagi kod kursus TFC401: Introductory French Level I di UiTM Shah Alam. Kumpulan pelajar ini didapati menggunakan Google Translate bagi menghasilkan skrip main peranan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Tugas akademik merupakan sebahagian penilaian yang perlu disiapkan oleh pelajar di mana-mana universiti di dunia ini. Pelbagai bentuk dan format penilaian digunakan bagi mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi setiap kursus dan program. Sama ada berbentuk sumatif mahupun formatif, pelajar perlu menyerahkan tugas pada tarikh yang telah ditetapkan pensyarah.

Pelbagai cara, teknik atau strategi digunakan oleh pelajar bagi memastikan tugas dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Hal ini termasuklah menggunakan pelbagai aplikasi, perisian atau peralatan yang dapat memudahkan dan mempercepat proses menyiapkan tugas mereka. Satu daripadanya ialah penggunaan Google Translate yang dilihat dapat memudahkan proses menterjemah daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Kelebihan Google Translate yang menawarkan kepelbagaian bahasa untuk terjemahan secara tidak langsung menjadikannya mesin terjemahan yang paling popular di dunia.

Begitu juga halnya dalam penggunaan Google Translate sebagai mesin terjemahan oleh pelajar yang mengikuti kursus bahasa Perancis Tahap I di UiTM Shah Alam. Ramai pelajar didapati menggunakan Google Translate sebagai mesin untuk menyiapkan tugas mereka. Google Translate juga dianggap sebagai jalan penyelesaian yang paling mudah dan cepat untuk menyiapkan skrip main peranan bagi kursus ini. Dalam situasi pandemik yang melanda, Google Translate dianggap sebagai penyelamat dan pembantu yang dipercayai bagi memastikan skrip main peranan mereka dapat disiapkan.

Namun begitu, adakah Google Translate benar-benar dapat membantu dalam menyiapkan tugas? Jika dilihat dari sudut kecepatan masa, tidak boleh dinafikan lagi bahawa Google Translate boleh menterjemah teks dalam sekelip mata. Namun, jika dilihat dari sudut ketepatan makna pula, adakah Google Translate mampu menghasilkan terjemahan yang betul-betul tepat atau paling tidak, sesuai dengan budaya dan bahasa sasaran? Hal inilah yang menjadi persoalannya. Makalah ini akan membincangkan hasil terjemahan pelajar yang menggunakan Google Translate untuk menterjemah skrip main peranan mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini ditulis berlandaskan objektif, (i) untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ketika menyediakan skrip main peranan dan (ii) menganalisis kesalahan yang terdapat dalam draf main peranan yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis dengan menggunakan Google Translate.

SOROTAN LITERATUR

Komunikasi tanpa sempadan dan penggunaan media sosial hari ini telah menjadikan dunia ini terasa semakin mengecil. Tanpa mengira lokasi, negara, mahupun bangsa, komunikasi kini tidak lagi memerlukan ruang untuk bersemuka. Ilmu dan maklumat juga dapat dicari dengan lebih mudah melalui enjin carian dalam talian. Namun, halangan bahasa masih lagi wujud. Dalam hal ini, terjemahan masih lagi dilihat mempunyai kepentingannya.

Terjemahan manusia merupakan matlamat utama dalam komunikasi antara budaya dan bahasa, namun ia tidaklah praktikal dalam semua situasi komunikasi. Ada ketikanya terjemahan manusia dilihat mengambil masa dan merumitkan. Dalam hal ini, terjemahan mesin dilihat sebagai jalan penyelesaian yang terbaik dan mudah dicapai.

Terjemahan mesin merupakan terjemahan teks yang dilakukan oleh komputer tanpa penglibatan manusia. Terjemahan mesin juga dikenali sebagai terjemahan segera yang menghasilkan terjemahan dalam waktu yang sangat singkat. Pengguna hanya perlu memasukkan maklumat yang berbentuk sama ada perkataan, frasa mahupun ayat dan terus diterjemahkan oleh mesin terjemahan yang dipilih.

Satu daripada mesin terjemahan yang popular ialah Google Translate. Pilihan bahasa yang ditawarkan juga banyak. Google Translate bukan hanya digunakan dalam komunikasi malahan ia digunakan juga sebagai mesin pembelajaran bagi kebanyakan pelajar.

Pelajar yang mengikuti kursus bahasa ketiga di UiTM tidak terkecuali daripada menggunakan Google Translate. Pelajar yang berdaftar di UiTM mempunyai tujuh (7) daripada sembilan (9) pilihan bahasa yang boleh dipelajari mereka sebagai bahasa asing. Setiap kursus bahasa ketiga ditawarkan pada tiga peringkat, iaitu tahap I, tahap II dan tahap III. Setiap pelajar UiTM perlu lulus ketiga-tiga tahap kursus bahasa ketiga yang didaftarkan. Pelajar perlu mengikuti kursus bahasa ketiga sama ada bermula dari Semester 1 atau Semester 2 bergantung pada pelan pengajian program masing-masing (Norhazlina Husin, Nur Anisah Tan Abdullah & Aini Aziz, 2020).

Bahasa Perancis merupakan satu daripada bahasa ketiga yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di UiTM. Sebagaimana kursus bahasa yang lain, kursus bahasa Perancis juga menjadikan main peranan sebagai satu daripada penilaian berterusan kursus bahasa Perancis tahap I selain ujian simulasi, ujian mendengar dan ujian bertulis.

Dalam situasi pandemik yang melanda negara, sesi pembelajaran juga melalui fasa yang berbeza jika dibandingkan dengan pembelajaran dua tahun lepas. Pembelajaran dalam situasi dan norma baharu telah menyebabkan pelajar menjalani sesi pembelajaran 100% secara dalam talian. Hal ini menyukarkan mereka untuk berkumpul dan berbincang secara bersemuka. Dalam hal ini, tidak dinafikan bahawa pelajar mungkin menghadapi masalah untuk menyediakan skrip main peranan secara kumpulan. Oleh sebab itu, jalan paling mudah untuk membuat tugas adalah menggunakan terjemahan dalam talian dengan menggunakan Google Translate sebagai mesin terjemahan.

Penterjemahan mesin (machine translation) merupakan terjemahan yang dijana oleh komputer, sama ada dengan bantuan manusia atau tidak. Penggunaan program terjemahan mesin ini sangat meluas di laman sesawang kerana ia percuma dan mudah diakses tanpa mengira tempat dan masa. Tambahan lagi, kepantasan perisian ini yang mampu menterjemahkan perkataan, frasa dan ayat tanpa perlu merujuk kamus am, kamus peristilahan dan kamus seerti telah menjadikannya mesin terjemahan yang sangat popular. Apatah lagi bahasa yang ditawarkan terlalu banyak, iaitu lebih daripada 50 bahasa (Nur Faezah Mohd Ayob & Hasnah Mohamad, 2015)

Penggunaan Google Translate sebagai mesin terjemahan ada ketikanya dilihat dapat membantu kerja penterjemahan. Namun begitu, ada ketikanya terjemahan yang diberikan tidak bersesuaian dengan konteks dan budaya bahasa sasaran. Hasil terjemahan yang menggunakan mesin terjemahan semata-mata lazimnya berbeza jika dibandingkan dengan terjemahan yang dilakukan oleh manusia. Kesan yang sama seperti teks sumber lebih mudah dirasai melalui terjemahan manusia.

Penterjemah tidak seharusnya bergantung pada mesin terjemahan semata-mata. Sofer (dalam Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman, 2018) menyatakan bahawa mesin terjemahan hanya boleh mempercepat proses penterjemahan yang dilakukan namun maknanya belum tentu tepat. Hal ini turut disokong oleh Iman Santoso (dalam Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman, 2018) yang menyatakan bahawa hasil terjemahan oleh Google Translate masih terbatas dan belum memberikan hasil terjemahan yang sepadan. Kualiti hasil terjemahan daripada satu bahasa kepada bahasa lain tidak selalunya sama.

Beberapa kajian berkaitan dengan terjemahan mesin dan terjemahan dalam talian pernah dilakukan, misalnya oleh Md. Noh Nyata, Mohd Sofian Abdul Latif, Haslina Daud, Siti Saleha Sanusi, Yusnul'Ain Yunus.(2011) yang bertajuk “Penterjemahan Maya - satu kajian kes projek VCD Bahasa Ketiga di UiTM, Shah Alam”. Kajian ini mendapati bahawa penterjemahan maya merupakan kaedah yang paling digemari oleh responden kerana ia mudah dan menjimatkan masa. Analisis terhadap skrip menunjukkan bahawa responden menghadapi masalah dari segi penggunaan tatabahasa yang betul. Dapatan menunjukkan 40% kesalahan yang dibuat oleh responden ialah kesalahan tatabahasa. Dalam hal ini, penterjemahan secara maya ini hanyalah kaedah alternatif untuk mengatasi masalah penyediaan skrip.

Kajian oleh Lubna Abd Rahman dan Arnida Abu Bakar (2018) yang bertajuk “Terjemahan Teks Melalui Google Translate: Analisis Tugas Pelajar FPBU” menunjukkan bahawa ketidaktepatan aspek tatabahasa, semantik dan pragmatik jelas ditunjukkan dalam terjemahan pelajar apabila mereka menterjemahkan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Arab dengan menggunakan Google Translate.

Kajian Penterjemahan Teks Bahasa Melayu ke Bahasa Arab Melalui Aplikasi Google Translate oleh Anuar Sopian, Nur Asyikeen Kamarudin, Fazlinda Hamzah, Mohd Azlan Shah Sharifudin (2020) menunjukkan bahawa penggunaan bantuan aplikasi terjemahan seperti Google Translate sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi mereka yang tidak pernah mempelajari bahasa ini. Kajian juga mendapati bahawa kelemahan Google Translate dalam aspek penggunaan kosa kata dan struktur ayat yang betul juga perlu diberi perhatian.

Bagi pelajar di UiTM, menulis dalam bahasa Perancis bukanlah perkara yang mudah sekiranya mereka yang mempelajarinya tidak mempunyai asas yang benar-benar kukuh. Tambahan lagi, situasi dan konteks sebenar penggunaan sesuatu kata, frasa, ungkapan mahupun ayat, tidak dirasai. Hal ini tentunya sukar kerana bahasa Perancis bukanlah daripada keluarga bahasa yang sama seperti bahasa Melayu yang menjadi bahasa ibunda pelajar. Bahasa yang paling dekat pun ialah bahasa Inggeris.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Perancis di UiTM, pelajar perlu menulis skrip dalam bahasa Perancis. Dalam hal ini, terjemahan dilihat sebagai jalan penyelesaian paling mudah. Oleh sebab para pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang terjemahan walaupun yang asas, mereka menterjemah bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis kerana mereka berasakan bahasa Inggeris lebih dekat dengan bahasa Perancis.

Namun begitu, walaupun bahasa Inggeris dan bahasa Perancis berada dalam susur galur yang sama, iaitu dalam keluarga Indo-Eropah, perbezaan ketara antara kedua-duanya masih wujud terutamanya dari segi tatabahasa, sebutan dan ejaan (Koshal, 2011). Bahasa Perancis juga dipengaruhi oleh bahasa Latin dan hal ini menjadikan bahasa Perancis lebih rumit. Perkataan dalam bahasa ini dapat menunjukkan jantina dan semua faktor ini perlu diambil kira untuk menterjemah ke dalam bahasa Perancis.

METODOLOGI

Kajian secara kualitatif ini menggunakan kaedah analisis teks. Pensyarah kelas akan menyemak draf skrip main peranan yang ditulis oleh pelajar yang mengikuti kursus TFC401: Pengenalan kepada Bahasa Perancis Tahap I bagi mengenal pasti kesalahan yang terdapat dalam ayat bahasa Perancis yang digunakan.

Pensyarah akan membandingkan ayat dalam bahasa Inggeris yang dijadikan sebagai bahasa sumber oleh pelajar dengan ayat terjemahannya dalam bahasa Perancis. Perbandingan ini juga dilakukan pensyarah untuk memahami mesej yang cuba disampaikan oleh pelajar. Secara asasnya, pelajar tidak perlu memberikan ayat dalam bahasa Inggeris kerana main peranan yang akan dilakukan adalah dalam bahasa Perancis.

Melalui semakan draf, pensyarah dapat mengenal pasti bahawa terdapat pelajar yang menghasilkan skrip main peranan mereka melalui terjemahan apabila mereka memasukkan juga ayat bahasa Inggeris dalam draf skrip main peranan mereka.

Kajian ini melibatkan 60 orang responden daripada keseluruhan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Perancis Tahap I pada sesi Mac-Ogos 2021 di UiTM. Pelajar yang terlibat merupakan pelajar sembilan program daripada dua buah fakulti. Kesemua 60 orang pelajar ini dibahagikan kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada 3 atau 4 orang pelajar.

Setiap kumpulan pelajar perlu memilih dan menyediakan skrip main peranan berdasarkan pilihan tema yang telah ditetapkan iaitu:

- (i) *Bienvenue* - Selamat Datang
- (ii) *Ma Famille* - Keluarga Saya
- (iii) *A l'Université* - Di Universiti
- (iv) *Mon Pays* - Negara Saya

Pelajar perlu menyediakan skrip main peranan dengan menggunakan kala (tenses) yang bersesuaian dengan tema dan situasi yang dipilih. Setiap kumpulan pelajar perlu menyerahkan skrip yang disediakan melalui emel kepada pensyarah kelas pada minggu ke-11 pembelajaran.

Pensyarah kelas akan menyemak skrip yang disediakan sebelum dibaiki oleh pelajar. Pelajar kemudiannya perlu menghantarkan semula skrip main peranan yang telah dibaiki bersama pautan Youtube ke Google Drive di platform UFuture. Setiap pelajar perlu menghafal skrip yang disediakan semasa main peranan.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini secara khususnya dapat membantu Unit Bahasa Perancis di Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam dalam pengajaran bahasa Perancis. Contoh-contoh ayat dapat digunakan dalam kelas bagi menunjukkan kesalahan yang sering dilakukan pelajar. Dalam masa yang sama, hasil analisis juga dapat ditunjukkan kepada pelajar supaya mereka berhati-hati apabila menggunakan Google Translate. Para pelajar juga perlu diingatkan agar menyemak hasil penulisan mereka terutamanya setelah mereka menggunakan Google Translate. Mereka boleh menggunakan buku teks sebagai rujukan untuk mempelajari dan memahami tatabahasa bahasa Perancis.

SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya melibatkan skrip main peranan yang ditulis oleh pelajar yang mendaftar kursus bahasa Perancis sebagai bahasa ketiga di UiTM Shah Alam bagi semester Mac-Julai 2021 sahaja. Kajian ini hanya melibatkan analisis kesalahan terhadap skrip main peranan untuk penilaian berterusan bagi kursus TFC401. Hanya draf skrip main peranan yang mengandungi ayat dalam bahasa Inggeris sahaja yang dianalisis. Skrip main peranan yang tidak disertakan ayat bahasa Inggeris tidak dianalisis bagi tujuan kajian ini.

Setiap ayat bahasa Perancis yang dikenal pasti diterjemahkan daripada bahasa Inggeris disemak terjemahannya melalui Google Translate. Semakan ini dilakukan pada bulan Jun 2021 sejurus kumpulan pelajar menghantarkan emel kepada pensyarah kelas. Semakan perlu dilakukan segera kerana draf tersebut perlu dibetulkan sebelum dipersembahkan.

Semua terjemahan yang terdapat dalam draf pelajar ialah terjemahan melalui Google Translate yang dilakukan pada bulan Jun 2021 dan Julai 2021. Kajian ini hanya menerima pakai terjemahan Google Translate pada Jun dan Julai 2021. Semakan semula terjemahan melalui Google Translate pada Jun 2022 mendapati bahawa terdapat ungkapan yang diberikan terjemahan yang sepadan dengan maksud yang sebenar. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa Google Translate membuat kemas kini terhadap cadangan terjemahan bagi pasangan bahasa Inggeris dan bahasa Perancis.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Skrip yang pertama kali dihantar oleh pelajar untuk semakan pensyarah dijadikan bahan analisis untuk kajian ini. Analisis mendapati bahawa pelajar membina ayat dalam bahasa Inggeris terlebih dahulu yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis dengan menggunakan Google Translate.

Dapatan analisis menunjukkan semua kesalahan yang dikenal pasti boleh dibahagikan kepada:

- (i) kesalahan terjemahan kata nama,
- (ii) kesalahan terjemahan kata ganti nama diri,
- (iii) kesalahan tatabahasa,
- (iv) kesalahan terjemahan frasa, dan
- (v) kesalahan terjemahan ayat

Perbincangan seterusnya akan memberikan ayat asal yang ditulis dalam bahasa Inggeris oleh pelajar sebagai bahasa sumber (BS). Ayat ini kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Perancis (sebagai bahasa sasaran, BT) menggunakan Google Translate. Cadangan pembetulan (CP) juga diberikan untuk setiap kesalahan.

Kesalahan Terjemahan Kata Nama

Kata nama ialah perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama. Kata nama digunakan untuk menjelaskan nama sesuatu yang bernyawa seperti orang, haiwan dan sesuatu yang tidak bernyawa seperti tempat, benda dan tumbuh-tumbuhan (Nik Safiah Karim *et al.*, 2011). Analisis menunjukkan bahawa terdapat kesalahan dalam terjemahan yang melibatkan kata nama.


Contoh 1

BS: *Morning everyone!*

BT: *Matin tout le monde!*


CP: *Bonjour tout le monde!*

Dalam Contoh 1, pelajar telah menterjemah ungkapan “*Morning everyone*” bukan “*Good morning everyone*”. Semakan menunjukkan Google Translate membuat padanan bagi perkataan morning tanpa mengambil kira konteks ayat secara keseluruhan. Google Translate memberikan *matin* sebagai padanan bagi morning sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut.



Rajah 1 Terjemahan “*morning everyone*” ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

Dalam bahasa Perancis, perkataan *matin* tidak digunakan bagi mengucapkan Selamat Pagi. Perkataan yang tepat untuk mengatakan Good Morning ialah *Bonjour*. Sekiranya pelajar memasukkan ungkapan *Good Morning*, Google Translate akan memberikan *Bonjour* sebagai padanan dan padanan ini adalah tepat. Hal ini dapat ditunjukkan melalui Rajah 2 berikut:



Rajah 2 Terjemahan “*good morning everyone*” ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.


Kesalahan Terjemahan Kata Ganti Nama

Kata ganti nama ialah perkataan yang menggantikan perkataan yang merujuk nama (Nik Safiah *et al.*, 2011). Dalam bahasa Perancis, kata ganti nama je (j’), *tu*, *il*, *elle*, digunakan untuk menunjukkan tunggal manakala *nous*, *vous*, *ils*, *elles* digunakan untuk menunjukkan jamak. Kata ganti nama *ils* digunakan untuk menunjukkan jantina maskulin jamak, manakala *elles* pula menunjukkan jantina feminin jamak. Ganti nama *il*, *elle*, *ils*, *elles* digunakan juga untuk merujuk benda, manusia dan binatang.

Contoh 2

- BS: *These are my friends Sakura and Hana. They are Japanese.*
 BT: *Ce sont mes amies Sakura et Hana. Ils sont Japonais.*
 CP: *Ce sont mes amies Sakura et Hana. Elles sont japonaises.*

Ayat dalam Contoh 2 menunjukkan bahawa terdapatnya kesalahan penggunaan kata ganti nama diri. Pelajar memberikan *Ils sont japonais* sebagai terjemahan bagi *They are Japanese* sebagaimana yang dicadangkan Google Translate seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3 Terjemahan “*they are Japanese*” ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

Contoh terjemahan ini dapat menunjukkan bahawa Google Translate tidak mengambil kira konteks makna perkataan atau ungkapan yang diberikan penggunanya. Dalam ayat asal, jantina

orang (perempuan) yang diperkirakan jelas dapat ditunjukkan melalui nama yang digunakan, yaitu Sakura dan Hana. Ayat yang diberikan Google Translate pula menunjukkan jantina lelaki. Terjemahan yang betul bagi merujuk Sakura dan Hana seharusnya ialah *Elles*.

Kesalahan Terjemahan Tatabahasa

Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa terdapat kesalahan tatabahasa yang melibatkan jantina dalam bahasa Perancis yang digunakan dalam draf skrip main peranan yang dihasilkan pelajar. Contoh-contoh berikut jelas menunjukkan kesalahan yang dilakukan.

Contoh 3

- BS: *She is my cousin. Nurul is a pharmacist.*
BT: *C'est ma cousine. Nurul est pharmacien.*
1. CP: *C'est ma cousine. Nurul est pharmacienne.*

Contoh 4

- BS: *Hanis is a lawyer?*
BT: *Hanis est avocat?*
CP: *Hanis est avocate?*

Contoh 5

- BS: *These are my friends, Anne et Sofia. They are students.*
BT: *Ce sont mes amies, Anne et Sofia. Ils sont étudiants.*
CP: *Ce sont mes amies, Anne et Sofia. Elles sont étudiantes.*

Contoh 5 hingga Contoh 7 menunjukkan ayat-ayat yang mengandungi kesalahan tatabahasa dalam draf skrip main peranan pelajar kursus TFC401. Pelajar melakukan kesalahan yang melibatkan penggunaan kata nama pekerjaan yang merujuk jantina feminin. Bragger J. D. dan Rice D. B. (1984), mengatakan:

Most nouns that refer to work or occupation must agree in gender (masculine or feminine) and number (singular or plural).

Dalam bahasa Perancis, terdapat tiga kategori kata nama pekerjaan:

1. kata nama jantina maskulin dan feminin yang sama
Contoh : *Il est secrétaire/Elle est secrétaire (He/ She is a secretary).*
2. kata nama jantina feminin ditambahkan **e** di akhir kata
Contoh: *Il est enseignant/ Elle est enseignante (He/She is a teacher).*
3. Kata nama feminin ditambahkan **ne** di akhir kata
Contoh: *Il est mécanicien/ Elle est mécanicienne (He/She is a mechanic).*
Kata nama jamak perlu ditambah **s** di akhir kata
Contoh: *Ils sont avocats/Elles sont avocates (They are lawyers).*

Ayat-ayat dalam contoh ini menunjukkan bahawa semua kesalahan yang dilakukan melibatkan gender perempuan. Pelajar didapati tidak menambahkan **ne** untuk *pharmacien*, tidak menambah **e** untuk *avocat*, dan tidak menambahkan **e** untuk *etudiants*. Kesemua ini merupakan kesalahan kerana kata nama pekerjaan berubah mengikut jantina seseorang dan bilangan seseorang sama ada tunggal atau jamak.


Kesalahan Terjemahan Frasa

Frasa ialah unit yang boleh terdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya satu, dua atau lebih patah perkataan (Nik Safiah Karim, *et al.*, 2011). Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat kesalahan terjemahan frasa dalam draf skrip main peranan yang disediakan pelajar.

Contoh 6

- BS: *There are macaroons and tarte tatin, by the way.*
 BT: *Il y a des macarons et de la tarte tatin, soit dit en passant.*
 CP: *Il y a des macarons et de la tarte tatin, au fait .*

Dalam Contoh 8, terjemahan bagi *by the way* tidak bersesuaian dengan konteks ayat yang diujarkan. Semakan terjemahan dengan menggunakan *Google Translate* jelas menunjukkan bahawa ayat ini diterjemahkan sebagai *Il y a des macarons et de la tarte tatin, soit dit en passant* sebagaimana dalam Rajah 4.



Rajah 4 Terjemahan “*by the way*” ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

Frasa *by the way* dalam dialog ini bermaksud sebenarnya. Padanannya yang tepat ialah *au fait* dalam bahasa Perancis. Sekiranya pelajar meletakkan frasa pada permulaan ayat, *Google Translate* akan memberikan padanan yang betul, iaitu *Au fait* sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 5 berikut.



Rajah 5 Terjemahan “*by the way*” pada permulaan ayat ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.


Kesalahan Terjemahan Ayat

Ayat ialah unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap (Nik Safiah Karim *et al.*, 2011). Ayat boleh terdiri daripada sekurang-kurangnya satu patah perkataan yang membawa hubungan sintaksis yang minimum dengan perkataan-perkataan yang disusuli atau menyusulinya. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat ayat yang tidak sesuai digunakan dalam konteks dialog yang diujarkan.


Contoh 7

- BS: Adzlyani : *Enjoy your meal!*
BT: Adzlyani : *Prendre plaisir votre repas!*
CP: Adzlyani : *Bon appétit!*


Contoh 7 menunjukkan ayat *enjoy your meal!* diterjemahkan sebagai *Prendre plaisir votre repas!* Pelajar telah menterjemah kata demi kata setiap perkataan yang ada. *Google Translate* memberikan padanan langsung bagi setiap perkataan sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah berikut.



Rajah 6: Terjemahan *enjoy* ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*




Rajah 7 Terjemahan *your* ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.



Rajah 8 Terjemahan *meal* ke bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

Semakan terkini untuk terjemahan *Enjoy your meal!* pada bulan Jun 2022 mendapati bahawa *Google Translate* memberikan padanan *Bon appétit!* sebagaimana yang dapat dilihat dalam rajah berikut.




Rajah 9 Terjemahan *Enjoy your meal* ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

Contoh 8

- BS: Rasidie : *I going back to Paris.*
 BT: Rasidie : *Je aller arrière à Paris.*
 CP: Rasidie : *Je retourne à Paris.*

Contoh 8 menunjukkan ayat *I going back to Paris!* diterjemahkan sebagai *Je aller arrière a Paris !* Pelajar tidak meletakkan perkataan *am* (*I am going back to Paris*) dan menterjemah kata demi kata. Semakin terkini menunjukkan padanan yang tepat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10.



Rajah 10 Terjemahan *I am going back to Paris* ke dalam bahasa Perancis menggunakan *Google Translate*.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya kesalahan dalam skrip main peranan pelajar yang mengikuti kursus TFC401: Pengenalan Bahasa Perancis Tahap I apabila Google Translate digunakan sebagai mesin terjemahan. Ketepatan makna berdasarkan konteks dan aspek tatabahasa tidak diambil kira oleh mesin terjemahan ini. Bagi mengatasi masalah ini, pelajar seharusnya memahami penggunaan kosa kata bahasa Perancis yang betul berdasarkan konteks. Sekiranya pelajar masih mahu menggunakan Google Translate, pelajar perlu menyemak semula ketepatan terjemahan yang diberikan. Di samping itu, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa sumber mestilah tepat dan betul tatabahasanya. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa Google Translate mengemas kini padanan perkataan, frasa dan ungkapan dari semasa ke semasa. Tidak mustahil sekiranya Google Translate memberikan padanan yang berbeza pada masa yang berbeza.

RUJUKAN

- Anuar Sopian, Nur Asyikeen Kamarudin, Fazlinda Hamzah, Mohd Azlan Shah Sharifudin. (2020). "Analisis Kesalahan Skrip Main Peranan (Role Play): Penterjemahan Teks Bahasa Melayu ke Bahasa Arab Melalui Aplikasi Google Translate". Dalam *e-Journal of Media & Society*, (e-JOMS), 5. hlm. 1-8. ISSN 2682-9193.
- Bragger, J. D & Rice, D. B (1984). *Allons-y! Le Français Par Étapes*. Heine & Heine Publishers. Inc..
- Koshal. (2011). "Difference Between English and French". <https://www.differencebetween.com/difference-between-english-and-vs-french/> (diakses pada 18 Jun, 2021).
- Lubna Abd Rahman, & Arnida A. Bakar (2018), "Terjemahan Teks Melalui Google Translate (GT): Analisis Tugas Pelajar FPBU". dalam Haslina Haroon, Wan Rose Eliza Abdul Rahman, Idris Mansor dan Anis Shahirah Abdul Sukur. (Editor). *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa* (ISTrI 2018). Hlm. 74-82. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Md Noh Nyata, Mohd Sofian Abdul Latif, Haslina Daud, Siti Saleha Sanusi, Yusnul'Ain Yunus. (2011). "Penterjemahan Maya – Satu Kajian Kes Projek VCD Bahasa Ketiga di UiTM", Shah Alam. dalam Noor Ida Ramli, Norizah Ardi & Aini Aziz. (Editor). *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11: Globalisasi Melalui Penterjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhazlina Husin, Nur Anisah Tan Abdullah & Aini Aziz. (2020). "Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM". dalam *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. Hlm. 46-64. e-ISSN: 2600-726
- Nur Faezah Mohd Ayob & Hasnah Mohamad. (2015). "Perbandingan Terjemahan Manusia dengan Terjemahan Mesin dalam Buku *Fitness 24/7*". Dalam *Jurnal Bahasa*. Jilid 15, Bil. 2, 2015, hlm. 307-335. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman. (2018). "Isu-isu Penggunaan Google Translate dalam Penterjemahan Cerpen 'The Lottery' ke dalam Bahasa Melayu". Dalam Haslina Haroon, Wan Rose Eliza Abdul Rahman, Idris Mansor dan Anis Shahirah Abdul Sukur, (editor). *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa* (ISTrI 2018). Hlm. 66-73. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

PENTERJEMAHAN BERASASKAN KHALAYAK DALAM KALANGAN PEMINAT K-POP

Umami Umairah Kahar & Hasuria Che Omar
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Penterjemahan berasaskan khalayak atau *crowdsourcing translation* merupakan satu daripada aktiviti terjemahan yang dihasilkan oleh golongan penterjemah profesional atau bukan profesional dengan menggunakan platform dalam talian seperti media sosial atau media digital. Sebilangan peminat Korean Pop Music (K-Pop) juga turut merupakan penterjemah khalayak yang turut menyumbang dalam aktiviti terjemahan sukarela ini, khususnya dengan menghasilkan terjemahan bahasa Korea kepada bahasa Inggeris atau bahasa lain bagi kumpulan artis Korea yang diminati mereka. Hasil terjemahan komuniti ini disebar di media sosial atau media digital untuk dikongsi dengan peminat yang lain. Sumber teks yang diterjemah adalah pelbagai, antaranya berita sensasi, iaitu gosip kumpulan artis yang kadang kala boleh menimbulkan situasi pertelingkahan antara peminat (*fan war*). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menunjukkan langkah yang diambil oleh penterjemah khalayak ini untuk mengelakkan situasi pertelingkahan antara peminat melalui terjemahan yang dihasilkan serta pandangan peminat terhadap produk terjemahan. Dengan menggunakan instrumen soal selidik dalam talian terhadap 10 orang penterjemah khalayak dan 10 orang peminat, penulisan ini cuba memperlihatkan sama ada penterjemahan berasaskan khalayak berupaya mewujudkan kemakmuran atau sebaliknya, khususnya dalam kalangan peminat K-Pop. Untuk tujuan analisis, penulisan ini memanfaatkan teori norma jangkaan (Chesterman, 1993) untuk membandingkan jangkaan penterjemah dan peminat terhadap terjemahan khalayak yang dihasilkan. Dapatan analisis diharapkan memberikan manfaat kepada penterjemah peminat untuk menambah baik hasil terjemahan yang boleh membawakan kesan yang baik dalam kalangan peminat K-Pop pada masa hadapan.

Kata kunci: *penterjemahan berasaskan khalayak, pertelingkahan peminat, norma jangkaan, penterjemah khalayak, K-pop*

ABSTRACT

Crowdsourcing translation is one of the translation activities produced by professional or non-professional translators using online platforms such as social media or digital media. A few Korean Pop Music (K-Pop) fans are also a part of crowd translators who contribute to this voluntary translation activity, particularly in producing translation of Korean into English or other languages for their favourite Korean artists or groups. The translation products produced by this community are disseminated on social media or digital media to be shared among other fans. Various sources of texts are being translated, including sensational news, such as the rumour of artists or groups which sometimes may spark arguments between fans (known as fan war). Therefore, this study was conducted to discuss the steps taken by the crowd translators to avoid the fan wars from happening due to the translation produced as well as the fans' opinions about the translation products. By using an online questionnaire on 10 crowd translators and 10 fans, this study is trying to show whether crowdsourcing translation can create amity or vice versa, especially among K-Pop fans. For analytical purposes, this study utilises the theory of expectancy norms (Chesterman, 1993) to compare the expectations of translators and fans on the translation products. The findings of the study are expected to benefit the fan translators to improve their translation products which may bring positive effect among K-Pop fans in the future.

Keywords: *crowdsourcing translation, fan war, expectancy norm, crowd translator, K-pop*

PENGENALAN

Teknologi Web 1.0 yang dicipta oleh Tim Berners-Lee telah menjadi asas bagi kepesatan web (Prabhu, 2016) dan kini teknologi web sudah berada pada fasa Web 4.0. Hal ini menyebabkan semakin banyak inovasi serta pembaharuan dan penambahbaikan dilakukan seiring dengan keperluan semasa pengguna. Bidang penterjemahan merupakan antara cabang ilmu yang mendapat manfaat dan secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan ilmu dan praktis dalam bidang penterjemahan. Maka, kemudahan teknologi yang diperoleh oleh masyarakat untuk mendapatkan sumber maklumat dan hiburan menerusi media digital baharu, telah meningkatkan keperluan dalam penghasilan terjemahan dan sari kata (Orrego-Carmona & Lee, 2017). Digital baharu dijadikan platform untuk membantu penyebaran lagu dan produk sinematografi negara Korea kepada audiens di seluruh dunia (Jung Bong Choi & Maliangkay, 2014; Ingyu Oh & Hyo-Jung Lee, 2013). Fenomena ini telah memberikan peluang kepada industri hiburan Korea untuk melebarkan sayap dan penerimaan global oleh audiens telah melonjakkan populariti budaya Korea, terutamanya di negara-negara Asia (Dal Yong Jin & Kyong Yoon, 2014). Oleh sebab itu, filem, drama, rancangan aneka ragam serta muzik kumpulan artis yang berasal dari negara Korea merupakan antara sumber terjemahan yang dimanfaatkan oleh pengguna Internet untuk menghasilkan khidmat terjemahan daripada bahasa Korea kepada bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa lain. Perkembangan ini merancakkan aktiviti penterjemahan yang berasaskan khalayak untuk dihasilkan. Penterjemahan berasaskan khalayak telah ditakrifkan oleh Sosoni (2017:364) sebagai ‘terjemahan kolaboratif dalam talian yang terhasil atas sumbangan penterjemah sukarela seperti penterjemah profesional dan penterjemah bukan profesional yang boleh meliputi golongan peminat, penggemar dan masyarakat umum’.

Dalam konteks industri hiburan Korea Selatan, aktiviti penterjemahan berasaskan khalayak dihasilkan oleh golongan peminat hiburan Korea yang digelar sebagai *fans translator* (penterjemah dalam kalangan peminat). Hasil terjemahan disebarkan menerusi bebenang ciapan di Twitter, di Instagram menerusi kapsyen dan disertakan klip video atau gambar; ataupun di media digital lain, seperti di laman blog milik peminat itu sendiri dan pelbagai platform lain. Perkongsian secara percuma ini memudahkan peminat yang juga audiens untuk membaca, menikmati dan menyebarkan hasil terjemahan dengan peminat yang lain, sekali gus menunjukkan bahawa aktiviti terjemahan berasaskan khalayak berupaya memenuhi kehendak peminat hiburan Korea. Namun begitu, aktiviti ini kadangkala turut mendatangkan impak negatif dalam kalangan peminat kerana kemungkinan pertelingkahan sesama peminat (*fan war*) boleh berlaku. Oleh itu, menerusi perspektif penterjemah khalayak, yang juga peminat dalam konteks ini, perbincangan akan memberikan fokus terhadap tiga objektif:

- 1) menjelaskan punca pertelingkahan
- 2) mengenal pasti langkah yang diambil oleh penterjemah untuk mengelakkan situasi pertelingkahan sesama peminat melalui terjemahan yang dihasilkan, atau meneliti langkah yang diambil untuk mendamaikan pertelingkahan yang berlaku, dan
- 3) membincangkan pandangan penterjemah peminat dan peminat terhadap terjemahan yang dihasilkan yang dilihat melalui perbandingan jangkaan penterjemah dan peminat.

Dapatan analisis diperoleh melalui maklum balas daripada 10 responden (penterjemah peminat) dan 10 orang responden (peminat) melalui data yang dikutip daripada soal selidik dalam talian dengan menggunakan Twitter sebagai latar pemerhatian.

SOROTAN LITERATUR

Penterjemahan Berasaskan Khalayak

Idea Howe (2006) tentang *crowdsourcing* menekankan konsep praktis kerja yang berasaskan pengguna, iaitu sesebuah syarikat memberikan peluang kepada masyarakat luar, iaitu pengguna Internet untuk bekerjasama dalam melakukan sesuatu tugas yang selalunya dilakukan oleh golongan pakar, dan tugas ini boleh dihasilkan secara dalam talian. Memandangkan konsep yang diperkenalkan oleh Howe (2006) dilihat sebagai praktikal, maka konsep ini telah memberikan inspirasi terhadap pelbagai penyelidikan akademik untuk dilakukan (Brabham, 2013) termasuklah bidang penterjemahan (O'Hagan, 2012; Brabham, 2013), yang secara langsung mewujudkan aktiviti terjemahan berasaskan khalayak (*crowdsourcing translation*).

Konsep berasaskan khalayak ini dilihat melalui tiga aspek, iaitu (1) berpandukan produk (*product-driven*), (2) berpandukan sebab (*cause-driven*) dan (3) berpandukan khidmat luaran (*outsourcing-driven*) (Ray & Kelly, 2011). Secara amnya, terjemahan berasaskan khalayak merupakan usaha kolaboratif untuk menterjemah teks sumber dalam talian oleh penterjemah profesional dan amatur (McDonough Dolmaya, 2012). Berdasarkan pandangan oleh Ray dan Kelly (2011), McDonough Dolmaya (2012) menambah bahawa aktiviti terjemahan berasaskan khalayak turut dilihat menerusi tiga aspek; pertama, terjemahan berasaskan khalayak berpandukan produk dan berfokus untuk menjadikan kandungan teks sumber boleh dibaca dalam pelbagai bahasa. Kedua, terjemahan berasaskan khalayak berpandukan sebab, iaitu bermatlamat untuk membantu dan memberikan sumbangan kepada masyarakat dan aspek ketiga, terjemahan berasaskan khalayak berpandukan khidmat luaran yang digunakan oleh syarikat atau organisasi berbayar yang memberikan peluang kepada pengguna untuk memberikan khidmat terjemahan kepada masyarakat umum menerusi platform yang disediakan syarikat seperti laman Facebook.

Menurut Munro (2013), terjemahan berasaskan khalayak merupakan terjemahan dalam talian yang muncul atas keperluan kemahiran bahasa. Oleh sebab aktiviti ini merupakan aktiviti dalam talian, aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dikawal dan dilakukan mengikut kehendak komuniti penterjemah sendiri (Brabham, 2013). Selain itu, disebabkan oleh kemahiran bahasa merupakan asas bagi permintaan aktiviti ini, maka pengguna Internet yang mempunyai pengetahuan bahasa mengambil inisiatif dengan melakukan khidmat terjemahan secara sukarela tanpa bayaran dan sudi berkongsi produk terjemahan dalam talian walaupun sesetengah mereka tidak mengikuti latihan penterjemahan secara formal (Garcia, 2014; Dombek, 2014). Sehubungan itu, O'Hagan (2016) merumuskan bahawa terjemahan berasaskan khalayak ialah terjemahan dalam talian yang bercirikan penyertaan sukarela dan memanfaatkan peserta dan pengguna sasaran.

Penulisan oleh Brabham (2013), Garcia (2014) O'Hagan (2016) menjelaskan bahawa aktiviti terjemahan berasaskan khalayak yang boleh dijadikan panduan dan pengenalan bagi bidang penterjemahan, manakala kajian oleh McDonough Dolmaya (2012) dan Dombek (2014) pula tertumpu pada aspek motivasi penglibatan penterjemah khalayak yang menghasilkan terjemahan di laman Wikipedia dan Facebook. Kajian komprehensif oleh Noor Asyikin (2019) pula berfokus pada perbandingan hasil terjemahan golongan penterjemah profesional dan bukan profesional di platform Flitto dan kajian menunjukkan bahawa kualiti terjemahan yang baik lebih memihak kepada golongan penterjemah profesional. Secara umumnya, tinjauan bacaan mendapati bahawa kajian tentang penterjemahan berasaskan khalayak boleh diperluas kepada skop yang berbeza, selaras dengan cadangan oleh O'Hagan (2016) yang mengatakan bahawa kajian dalam bidang ini akan menjadi lebih rancak sejajar dengan kepesatan teknologi Internet. Ia juga membuka ruang bagi penyelidikan dan kajian dan tumpuan perbincangan diberikan terhadap skop kajian yang masih belum dilakukan, iaitu aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dalam kalangan peminat K-Pop.

Pertelingkahan Sesama Peminat K-Pop (Fanwar)

When fans love a movie, book or television show, they often want to take an active role in connecting with that world and the characters (or actors) in it.

(Booth, 2018: 146)


Pandangan Booth (2018) berkaitan peminat ini menunjukkan bahawa atas dasar minat, golongan ini akan cuba mewujudkan “hubungan” dengan sesuatu atau seseorang yang diminati. Hal ini terjadi pada peminat K-Pop yang secara aktif menggunakan dunia Internet untuk berhubung dan mendapatkan maklumat tentang artis atau kumpulan artis yang digemari. Sekiranya berlebihan, hal ini menimbulkan isu fanatisme, iaitu minat yang keterlaluan atau obsesi (Natazha, 2019; Asfira & Sulih, 2019; Eliani, Yuniardi & Masturah, 2018). Bentuk fanatisme ini boleh dilihat melalui situasi pertelingkahan sesama peminat (Natazha, 2019).

Dalam konteks hiburan Korea, pertelingkahan ini terjadi secara verbal di media sosial apabila komen sarkastik diciapkan tentang seseorang artis atau sesebuah kumpulan artis yang tidak digemari oleh seseorang peminat (Natazha, 2019; Pintani, 2014). Menurut kajian Natazha (2019), pertelingkahan antara peminat ini antaranya disebabkan oleh perasaan tidak puas hati peminat tentang koreografi kumpulan artis yang berkemungkinan agak sama dengan artis lain, penjualan album digital dan pemenang anugerah muzik. Dapatan awal yang diperolehi daripada responden menunjukkan bahawa peminat mencetuskan pertelingkahan sedemikian kerana percaya bahawa artis atau kumpulan artis yang digemari mereka mempunyai kelebihan tertentu, malah golongan ini juga dianggap berani bertindak secara agresif di alam maya. Pertelingkahan sesama peminat turut dilihat sebagai usaha untuk memberikan pembelaan dan gambaran kesetiaan mereka terhadap artis atau kumpulan artis yang disayangi (Pintani, 2014).

Berdasarkan pembacaan, kajian yang berkaitan dengan pertelingkahan dalam peminat K-Pop masih terhad. Antara isu yang timbul ialah fanatisme dan perilaku agresif verbal peminat K-Pop (Pintani, 2014; Eliani, Yuniardi dan Masturah, 2018) dan bentuk fanatisme seperti suntingan video, solekan artis yang digemari dan lain-lain (Asfira dan Sulih, 2019). Contoh pertelingkahan peminat K-Pop di media sosial dibincangkan oleh Natazha (2019) namun masih terbatas kerana sebab dan akibat pertelingkahan ini tidak dijelaskan. Fenomena ini memberikan peluang untuk analisis ini dihasilkan dan pertelingkahan sesama peminat K-Pop akan diteliti menerusi pandangan penterjemah peminat dan peminat itu sendiri, yang secara tidak langsung menunjukkan relevannya penelitian ini dalam bidang penterjemahan.

KERANGKA TEORI

Chesterman (1993) secara umum mentakrifkan norma sebagai tingkah laku yang diterima dalam sesebuah komuniti, dan mengemukakan model norma terjemahan dengan melibatkan hubungan komuniti dengan hasil terjemahan. Terdapat dua norma utama yang dikategorikan oleh beliau, iaitu norma profesional dan norma jangkaan. Secara ringkas, norma profesional memperlihatkan tingkah laku penterjemah yang boleh mempengaruhi strategi dan kaedah terjemahan yang digunakan, dan mengemukakan tiga aspek utama norma profesional, iaitu, a) kebertanggungjawaban yang menyentuh soal etika penterjemah, b) aspek hubungan yang melibatkan sudut linguistik dan, c) aspek komunikasi yang melibatkan sudut sosial antara penterjemah, pembaca dan pihak lain yang terlibat dalam proses penterjemahan (Chesterman, 1997). Rajah 1.0 merupakan ringkasan kategori model norma terjemahan Chesterman (1993/1997).



Rajah 1 Ringkasan Model Norma Terjemahan Chesterman (1993/1997).

Walau bagaimanapun, hanya norma jangkaan yang merujuk jangkaan penterjemah terhadap hasil terjemahan yang dimahukan pembaca (Chesterman, 1993) sahaja yang diberikan perhatian dalam kajian ini. Jangkaan ini boleh dinilai menerusi jenis teks, bentuk wacana, gaya bahasa, laras, penggunaan kosa kata dan aspek linguistik yang lain. Menurut Chesterman, jangkaan ini juga boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang melibatkan budaya sasaran, perubahan faktor ideologi, pengaruh kuasa dan bentuk teks. Oleh sebab itu, norma jangkaan ini berbentuk tidak tetap. Sehubungan dengan itu, bagi menganalisis objektif kajian ketiga, pendekatan norma jangkaan dipilih sebagai kerangka analisis. Pendekatan ini memperlihatkan perbezaan jangkaan penterjemah dan pembaca, iaitu peminat K-Pop terhadap hasil terjemahan yang dilakukan menerusi aktiviti terjemahan berasaskan khalayak.

KAEDAH ANALISIS


Analisis ini melibatkan tinjauan deskriptif, yang secara khusus dilaksanakan melalui pemerhatian dan dapatan pemerhatian daripada sesuatu sampel (Creswell, 2005). Sumber analisis pula melibatkan persampelan bertujuan, iaitu beberapa individu dipilih untuk dijadikan responden, dan mereka berpengetahuan atau berpengalaman tentang topik yang dikaji (Cresswell & Plano Clark, 2011).

Oleh sebab itu, analisis ini melibatkan golongan penterjemah peminat dan peminat yang dipilih secara rawak di media sosial, iaitu Twitter sebagai responden kajian. Soal selidik dalam talian, iaitu Google Form telah dihasilkan dan diberikan kepada responden. Responden diberikan masa selama satu minggu untuk menjawab soal selidik tersebut. Skop pemerhatian ini terbatas kepada 20 orang responden yang mempunyai akaun media sosial peminat K-Pop di Twitter, dan bagi tujuan mengetahui fenomena tinjauan dalam konteks Malaysia, maka kesemua responden merupakan warganegara Malaysia.

PERBINCANGAN


Rata-rata peminat K-Pop mempunyai *fan account*, iaitu akaun media sosial yang didedikasikan untuk artis atau kumpulan artis yang diminati dan mereka ini tergolong dalam sebuah *fandom* (singkatan daripada gabungan kata *fans* dan *kingdom*), iaitu kumpulan besar peminat artis atau kumpulan artis yang dicipta oleh peminat sendiri. Bagaimanapun, ada antara kumpulan yang dibangunkan ini, diterima dan diiktiraf secara rasmi oleh pihak syarikat naungan artis atau kumpulan

artis terbabit. Setiap akaun media sosial peminat ini boleh dikenal pasti menerusi pemilihan nama pengguna, gambar profil dan maklumat profil yang akan menunjukkan identiti artis atau kumpulan artis yang digemari. Rajah 2.0 merupakan tangkapan skrin (screen shot) yang diambil di Twitter sebagai contoh akaun media sosial peminat (fans account). Dari sudut etika dan untuk menjaga sensitiviti dan kerahsiaan antara pengkaji dan responden, maklumat penting di sini telah disunting dan dikaburkan.




Rajah 2 Tangkap Skrin Akaun Media Sosial Peminat K-Pop di *Twitter*.

Dengan adanya golongan peminat dan perbezaan bahasa antara bahasa Korea dan bahasa lain, maka timbul permintaan khidmat terjemahan yang kemudiannya dipenuhi oleh golongan peminat yang memahami pasangan bahasa yang diperlukan. Golongan ini secara khusus digelar sebagai *fans translator*, iaitu “penterjemah peminat”. Mereka menghasilkan terjemahan untuk berita, kapsyen media sosial, dan pelbagai sumber lain yang dikongsi oleh artis atau kumpulan artis Korea yang digemari dan berkongsi hasil terjemahan menerusi akaun media sosial peminat milik peribadi. Akaun media sosial ini selalunya diikuti oleh ramai pengikut yang turut merupakan peminat artis atau kumpulan artis dalam *fandom* tersebut. Rajah 3.0 merupakan tangkap skrin bukti hasil terjemahan yang dikongsi melalui akaun media sosial milik penterjemah peminat.



Rajah 3 Tangkap Skrin Akaun Media Sosial Penterjemah Peminat K-Pop di Twitter.

Hasil terjemahan yang diberikan oleh penterjemah telah membenarkan pengikut membaca terjemahan dengan pantas dan mudah. Hal ini secara tidak langsung mampu menarik minat audiens luar yang masih belum menjadi peminat, meningkatkan populariti artis atau kumpulan artis serta memperluas “jajahan” atau “naungan” fandom. Oleh sebab itu, aktiviti terjemahan berasaskan khalayak semakin berleluasa disertai oleh golongan peminat K-Pop di media sosial. Rajah 4 menunjukkan situasi aktiviti penterjemahan berasaskan khalayak ini.




Rajah 4 Situasi Aktiviti Terjemahan Berasaskan Khalayak Peminat K-Pop.

Oleh yang demikian, aktiviti terjemahan yang berasaskan khalayak dalam kalangan peminat K-Pop boleh dirumuskan sebagai aktiviti terjemahan yang dilakukan secara percuma oleh para peminat dan menggunakan akaun media sosial peminat milik peribadi sebagai platform penyebaran yang memberikan manfaat kepada peminat lain. Berdasarkan tiga model berasaskan

khalayak yang dikemukakan oleh Ray dan Kelly (2011) dan McDonough Dolmaya (2012) seperti yang dijelaskan sebelum ini, aktiviti ini juga memperlihatkan aspek-aspek tersebut.

Aspek pertama, iaitu terjemahan berasaskan khalayak berpandukan produk yang berfokus untuk menjadikan kandungan teks sumber boleh dibaca dalam pelbagai bahasa, boleh dilihat melalui hasil terjemahan peminat apabila golongan ini menghasilkan terjemahan daripada bahasa Korea kepada bahasa Inggeris seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Melalui terjemahan yang dihasilkan, peminat lain akan melakukan inisiatif yang sama dengan menghasilkan terjemahan ke dalam bahasa lain pula, misalnya kepada bahasa Indonesia yang disasarkan kepada peminat yang kurang mahir dalam bahasa Inggeris.


Aspek kedua, iaitu terjemahan berasaskan khalayak berpandukan sebab yang bermatlamat untuk membantu masyarakat semestinya dapat dilihat dalam aktiviti terjemahan ini. Sumbangan terjemahan yang dihasilkan dapat membantu para peminat secara khusus dan sekali gus mencapai matlamat peribadi, mempopularkan artis dan berkemungkinan berupaya mendapatkan peminat baharu. Aspek ketiga, iaitu terjemahan berasaskan khalayak berpandukan khidmat luaran yang digunakan oleh syarikat turut boleh dilihat, iaitu penterjemah peminat melakukan terjemahan di laman Vlive, iaitu sebuah platform komunikasi negara Korea antara artis dengan peminat (Aznur Aisyah & Yun Jin, 2017). Oleh itu, aktiviti terjemahan ini tidak boleh diperkecil peranannya kerana ia berupaya mendukung konsep berasaskan khalayak yang sebenarnya. Malah, seperti yang dijelaskan oleh Howe (2008), komitmen, usaha dan sikap kebertanggungjawaban yang diberikan oleh ahli komuniti terlibat menentukan kejayaan pelaksanaan konsep berasaskan khalayak dan boleh dilihat menerusi aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dalam kalangan penterjemah peminat K-Pop di media sosial. Namun begitu, seperti yang dijelaskan dalam bahagian pengenalan, aktiviti ini turut mendatangkan tempias negatif, iaitu menimbulkan situasi pertelingkahan sesama peminat. Pertelingkahan ini boleh membabitkan pelbagai pihak misalnya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5 Pihak yang Terbabit dalam Pertelingkahan Sesama Peminat.


Seperti yang dipaparkan di Rajah 5, ada kalanya pertelingkahan turut membabitkan pihak penterjemah dan peminat. Oleh itu, selain membincangkan punca pertelingkahan, sudut terjemahan turut disentuh dan dijadikan objektif dalam penulisan ini. Sehubungan dengan itu, penulis membina

13 soalan secara dalam talian dan diedarkan kepada responden penterjemah peminat manakala responden peminat pula diberi 9 buah soalan bagi mencapai objektif pemerhatian ini. Rajah 6a dan 6b berikut membuka penjelasan terperinci hasil pemerhatian ini.




Rajah 6a dan Rajah 6b Jantina Responden.

Rajah 6a memaparkan 10% responden lelaki yang terlibat dalam pemerhatian ini, manakala 90% yang selebihnya merupakan responden perempuan. Rajah 6b pula menunjukkan 20% responden merupakan peminat lelaki, manakala 80% lagi merupakan peminat perempuan.




Rajah 7a dan Rajah 7b Umur Responden.

Terdapat sedikit perbezaan dari sudut lingkungan umur kedua-dua responden yang terlibat dalam analisis ini. Rajah 7a menunjukkan responden penterjemah peminat terdiri dalam lingkungan umur 18 hingga 39 tahun manakala Rajah 7b menunjukkan responden peminat yang berumur sehingga lingkungan 18 hingga 40 tahun ke atas. Namun begitu, dapat diperhatikan bahawa aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dan peminat K-Pop lebih digemari oleh mereka yang berumur dalam lingkungan 20-29 tahun.



Rajah 8a dan Rajah 8b Tahun Penglibatan Responden.

Rajah 8a pula menunjukkan tahun penglibatan responden penterjemah peminat dalam aktiviti terjemahan berasaskan khalayak. Data menunjukkan bahawa separuh daripada responden yang terlibat telah menyertai aktiviti ini selama 3 hingga 4 tahun. Rajah 8b pula merupakan tahun penglibatan responden peminat sebagai peminat K-Pop yang secara aktif membaca hasil terjemahan oleh penterjemah peminat di Twitter. Rata-rata responden peminat ini telah menggunakan platform ini untuk mendapatkan produk terjemahan sejak 5 tahun ke atas. Meskipun dapatan yang diperoleh hanya merujuk bilangan responden yang terlibat dalam pemerhatian ini, namun secara tidak langsung, aktiviti terjemahan sebenarnya telah disertai sejak lebih dari 5 tahun yang lalu dan telah dimanfaatkan oleh para peminatnya.



Rajah 9a dan Rajah 9b Kefahaman tentang Situasi Pertelingkahan Sesama Peminat.

Kefahaman tentang *fanwar* oleh responden pula dapat diperhatikan menerusi dapatan analisis yang dikemukakan dalam Rajah 9a dan Rajah 9b. Kedua-dua rajah di atas memaparkan pandangan responden tentang kefahaman mereka terhadap situasi pertelingkahan sesama peminat. Pelbagai pandangan diperoleh namun kedua-dua kumpulan responden telah mengemukakan beberapa kata kunci yang sama, iaitu pertelingkahan antara 2 kumpulan peminat, pertelingkahan sesama peminat dan tidak berasas. Selain itu, responden penterjemah peminat dalam Rajah 9a turut berpendapat bahawa situasi ini merupakan perbalahan lisan dan 17% daripada mereka menyatakan perbalahan ini berlaku disebabkan oleh peminat yang berhasrat untuk menjaga artis yang digemari mereka. Merujuk kepada Rajah 9b pula, beberapa responden peminat berpendapat bahawa pertelingkahan ini disebabkan oleh obsesi negatif peminat terhadap artis yang berlaku di media sosial. Berdasarkan pandangan yang diperoleh, situasi pertelingkahan sesama peminat K-Pop boleh dirumuskan sebagai pertelingkahan lisan yang berbentuk negatif di media sosial disebabkan oleh obsesi peminat yang bermatlamat untuk menjaga artis yang digemari.




Rajah 10a dan Rajah 10b Kefahaman tentang Punca Pertelingkahan.

Rajah 10a dan Rajah 10b memaparkan pandangan responden tentang punca yang menyebabkan pertelingkahan sesama peminat K-Pop berlaku. Dapatan menunjukkan bahawa puncanya disebabkan oleh provokasi, perbezaan minat dan pendapat, masalah peminat yang dilihat oleh responden sebagai tindakan yang tidak matang, fanatik, cemburu dan tidak menghormati peminat lain serta salah faham. Menariknya, kedua-dua responden berpendapat bahawa kesalahan dalam terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah peminat boleh menjadi punca pertelingkahan untuk berlaku. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan kesedaran peminat K-Pop tentang kepentingan penghasilan terjemahan yang baik meskipun mereka tahu kebanyakan terjemahan yang dibaca merupakan terjemahan yang dihasilkan oleh kalangan peminat yang berkemungkinan merupakan penterjemah bukan profesional. Memandangkan responden penterjemah peminat turut menyedari bahawa kesalahan terjemahan boleh menjadi punca pertelingkahan, maka persoalan seterusnya diberikan secara khusus kepada golongan responden ini.



Rajah 11 Pandangan Responden Penterjemah Peminat tentang Terjemahan Sendiri.

Soalan “Pernahkah terjemahan yang anda hasilkan menimbulkan *fanwar*?” telah ditanya kepada responden penterjemah peminat. Berdasarkan Rajah 11, 30% daripada responden mengakui bahawa terjemahan yang dihasilkan pernah menjadi punca pertelingkahan antara peminat, manakala 20% daripada responden pula mengakui bahawa kadangkala terjemahan mereka masih menjadi punca perbalahan. Hal ini menunjukkan 5 responden mempunyai pengalaman berhadapan dengan situasi pertelingkahan yang berpunca daripada kesalahan atau salah faham terhadap terjemahan yang dihasilkan. Oleh itu, soalan berbentuk terbuka selanjutnya, disoal kepada penterjemah peminat yang mempunyai pengalaman berada dalam situasi pertelingkahan secara khusus, iaitu mengenai tindakan yang dilakukan untuk mendamaikan perbalahan tersebut.



Rajah 12 Tindakan Responden Penterjemah Peminat untuk Mendamaikan Pertelingkahan.

Dapatan analisis menunjukkan 36% responden telah memohon maaf melalui ciapan atas situasi perbalahan yang berlaku. Selain itu, 18% responden memilih untuk memberikan penjelasan lanjut tentang sebab terjemahan sedemikian dihasilkan atau alasan tentang pemilihan kata yang digunakan dalam terjemahan, atau penjelasan tentang isu yang dikemukakan dalam bahan sumber. Ada juga responden yang memilih untuk membuang ciapan terjemahan di akaun. 28% responden memilih untuk mengabaikan pertelingkahan namun menjelaskan bahawa pengabaian ini dilakukan hanya sekiranya mereka sedar bahawa terjemahan mereka adalah tepat namun pertelingkahan masih berlaku kerana perbezaan pendapat antara peminat, dan bukannya disebabkan oleh kesalahan atau kesilapan pemahaman mereka dalam menterjemah.



Rajah 13 Tindakan Responden Penterjemah Peminat dalam Memastikan Terjemahan Diterima.

Tindakan penterjemah peminat untuk memastikan terjemahan mereka diterima pula dapat diperhatikan dalam dapatan analisis yang dikemukakan dalam Rajah 13. Berdasarkan rajah di atas, terdapat beberapa tindakan yang dilakukan oleh penterjemah peminat untuk memastikan terjemahan diterima oleh peminat. Antara tindakan yang dilakukan oleh kesemua responden adalah dengan menterjemah bahan sumber secara keseluruhan, tidak menterjemah secara literal. Pada masa yang sama penterjemah juga perlu memilih padanan kata yang bersesuaian dengan konteks, terutamanya jika mesej yang diterjemahkan melibatkan isu yang sensitif. Selain itu, ada juga responden yang memilih untuk tidak menterjemah gosip atau berita artis selain artis yang digemari, tidak menterjemah berita yang berkemungkinan mendatangkan pertelingkahan dan

melakukan semakan berulang kali bersama-sama rakan penterjemah dalam kumpulan peminat yang sama sebelum menyebarkan hasil terjemahan dalam akaun mereka. 13% daripada responden pula memilih untuk bersikap lebih jujur dalam menterjemah, iaitu menterjemah bahan sumber tanpa melakukan perubahan atau pengguguran maklumat penting dan lebih bersifat neutral. Seorang responden menjelaskan bahawa dia lebih gemar mengambil masa dan tidak tergopoh-gapah dalam menghasilkan terjemahan dan setelah yakin akan ketepatannya, barulah terjemahan tersebut dimuat naik.




Rajah 14a dan Rajah 14b Pengalaman Responden

Rajah 14a memperlihatkan 90% penterjemah peminat mempunyai pengalaman membaca terjemahan penterjemah peminat lain, yang boleh menimbulkan pertelingkahan. 60% peminat juga turut mengakui bahawa mereka juga pernah membaca terjemahan yang menjadi punca kepada perbalahan (Rajah 14b). Oleh itu memandangkan ada antara penterjemah peminat yang pernah membaca terjemahan yang boleh mendatangkan pertelingkahan antara peminat, maka mereka telah diminta untuk memberikan pandangan tentang punca terjadinya peristiwa sedemikian. Pandangan ini dirumuskan dalam Rajah 15 berikut.



Rajah 15 Pandangan Responden Penterjemah Peminat tentang Punca Terjemahan yang Menimbulkan Pertelingkahan.


Dapatan pemerhatian menunjukkan bahawa semua responden berpendapat bahawa kaedah literal yang digunakan untuk menterjemahkan mesej tersebut telah menjadikan terjemahan kurang tepat, manakala pemilihan padanan kata atau slanga yang tidak bersesuaian turut menyumbang kepada pertelingkahan ini. Malah, kesalahan dalam menentukan mesej sebenar serta kurang memahami bahan sumber Korea turut berlaku. Oleh itu, hasil terjemahan sebegini telah menjadi punca situasi pertelingkahan. Selain itu, 16% daripada responden turut berpendapat kehadiran peminat palsu yang lantang memberikan komen tentang isu yang diterjemah juga adakalanya menyebabkan perbalahan.



Rajah 16a dan Rajah 16b Tindakan responden setelah membaca terjemahan yang menimbulkan pertelingkahan.

Dapatan tentang tindakan yang diambil oleh responden setelah membaca terjemahan yang menimbulkan pertelingkahan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 16a dan Rajah 16b. Dari sudut penterjemah peminat, antara tindakan yang dilakukan adalah dengan menghubungi penterjemah yang menghasilkan terjemahan tersebut dengan meninggalkan mesej di ruangan peribadi akaun media sosial. Mereka akan meminta agar ciapan terjemahan yang bermasalah tersebut dipadamkan, menjelaskan pendapat dan berbincang dengan penterjemah tersebut. Selain itu, ada juga antara responden yang cuba menambah baik hasil terjemahan atau memberikan padanan lain yang dirasakan lebih baik bagi menggantikan kata-kata yang difikirkan kurang bersesuaian dalam terjemahan melalui petikan ciapan semula (quote retweet).


Responden peminat pula memberikan maklum balas yang agak berbeza. Ada kalangan responden yang akan mencari terjemahan oleh penterjemah peminat yang lain dan menunggu penjelasan oleh rakan peminat yang difikirkan lebih arif dalam isu yang diketengahkan dalam bahan sumber. Ada juga responden yang memilih untuk tidak menciap semula hasil terjemahan untuk mengelakkan kekeliruan kepada peminat yang lain. Terdapat juga responden yang memilih untuk mengabaikan hasil terjemahan dan menyekat akaun sebagai tanda tidak mempercayai penterjemah peminat tersebut. Perbincangan secara peribadi dengan rakan peminat dan usaha untuk menghubungi penterjemah peminat yang menghasilkan terjemahan bermasalah tersebut atau menghubungi peminat yang menyebarkan terjemahan tersebut merupakan langkah lain yang turut dilakukan oleh beberapa responden dalam menangani situasi perbalahan ini.



Rajah 17a dan Rajah 17b Pandangan Responden tentang Jangkaan Terjemahan.

Rajah 17 pula mengemukakan pandangan responden penterjemah peminat tentang jangkaan peminat terhadap hasil terjemahan. Pada pandangan mereka, jangkaan yang perlu ada pada sesuatu hasil terjemahan bertumpu pada tiga kunci utama; terjemahan yang tepat, senang difahami dan kepantasan dalam menghasilkan serta menyebarkan terjemahan. Namun begitu, Rajah 17a pula menunjukkan jangkaan responden peminat terhadap terjemahan yang dihasilkan adalah lebih pelbagai. Antara yang utama adalah, responden menjangkakan bahawa penterjemah akan menjelaskan slanga bahasa Korea dalam hasil terjemahan supaya mereka dapat mempelajari dan memahami slanga tersebut. Responden juga menjangkakan suatu terjemahan dihasilkan dengan menggunakan padanan kata yang sesuai dengan konteks dan isu yang dikemukakan dalam bahan sumber, yang berkemungkinan menyentuh topik yang sensitif seperti berita tentang kematian, penggunaan dadah dan sebagainya. Malah, ada juga responden yang menjangkakan bahawa terjemahan yang dihasilkan tidak berat sebelah, maklumat yang penting tidak digugurkan dan penyebarannya pada kadar yang pantas. Seorang responden juga berpendapat bahawa penjelasan tentang isu yang diterjemah turut dijangkakan.

Dari sudut aplikasi model norma jangkaan Chesterman (1993), penterjemah dijangkakan untuk menghasilkan terjemahan berdasarkan norma jangkaan pembaca sasaran. Menerusi Rajah 17a dan Rajah 17b, jangkaan penterjemah peminat dilihat lebih berbentuk umum manakala jangkaan peminat adalah lebih khusus, iaitu mereka berkehendak agar dalam terjemahan, penjelasan secara terperinci tentang slanga Korea dan padanan kata diberikan. Namun begitu, merujuk Rajah 15 sebelum ini, penterjemah peminat sebenarnya sedar akan kepentingan aspek linguistik yang perlu diberikan perhatian seperti pemilihan padanan kata yang sesuai dan slanga ditangani dengan baik, serta maklumat sumber tidak sepatutnya diterjemah secara literal. Meskipun pendapat tentang jangkaan peminat terhadap hasil terjemahan yang diberikan dalam Rajah 17a oleh responden penterjemah peminat adalah ringkas dan umum, namun mereka tanpa sedar telah menghasilkan terjemahan yang menepati jangkaan pembaca sasaran, iaitu terjemahan yang sesuai dari segi linguistik dan memenuhi keperluan pembaca dan pembacaannya. Selain sudut linguistik, Rajah 17b juga menunjukkan jangkaan peminat terhadap penjelasan tentang isu yang disentuh dalam bahasa sumber untuk disediakan. Hal ini seterusnya menggambarkan bahawa norma jangkaan bukan hanya bertumpu pada sudut linguistik bahkan boleh menyentuh sudut luaran.



Rajah 18 Pandangan Responden tentang Keperluan Meningkatkan Kualiti Terjemahan.

Soalan terakhir yang ditanya adalah tentang keperluan untuk meningkatkan kualiti terjemahan. Kesemua reponden (penterjemah peminat dan peminat) mengakui kepentingan menambah baik hasil terjemahan. Rajah 18 merupakan hasil pandangan kedua-dua kumpulan

responden yang telah digabungkan kerana hasil maklum balas mereka berkait antara satu dengan lain. 27% responden daripada kesemua responden berpendapat bahawa penambahbaikan kualiti terjemahan adalah penting untuk meningkatkan populariti artis atau kumpulan artis yang digemari. 20% responden pula menjelaskan bahawa terjemahan yang berkualiti boleh membantu masyarakat mempelajari budaya atau bahasa Korea, yang sekali gus berkemungkinan membantu untuk menarik lebih ramai peminat agar meminati seseorang artis atau sesebuah kumpulan artis K-Pop. Beberapa responden berpendapat peningkatan kualiti terjemahan akan memudahkan pembacaan dan kefahaman audiens, malah ada juga yang menjelaskan kualiti terjemahan yang baik memberikan peluang kepada sesebuah kumpulan peminat artis untuk diterima secara rasmi oleh syarikat artis terbabit.

KESIMPULAN

Dalam penulisan ini, senario aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dalam kalangan peminat K-Pop telah digambarkan pada bahagian awal perbincangan. Perbincangan tentang situasi pertelingkahan sesama peminat seterusnya telah memperkenalkan jargon *fan war* berdasarkan pandangan responden penterjemah peminat dan peminat. Tiga objektif kajian, iaitu untuk menjelaskan punca pertelingkahan, langkah yang diambil oleh penterjemah bagi mengelakkan situasi perbalahan dan tindakan responden penterjemah peminat dalam memastikan terjemahan mereka untuk diterima audiens telah dicapai melalui dapatan pemerhatian. Soalan yang menyentuh langkah yang diambil untuk mendamaikan pertelingkahan yang terjadi menunjukkan bahawa semua responden turut mencari jalan dan memberikan sumbangan masing-masing dalam mengekalkan keharmonian dalam kalangan peminat K-Pop.

Maklum balas tentang aplikasi norma jangkaan oleh Chesterman (1993) turut diperlihatkan dalam analisis ini. Hasil maklum balas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jangkaan antara penterjemah peminat dan peminat. Oleh itu, penulisan ini diharapkan dapat membantu penterjemah peminat untuk meningkatkan kualiti hasil terjemahan bagi memenuhi jangkaan peminat. Skop pemerhatian ini pada asasnya ternyata agak terbatas kerana hanya melibatkan bilangan responden yang kecil serta fokus analisis hanya tertumpu pada laman Twitter sahaja. Namun, penulis berharap agar pemerhatian yang mikro ini masih dapat memberikan sedikit pengetahuan berkaitan aktiviti terjemahan berasaskan khalayak dalam kalangan peminat K-Pop yang telah lama hadir dan rancak di media sosial. Memandangkan pemerhatian dengan fokus sebegini masih terhad, maka perbincangan ini diharapkan dapat membuka ruang untuk penambahbaikan atau lebih banyak analisis yang berkaitan dapat dihasilkan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Asfira Rachmad Rinata & Sulih Indra Dewi (2019). "Fanatisme Penggemar K-Pop dalam Bermedia Sosial di Instagram". *Interaksi: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 8 (2). Capaian daripada <https://ejournal.undip.ac.id/index.php/interaksi>
- Booth, P. (2018). "A Companion to Media Fandom and Fan Studies", Edisi Pertama. Dalam Zubernis, L & Larsen, K. *Make Space for Us! Fandom*. United States: Wiley-Blackwell. 145-158
- Brabham, D. (2013). *Crowdsourcing*. Cambridge, MA: MIT Press.
- Chesterman (1997). *Memes of Translation: The Spread of Ideas in Translation Theory*. Benjamins Translation Library, 22. Amsterdam, Philadelphia: John Benjamins Publishing Company
- Chesterman, A. (1993). "From 'Is' to 'Ought': Laws, Norms and Strategies in Translation Studies." *Target: International Journal of Translation Studies*, 5(1): 1–20. DOI: doi:10.1075/target.5.1.02che

- Cresswell J. W. & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed method research*, (Edisi ke-2). California: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Education, Inc
- Dal Yong Jin & Kyong Yoon (2014) "The Social Mediascape of Transnational Korean Pop Culture: Hallyu 2.0 as spreadable media practice". *New Media & Society*, 1-16.
- Dombek, M. (2014). A study into the motivations of Internet users contributing to translation crowdsourcing: The case of Polish Facebook user-translators (Tesis Doktor Falsafah). School of Applied Language and Intercultural Studies, Dublin City University, Dublin, Ireland. Capaian daripada <http://doras.dcu.ie/19774/>
- Eliani Jenni, Yuniardi, M. Salih, & Masturah, Alifah Nabilah (2018). "Fanatisme dan Perilaku Agresif Verbal di Media Sosial pada Penggemar Idola K-Pop". *Psihohumaniora: Jurnal Penelitian Psikologi*, 3 (1), 59-72.
- Garcia, I. (2014). "Translators and Social Media". Dalam Ferner, S. & Broom, E. (pnyt.) *Communicating in a Connected World Proceedings of the 23rd NZSTI National Conference*, New Zealand Society of Translators and Interpreters ,Communicating in a Connected World. Auckland, 21-22 Jun.
- Howe, J. (2006). The rise of crowdsourcing. *Wired*, 14(6). Capaian daripada <http://www.wired.com/wired/archive/14.06/crowds.html>
- Ingyu Oh & Hyo-Jung Lee (2013) "Mass Media Technologies and Popular Music Genres: K-pop and YouTube". *Cross-Currents: East Asian History and Culture Review*, *E-Journal No 9*. Capaian daripada <http://cross-currents.berkeley.edu/e-journal/issue-9>
- Jung Bong Choi & Maliangkay (2014). "K-pop –The International Rise of the Korean Music Industry. New York: Routledge.
- McDonough Dolmaya, J. (2012). Analyzing the crowdsourcing model and its impact on public perceptions of translation". *The Translator*, 18(2), 167–191.
- Munro, R. (2013). "Crowdsourcing and the crisis-affected community: Lessons learned and looking forward from Mission 4636". *Journal of Information Retrieval*, 16 (2), 210–266.
- Natazha Putri Agnensia (2019). Fan War Fans K-Pop dan Keterlibatan Penggemar dalam Media Sosial Instagram. Tesis Doktor Falsafah. Universitas Air Langga.
- Noor Ashikin Abd Nasir (2019). Penterjemahan Berasaskan Khalayak: Satu Kajian Kes Hasil Terjemahan Profesional dan Bukan Profesional. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- O'Hagan, M. (2016). "Massively Open Translation: Unpacking the Relationship Between Technology and Translation in the 21st Century". *International Journal of Communication*, 10, 929-946.
- O'Hagan, M. (2012). "From fan translation to crowdsourcing: Consequences of Web 2.0 user empowerment in audiovisual translation". Dalam A. Remael, P. Orero, & M. Carroll (pnyt.), *Audiovisual translation and media accessibility at the crossroads: Media for All* , 3, 25–41.
- Orrego-Carmona, D & Lee, E. (2017). "Non-Professional Subtitling". Dalam Orrego-Carmona, D. & Lee, Y. (pnyt.) *Non-Professional Subtitling*. Newcastle-upon-Tyne: Cambridge Scholars Publishing. 1-12.
- Prabhu, D. (2016). "Application of Web 2.0 and Web 3.0: An Overview". *International Journal of Research in Library Science*. 2 (1). 54-62.
- Pintani Linta Tartilla (2014). "Fanatisme Fans Kpop" dalam Blog Netizenbuzz. Capaian daripada <http://repository.unair.ac.id/16579/>
- Ray, R., & Kelly, N. (2011). *Crowdsourced translation: Best practices for implementation*. Lowell, Ma:Common Sense Advisory.
- Sosoni, V. (2017). "Casting Some Light on Experts' Experience With Translation Crowdsourcing". *The Journal of Specialized Translation*, (28), 362-384.

HERMENEUTICS APPROACH IN TRANSLATING AND ADAPTING SCIENTIFIC FACTS INTO SCIENCE FICTION STORIES

John Cham

Persatuan Penterjemah Malaysia

ABSTRACT

This article aims to show the relevance of hermeneutics approach in translating and adapting scientific facts into stories, especially, science fiction stories. It must be remembered that scientific facts can be altered, changed or omitted to suit one's own agenda or principles. Recent discoveries like pig heart transplant in humans has evolved science and technology to a much higher level. This is important for the development and knowledge of human beings going into the future.

Keywords: hermeneutics, translating, facts, science fiction.

INTRODUCTION

What is hermeneutics translation?

Hermeneutics can be defined as the science or art of interpreting. Therefore, the hermeneutic task is the task of interpreting the meaning of a text or text analogue, as well as the meaning of the subject matter of the text. Consequently, this leads us to hermeneutic reading where it refers to the idea that our understanding of a text as a whole is based on our understanding of each individual part as well as our understanding of how each individual part refers to the whole text. This is to say that the translator has to enter a dialogue with the text.

So, it cannot be denied that hermeneutics translation involves foreign ideas and text being filtered and adapted by the target language, cultures through the people's own worldviews and ideologies. Hermeneutical translation competence involves the readiness for self-critical reflection, the openness for constant learning, the ability to integrate new cognitive input, the courage for linguistic creativity and with an empathetic identification with the message.

We know that interpretation is somewhat subjective and incomplete, but readers assume that they receive the content of a translated text in as faithful a manner as possible. For this purpose, the translator needs holistic dimensions of orientation in the text being presented. Through interpreting skills, the writer is able to accurately and idiomatically decipher the message from the source language into the target language without any additions, omissions or other misleading factors that alter the intended meaning of the message from the speaker or from the text.

We are not encouraged to change scientific facts. Examples: "The earth moves round the sun". "The earth gets sunlight from the sun". These are real facts that we cannot add or omit details. But we can interpret or adapt it to suit the target language text for the readers' attention. Below is an example of how scientific facts can be adapted, translated and suited for the target audience. By looking at the text as a whole, the writer is able to grasp the gist of the message, and produce

his own interpretation. Using the factual accounts of the subject, the writer then created a science fiction short story.

On this particular subject, the writer quoted the idea from Puan Ritah Yahya, the editor of Dewan Kosmik, 2021,... "*Menulis cerpen fiksiyen sains boleh dilaksanakan daripada sesuatu fakta sains melainkan tuan menulis semula/mengolah semula dan memasukkan/memetik sumber fakta data daripada rencana asal*".

To Article related to scientific facts (In English)

Fungi, not weather may explain tree growth secrets

New research shows just how important the partnership between trees and fungi is for tree growth. Most of the world's tree species have a close relationship with the fungi, known as ectomycorrhizal, that grow on their roots. These form a dense network around the fine roots, supplying the trees with nutrients and protecting them from pathogens. In return, the fungi receive energy in the form of carbohydrates, which the trees produce via photosynthesis. Scientists have known about this mutualistic relationship for a long time.

What has been missing, however, is a full understanding of the extent to which ectomycorrhizal fungi influence the growth of mature trees and whole forests. It has long been assumed that physical factors such as temperature, rainfall and anthropogenic nitrogen input into the soil were the principal factors influencing tree growth, while the effect of the fungal communities hidden underground has been hard to measure and overlooked.

But now, the new research changes all that.

Studying 5 species of the most common European forest trees, the researchers show that differences in fungal communities are linked to even greater variations in tree growth than local climate conditions and anthropogenic nitrogen inputs.

The researchers found the fastest growing trees where ectomycorrhizal fungal communities are highly adapted to extract the inorganic nitrogen compounds ammonium and nitrate from soil and make these available to the trees. Inorganic nitrogen is found in most fertilisers, is the most energetically beneficial form of nitrogen and is an excellent growth promoter of plants.

Example 1: Title of science fiction: *Fungi*

Setelah berjalan lebih kurang dua kilometer daripada rumah persinggahan itu, mereka pun mula hendak duduk berehat di bawah sepokok pokok yang rendah. Amranlah yang pergi dulu kerana ingin duduk di tempat yang selesa.

"Eh, eh, Amran, nanti dulu!", getus Encik Zul. "Tengok, tengok itu, di celah-celah akar... itulah yang saya sedang cari dan hendak tunjuk kepada kamu semua."

"Apa... apa dia... Encik Zul?", kata Siti. "Saya nampak macam cendawan putih dari sini."

“Bukanlah, itu fungi namanya”, balas Encik Zul.

“Hai, Encik Zul, kenapa fungi itu penting sangat?”, getus Zamani pula.

“Eh, kawan-kawan semua”, balas Encik Zul, “saya seorang ahli botani dan dengan melihat jenis-jenis fungi ini, kita akan tahu tentang rahsia pertumbuhannya.”

“Dengar tu, nasib baik kami bersama-sama pakcik Zul ini”, kata Siti lagi. “Kita sedang mendaki bukit sambil belajar bukan melancong sambil belajar.”

Setelah itu Encik Zul dan tiga orang pelajar duduk sambil makan dan minum bekalan yang dibawa oleh mereka, di bawah pohon yang rendang tersebut.

Tidak lama kemudian, Encik Zul mengeluarkan komputer riba yang dibawanya di dalam beg galasnya lalu menekan beberapa huruf dan dalam sekelip mata terpampang gambar sejenis fungi di skrin itu.

“Eureka! Ubukag fybgu ejtimicorrhizal yang saya sebut itu”, getus Encik Zul.

“Eh, eh, hampir sama dengan fungi di celah-celah akar pokok ini!”, beritahu Siti.

“Ya, ya, memang betul!”, balas Encik Zul. “Sebenarnya fungi ini tumbuh pada akar-akar pokok dan melaluinya kita boleh tahu tahap mana pertumbuhan pokok itu. Ia sebenarnya membentuk satu jaringan lembap di sekeliling akar-akar halus, yang membekalkan pokok-pokok dengan nutrient serta melindungi mereka daripada pathogen. Sebagai balasan, fungi berkenaan menerima tenaga dalam bentuk...”

“Tenaga? Fungi pun dapat tenaga?”, ujar Amran, seolah-olah keliru dengan apa yang disampaikan oleh pakciknya itu.

“Ya, Amran, tenaga dalam bentuk karbohidrat di mana pokok-pokok guna untuk hasilkan melalui fotosintesis!”

“Jadi, pakcik akan buat kajian lagikah?”, tanya Siti.

“Betul, Siti. Pakcik bersama-sama dengan rakan-rakan pengkaji botani yang lain sedang mencari satu perkaitan di mana fungi ini boleh mempengaruhi pertumbuhan pokok-pokok.” Balas Encik Zul.

“Macam mana, Encik Zul?”, tanya pula Zamani lalu meminum kopi yang dibawanya di dalam satu termos.

“Satu pertanyaan yang baik... maknanya anda semua ingin tahu dengan lebih mendalam lagi tentang fungi ini”, kata Encik Zul. “Bila balik ke sekolah nanti selepas cuti ini, anda semua bolehlah berkongsi pengalaman yang ditempuhi ini.”

“Tetapi, apa yang saya tahu, suhu dan juga turunan hujan ada pengaruh terhadap pertumbuhan dan penghidupan pokok-pokok ini”, ujar Siti pula.

“Ya, ya, Siti tepat sekali!”, balas Encik Zul. “Itulah beberapa faktor cuaca yang mempengaruhi pertumbuhan pokok-pokok. Bagaimanapun, kesan komuniti fungal inilah yang tersembunyi di bawah tanah menjadi sukar untuk diukur dan biasanya tidak dipedulikan. Tetapi, kini kajian kumpulan pakcik ini mendapati bahawa perbezaan dalam komuniti-komuniti fungal ini dikaitkan dengan lebih banyak variasi dalam pertumbuhan pokok-pokok.”

“Jadi, apakah dapatan pakcik sebenarnya?”, tanya Siti lagi.

“Saya mendapati bahawa melalui kajian terperinci dengan kumpulan pengkaji saya itu, pokok-pokok yang tumbuh paling cepat di mana fungi ektomicorrhizal ini boleh menyesuaikan dengan keadaan sekitar, didapati boleh mengeluarkan sebatian-sebatian nitrogen bukan organik, iaitu ammonium dan nitrat daripada tanah dan

memberikannya kepada pokok-pokok itu”, balas Encik Zul.

“Tetapi, bukankah nitrogen inorganik ini dijumpai dalam banyak jenis baja?”, tanya Zamani.

“Hai, anak ini memang bijak dalam sains!”, balas Encik Zul. “Betul, ia terdapat dalam banyak jenis baja dan ia merupakan bentuk nitrogen yang amat berfaedah serta penggalak pertumbuhan pokok-pokok dan tanaman-tanaman lain yang paling baik.”

(Extracted from the anthologies of short stories Cip Neurograins, copyright: John Cham, 2022)

The Role of Linguistic Factor in Translation in Relation to Hermeneutics

The linguistic oriented approach to translation finds the very essence of translation is in the basics of the linguistic concept of translation, which is the fact that the process of translation is a language act in which a text from one language is substituted with an equivalent text, from another by making that substitution in accordance with the regulations of both language systems.

Consequently, hermeneutics which is the art or method of interpreting the text can be applied by the translator according to his or her own style, whether converting the text into a fictional story or writing an essay topic about it. We can also notice the connection of three basic aspects related to hermeneutics. According to Habermas (Jurgen Habermas is a German philosopher of critical theory and pragmatism. His work addresses communicative rationality and the public sphere), who stated that basic understanding needs dialogue because understanding is a process of cooperation requiring its participants to connect with each other in real life. There are 3 aspects in this world – objective, social and subjective.

Example 2 – Concerning microbes

Microbes are organisms that are too small to be seen without using a microscope, so they include things like bacteria, archaea, and single cell eukaryotes – cells that have a nucleus, like an amoeba or a paramecium. Sometimes we call viruses microbes too.

From this scientific fact about microbes, I translated, adapted and processed it into a science fiction story. The story is adapted from my ‘*Antologi Cerpen Cip Neurograins*’ (John Cham, 2022).

Title of the Short Story: *Mikrob Mujarab* (pp. 1 & 2)

Rombongan pelajar yang datang lima belas minit tadi, sudah berada di dalam auditorium. Dr. Syed sememangnya sudah bersedia untuk menunjukkan penemuannya yang baharu itu. Setelah memperkenalkan dirinya dan pembantunya Dr. Rina, beliau terus kepada kepentingan penemuannya yang julung-julung kali berjaya dihasilkan dalam syarikat petroleum yang beliau berkhidmat itu.

Dengan menggunakan satu projektor canggih dan komputer riba, beliau menunjukkan kepada pelawat-pelawat itu dari satu skrin yang dipaparkan di hadapan dewan yang besar itu.

“Sebenarnya, kami di sini telah mengubahsuaikan sejenis mikrob supaya ia boleh menghasilkan bahan api bio dengan hanya menggunakan tiga sumber utama, iaitu karbon dioksida, cahaya dan letrik yang dikuasai oleh teknologi solar. Para pelajar semua tahu apa itu mikrob bukan?”

“Ya, doktor,” jawab seorang pelajar perempuan dari tempat duduknya, “Mikrob ialah suatu organisma saiz kecil, mungkin muncul dalam bentuk sel tunggal atau pun sel-sel berkumpulan. Mikrob ini boleh mempunyai habitat-habitat yang berlainan.”

“Er... apa nama adik?”, tanya Dr. Syed.

“Saya, Shiela”, balas perempuan itu.

“Bagus, bagus, teruskan... teruskan”, kata Dr. Syed.

“Mikrob ini sudah muncul sejak berbilion tahun lamanya dan boleh hidup di mana-mana saja termasuk padang pasir, batu-batan, lautan dalam serta dalam suhu-suhu yang panas ataupun sejuk”, jawab Shiela.

“Baiklah, apakah kegunaannya pula?”, tanya Dr. Rina.

Seorang pelajar tinggi lampai pula yang duduk di tengah-tengah auditorium itu bangun dan terus menjawab, “Mikrob penting dalam kebudayaan dan kesihatan manusia. Ia boleh menghasilkan enzim dan sebatian-sebatian aktif-bio yang lain. Mikrob ialah komponen penting di dalam tanah. Di dalam tubuh badan manusia, mikrob terdiri daripada mikrobiota manusia, termasuk flora usus yang boleh meningkatkan aspek kesihatan metabolik tertentu.”

“Wow, para pelajar semua dari jurusan sains?”, Dr. Syed mengajukan satu persoalan kepada mereka.

“Ya, doktor”, jawab segelintir pelajar.

“Baiklah, makrob juga boleh menghasilkan bahan api jenis tersebut bernama *Rhodopseudomonas pelustris* atau TIE-1. Mikrob ini telah menghasilkan suatu bahan api bio, *n*-butanol, yang merupakan bahan api alternatif neutral karbon yang boleh digunakan di dalam campuran dengan minyak diesel ataupun gasolin”, beritahu Dr. Syed.

“Hebatnya!”, getus seorang pelajar lelaki.

“Mikroorganisma ini telah mengembangkan suatu susunan teknik yang menakjubkan bagi memperoleh nutrient-nutrien daripada tempat persekitaran mereka itu”, ujar Dr. Rina pula.

“Dr. Rina ialah ketua jurutera bahagian kejuruteraan kimia dan persekitaran syarikat petroleum ini”, kata Dr. Syed, memberi pujian kepada doktor wanita itu. “Tanpa bantuan dan kajian beliau itu, sudah tentu kami tidak dapat menghasilkan jenis bahan api tersebut.”

Semua pelajar yang hadir berdiri lalu bertepuk tangan.

“Saya harap boleh jadi macam Dr. Rina”, getus seorang pelajar perempuan yang duduk di hadapan auditorium itu.

“Semua ini memerlukan kesungguhan untuk belajar,” balas Dr. Rina. “Saya juga pelajar biasa macam adik-adik semua pada satu ketika dulu tetapi dengan berkat kerajinan saya sendiri, maka saya telah memperoleh biasiswa dalam bidang kejuruteraan kimia untuk melanjutkan pelajaran saya ke United Kingdom.”

“Tahniah, Dr. Rina!”, seorang pelajar lelaki bercermin mata yang duduk di tepi auditorium turut memuji doktor itu.

“Baiklah, adik-adik semua. Ini juga penting untuk pengetahuan anda. Mikrob-mikrob yang memperoleh makanannya dalam elektrosintesis mikrob melekatkan diri masing-masing pada suatu katod yang dicas negatif dalam suatu jana kuasa elektrosintesis

mikrob supaya mereka boleh makan elektrik”, Dr. Rina menerangkan.

“Hus, makan elektrik!”, getus seorang pelajar lelaki, “benda ini bukan manusia, macam sejenis makhluk asing.”

In relation to this topic, the writer quotes the words of Pn. Ritah Yahya, Editor, *Dewan Kosmik* 2022, Dewan Bahasa & Pustaka: “*Fakta sains boleh diolah, diterjemahkan dan disesuaikan menjadikan satu cerpen fiksiyen sains yang menarik.*” So, therefore, factual scientific proofs can be used in short stories or science fiction stories to make the stories interesting to the readers. The same goes with historical facts, for example during the Malacca Sultanate, whereby many factual accounts or events that happened during that period can be adapted to create historical stories or novels.

REFERENCES

futurity.org.

John Cham (2022). (Ed.) Anthology of Short Stories- *Cip Neurograins*

TERJEMAHAN PUISI

TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
KANNAMMA (3) <i>(Original poem by Bharathiyar)</i> <i>Permeating wind O, Kannamma¹ – Musing over your love makes me ecstatic Elixir fount your lips, Moon-soaked brimming eyes, Smelted to purest gold – your body; In this world, for as long as I live – You satiate my mind, precluding distractions Transforming me into a celestial being, right here (on earth). You are my jubilant life O, Kannamma – All of my time, is in your devotion, Sorrow trails sorrow – ever since You became my treasure; Well-spring of ambrosia is my mouth – Every time I utter the name, ‘Kannamma’, O, light that swells from the flame of life My ponderings, my soul (O, Kannamma)</i>	KANNAMMA (3) (Puisi asal oleh pujangga terulung Bharathiyar) O, Kannamma² Kau laksana hembusan bayu mesra mengalun,— Dalam lamunan cinta-Mu aku menjadi berahi Bibir-Mu jiwa segala ilmu, Kelopak mata basah dalam rendaman rembulan, Tubuhmu –laksana tulen emas; Di buana ini, selama aku bernafas- Pohon fikirku lega, terhindar daripada gangguan emosi Aku menjadi insan beriman, di sini (di buana ini). Aku mengecap nikmat hidup kerana Kau, O, Kannamma, Saban detik aku berada dalam rahmat kasihmu, Sejak - duka lara menjejaki Kau semakin meninggi dalam sanubari; Aroma mulutku laksana musim bunga ambrosia yang abadi - Acap kali nama ‘Kannamma’ menari di bibirku O, Bergemerlapan sinar kehidupan (O, Kannamma), sukma berada dalam renungan lazat-Mu. Terjemahan oleh: Raja Rajeswari Seetha Raman <i>Persatuan Penterjemah Malaysia</i>

¹ Kannamma is Bharathiyar's personification of Lord Krishna as a woman. He has written several songs for Kannamma, his beloved. Kannamma is also a female name in Tamil, also used as a term of endearment for a female.

² Kannama dipersonifikasikan sebagai wanita dan Tuhan Krishna oleh pujangga terulung, Bharathiyar. Beliau pernah mencipta beberapa lagu demi Kannamma, kekasih-Nya. Kannamma merujuk nama wanita dalam bahasa Tamil, juga ucapan manis bagi wanita.

TEKS SUMBER	TEKS TERJEMAHAN
BHARATHIYAR POEMS – LIBERATION – LITTLE SPARROW (Original poem by Bharathiyar) <i>Stay liberated – Like this little sparrow In eight directions, it flies and roams, Into the air, it ascends; swims rapidly through, In measureless abundance lay, The sky awash in light, is the nectar it savors Converse felicity with the she-sparrow, in exultation; Free of affliction, build a nest Nurture the hatchling that emerges from the egg and rejoice, First feed the youngling, engulf in love From the yards of homes and open fields, Gather the grains that are found, bring home and partake; In other times, tell stories and slumber; afterward Long before dawn, sing a song and wake up.</i>	LEPAS BEBAS ANAK BURUNG PIPIT (Puisi asal oleh pujangga terulung Bharathiyar) Kekal bebas- Laksana anak burung pipit Dalam delapan haluan burung pipit melayang dan menjelajah, Terkatung-katung di udara, layang burung pipit meninggi; pantas menembusi ruang angkasa Dalam nikmat tidak tersukat Bergemerlapan sinar langit menghirup madu kelazatan Bermadahlah secara santun dan anggun dengan pasangan burung pipit; Binalah sarang dengan tidak mengganggu keselesaan Pabila anak pipit menetas, dakaplah dengan girang hati Dengan belaian kasih sayang, sajikan sajian Dari laman kediaman dan padang terbentang, Himpunkan bijiran dan bawa pulang ke sarang; Pada waktu lain, riwayatkan kisah agar selesa lena; sesudah itu Sebelum berlabuh sebuah subuh, bangkitkan dengan alunkan merdu lagu. Terjemahan oleh: Raja Rajeswari Seetha Raman <i>Persatuan Penterjemah Malaysia</i>

ULASAN BUKU: *THE GHOST WISDOM*

Raja Rajeswari Seetha Raman
Persatuan Penterjemah Malaysia

Buku motivasi berjudul *THE GHOST WISDOM* (2019) nukilan Shiju H. Pallithazheth, Presiden dan pengasas forum gergasi dunia, Motivational Strips, yang juga Presiden bersama di World Nations Writers Union (WNWU) dan Penasihat Global untuk persatuan Lasosyasyon Lar San Frontyer (LLSF) di bawah kerajaan Republik Seychelles terpilih sebagai buku Anugerah Pilihan Pembaca dan berjaya menduduki tangga pertama Amazon sebagai AMAZON BEST SELLER yang paling laris memiliki garapan artistik dan estetik yang luar biasa.

The Ghost Wisdom merupakan pendedahan dalam bentuk bisikan atau lintasan yang mendebarkan kalbu. Kunjungan lintasan maklumat atau bisikan informasi pada waktu luar biasa di destinasi berbeza dianggap sebagai bisikan mutiara paling bernilai oleh pengarang dalam perjalanan sebuah pengembaraan yang bernama kehidupan. Lintasan amanat ini memudahkan pengarang mengharungi pengembaraan di negara yang berbeza bahasa, budaya, cita rasa dan amalan kehidupan. Malahan bisikan luar biasa ini memudahkan perjalanan hidup pengarang baik di dalam negara mahupun di luar negara ketika berada di negara berbeza atas urusan rasmi atau peribadi.

Buku setebal 348 halaman dengan 11 bab menghamparkan rahsia untuk menggapai kejayaan melalui 110 bisikan kalbu yang mengekori pengarang di semua 11 destinasi yang dikunjunginya semasa pengarang melawat negara tersebut. Antara negara yang mendapat keutamaan dalam buku ini termasuklah Oman, Morocco, Shardeni Georgia, Sri Lanka, Switzerland, Republik Yunani, Sepanyol, Belgium, Prague, Perancis dan Armenia.

Bisikan kalbu yang dinamakan sebagai *Ghost Wisdom* oleh pengarang merujuk panduan dan pedoman yang diterima daripada kuasa luar biasa. Kuasa luar biasa ini boleh ditafsir sebagai gerak hati yang melontarkan maklumat secara tidak langsung melalui lintasan bisikan yang singgah tepat pada waktunya tatkala pengarang berada dalam kemusykilan. Suara-suara halus itu singgah tanpa wajah menyebabkan pengarang menamakannya sebagai lintasan ngeri atau “the Ghost.”

Bisikan kalbu yang pertama bermula di Oman, kediaman pengarang sebaik sahaja beliau memulakan pengembaraannya dan berakhir di Armenia, destinasi terakhir dalam kembara hidup beliau. Di Oman bisikan kalbu sulung mengingatkannya agar sentiasa bertindak secara bijak untuk menikmati kejayaan. Rahsia menjadi bijak tidak dicatat dalam mana-mana buku atau diperoleh melalui kelayakan akademik melainkan hanya melalui pemerhatian dan penelitian tajam akan persekitaran boleh melahirkan insan bijak. Potensi setiap insan tiada had atau batas melainkan kita menetapkan had atau mengambil keputusan untuk berehat. Jika anda tidak mengambil kehidupan secara serius maka kehidupan tidak akan menawarkan kemewahan. Sifat ingin tahu yang luar biasa amat penting untuk menggapai kejayaan. Itulah amanat yang diterima di Oman.

Di Morocco bisikan kalbu mengingatkan pengarang tentang rahsia menggenggam kejayaan. Rahsia meraih kejayaan berbeza antara individu sebab semangat mereka berbeza. Semangat membara dalam jiwa pasti menjanjikan kejayaan. Kejayaan sesebuah pasukan bergantung kepada keadaan perasaan yang sama antara anggotanya. Manusia yang berjaya mengeneipkan masalah dan berfikir tentang kaedah penyelesaian rintangan. Kejayaan bermula daripada daya fikir, terangsang oleh minat dan membuahkan hasil melalui tekad. Kejayaan merupakan kayu ukur kehidupan. Rahsia ini terlerai di Morocco.

Di Shardeni, Georgia bisikan kalbu menceritakan peri pentingnya memahami perlakuan insan. Pendekatan secara terhormat dan pengiktirafan akan menimbulkan rasa hormat sesama manusia. Melalui pemahaman persekitaran, kawalan pertuturan dan penapisan maklumat, personaliti seseorang insan terjamin. Identiti merujuk kecenderungan individu lain terhadap diri anda dan bukan andaian anda tentang diri sendiri. Manusia yang arif akan fokus pada tindakan dan mengelakkan perkara yang tidak relevan. Tanggapan anda menjadi ucapan anda. Mutiara bernilai ini dihantar melalui bisikan jiwa di Shardeni.

Di Sri Lanka, kepentingan kemahiran berkomunikasi dan interaksi dalam kalangan pemimpin menjadi pilihan bisikan. Akal merupakan benih subur dalam kemahiran memimpin. Penguasaan asas ini meningkatkan komunikasi secara berkesan antara insan. Tingkatkan keyakinan anda dengan menguasai keseimbangan antara limitasi dengan potensi. Usia tidak mentakrifkan kejayaan seseorang pemimpin melainkan pengalaman dan interaksinya dengan individu lain. Tiada manusia yang sempurna justeru, kita wajib menjadikan mereka insan yang baik. Itulah inti pati bisikan di Sri Lanka.

Di Switzerland, kaedah menangani kekeliruan dan kegelisahan diutamakan oleh bisikan. Kehidupan bukan suatu larian maraton untuk mengumpulkan kemewahan. Tinggalkan kerungsingan, tekanan dan harga kenangan. Kita boleh menjimatkan masa jika kita tidak risau akan kehidupan pada hari muka. Lupakan kenangan lama yang merunsingkan dan dakaplah masa kini demi menceriakan kehidupan anda. Terimalah kehidupan sebagai suatu cabaran yang mendedahkan pelbagai misteri. Pengalaman dan kebijaksanaan ialah asas bagi kemajuan menurut bisikan ghaib.

Di Yunani rahsia mengurangkan tekanan diterima melalui bisikan. Sesiapa yang ingin menurunkan keletihan minda wajar memanjakan dirinya. Jika proses yang salah menjadi ikutan, maka hasilnya bakal memudaratkan diri. Pada waktu tertentu tekanan perlu hadir demi mengekalkan keseimbangan tenaga dan meraih kejayaan. Kekalkan keseimbangan antara masa senggang dengan desakan demi mengawal tekanan. Ini gaya hidup terkini. Hembusan lembut ini menggerakkan hati pengarang di Yunani.

Penyelesaian kesulitan menjadi bisikan bernilai di Sepanyol. Masalah boleh diatasi jika diketahui sumbernya. Kehidupan tidak mencabar jika tiada rintangan untuk ditangani. Masalah kekal wujud jika kita khuatir untuk berhadapan dengan pertanyaan. Masalah memberi kuasa kepada minda dan membantu mengenal pasti kekuatan. Masalah emosi boleh ditangani dengan meningkatkan kecekapan minda. Hambatan berbeza melalui penyelesaian beraneka menguntungkan kita sebab wujud kepelbagaian kaedah. Manusia yang mengenal pasti masalah dihargai, manusia yang menyelesaikan masalah disanjung tinggi dan manusia yang boleh melaksanakan kedua-duanya serentak mampu menguruskan kehidupan dengan cemerlang.

Pengurusan masa menjadi pilihan bisikan di Belgium. Jika masa diuruskan dengan baik dan bijak maka kehidupan menjadi sempurna. Bermadah bisikan kalbu, kehidupan insan ada empat tahap, yakni tahap kanak-kanak, remaja, dewasa dan alam persaraan. Setiap tahap berkaitan dengan pengurusan masa. Perbezaan jurang antara generasi boleh menimbulkan salah faham, justeru wajar dirapatkan jurang mengikut peredaran masa dan perubahan teknologi.

Buah fikiran tersusun tidak terlepas daripada bisikan di Prague. Bisikan mengingatkan pengarang untuk melipatgandakan pemikiran dan menghadkan keputusan. Pemikiran wajar jernih laksana air mengalir. Semakin jernih, semakin luas aliran fikiran. Fikiran melingkari insan bagai bayang-bayang untuk menggapai kemajuan. Azam melebarkan keberanian dalam perjalanan hidup seorang insan.

Amarah mengusir pertimbangan secara waras dan dengki mencemarkan proses pemikiran. Jika kedua-dua bergabung, karut membangkit dan menyusahkan individu di tempat awam. Andaian menjadi punca kepada semua kekeliruan. Memanfaatkan pemikiran berkualiti ibarat memecahkan sebiji telur, mengeluarkan kuning telur tanpa merosakkan telur tersebut. Amat mudah memecahkan telur sebiji tetapi tidak mudah untuk memisahkan kuning telur kerana usaha ini menuntut ketelitian dan keprihatinan yang tinggi. Bisikan panjang ini diterima di Prague.

Keutamaan cinta tulen menjadi rahsia bisikan di Perancis. Bisikan mengingatkan kita bahawa cinta ialah persahabatan akrab antara dua sukma. Cinta sejati hanya wujud sekali dalam hidup sementara cinta lain hanya hubungan persahabatan atau persaudaraan. Jika bernama cinta tulen maka perlu menyokong pasangan hidup dalam semua keadaan sama ada pada waktu suka atau duka dan bukan sekadar melafazkan bahasa berbunga sahaja.

Cinta memiliki kekuatan luar biasa apabila pasangan saling menghargai kehadiran tanpa menunjukkan kekuasaan. Jika anda dicintai maka anda mendapat tenaga ajaib yang mengatasi kekuatan fizikal. Cinta semakin akrab apabila fikiran dikongsi secara ikhlas tanpa memutarbelitkan fakta. Persengketaan atau perasaan cemburu adalah sesuatu yang lumrah antara pasangan namun ikatan cinta tidak terlerai jika kita jujur dan ikhlas. Jika perasaan cinta dikongsi dengan insan lain selain pasangan hidup, maka itu hanya berahi dan bukannya cinta. Kecerdasan emosi boleh menghidupkan cinta secara abadi. Di Perancis bisikan agak romantik.

Peleraian emosi di Armenia meleraikan kemusykilan yang bersarang dalam minda pengarang dan berakhir desakan hati atau bisikan kalbu yang mengekori pengembaraan pengarang dari Oman. Armenia juga merupakan destinasi terakhir pengarang dalam pengembaraan. Di sini bisikan kalbu menggariskan 13 faktor yang menyebabkan wujudnya perselisihan atau persengketaan antara pasangan termasuklah cabaran remeh-temeh, komunikasi yang salah, ego, dengki, kurang mendapat perhatian, cabaran utama dalam hidup, bantahan daripada ibu bapa, kecurangan, penipuan, ketidakstabilan dari segi ekonomi, cabaran luar biasa, tahap kesihatan yang kurang baik dan kehilangan pasangan hidup.

Dengan hanya melepaskan tekanan tiada sinar dalam kehidupan melainkan dibina semula pemikiran baharu. Tiada ruang untuk bahagia dalam hidup jika sering berfokus pada kesudahan dan bukan permulaan. Jika kebebasan peribadi dihalang maka moral akan menyimpang. Punca utama manusia murung kerana tidak berupaya mengawal kehidupan tanpa menyedari bahawa kehidupan sebuah pengembaraan yang tidak boleh dikawal perjalanannya. Dengan mengubah persekitaran kemurungan dapat dikurangkan. Wang ringgit tidak boleh membeli emosi tetapi jika hidup kita seimbang maka kita boleh memperoleh kedua-duanya, yakni kebahagiaan dan kemewahan.

Pengarang mengakhiri kisah pengembaraannya secara positif di Armenia sesudah menerima bisikan mutiara daripada pengiring setia bernama “Ghost” di semua lokasi yang dikunjungi. Kebijaksanaan pandangan yang muncul secara mendadak laksana imbasan pada saat yang tidak diduga dianggap sebagai sesuatu yang mengharukan justeru digelar “ghost wisdom”.

Di semua negara yang dikunjungi, bisikan tersebut hadir dan meleraikan kemusykilan pengarang. Memandangkan bisikan kalbu atau lintasan amanat itu hadir pada waktu luar biasa dan mesejnya singkat dan samar maka pengarang mencatatnya dalam telefon bimbit sebaik sahaja menerima mesej tersebut, mentafsirkan dan meneruskan pengembaraannya.

Secara simbolik, setiap negara, setiap manusia dan setiap suasana yang dipilih mendedahkan citra dan rona manusia dalam fasa berbeza sebab setiap lokasi memiliki insani, situasi dan kondisi yang berbeza yang wajar diharungi demi menikmati manis sebuah kejayaan dalam apa-apa bidang yang menjadi pilihan jiwa. Prinsipnya sama meskipun nada rintangan berbeza.

Di setiap lokasi diselitkan pertanyaan retorik tentang hakikat kelahiran insan, kewujudan rintangan dan kemanisan mengharungi ujian kehidupan. Bahasanya jernih dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Dalam setiap bab diselitkan kata-kata hikmah yang dicipta oleh pengarang, larik-larik puisi boleh ditemukan di tempat tertentu dan naskhah ini terhasil daripada konsep “feel analysis” yang dicipta oleh beliau demi menjalin keakraban antara pembaca dengan pengarang sastera. Sebelum manuskrip ini dicetak, pengarang mengirim manuskrip tersebut kepada beberapa orang responden untuk mendapatkan respons mereka. Berdasarkan maklumat daripada responden, perubahan dilakukan dengan teliti sebelum manuskrip dikirim kepada pencetak agar bisikan kalbu yang diterima secara peribadi menjadi suara global dan warga dunia memperoleh manfaat daripada bisikan yang sarat hikmah. Kelainan segar ini menyebabkan buku ini mendahului naskhah lain dan kekal laris di Amazon.com. sehingga kini.

Buku motivasi ini wajib dibaca oleh individu dalam semua lapangan yang ingin menggapai kejayaan berkekalan. Tanpa motivasi sendiri sukar untuk mengharungi rintangan di dunia yang subur onak dan duri di setiap stesen atau fasa kehidupan. Akhir kata, tahniah kepada pengarang atas kejayaan buku *The Ghost Wisdom* dan semoga buku ini menawarkan nikmat dan rahmat dalam mengharungi sebuah perjalanan bernama kehidupan di dunia fana ini.

LAPORAN AKTIVITI
PERSATUAN PENTERJEMAH MALAYSIA
JANUARI HINGGA DISEMBER 2022

PERSIDANGAN PENTERJEMAHAN ANTARABANGSA KE-19 (PPA-19, 2023)

Bermula pada Julai 2022, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan sebagai persediaan untuk menjayakan Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-19 (PPA-19, 2023). Pada kali ini, tuan rumah persidangan ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia merupakan penganjur bersama tetap persidangan ini. Pada kali ini, Persekutuan Orang Pekak Malaysia telah dijemput sebagai rakan kerjasama PPA-19, dengan menyediakan khidmat Jurubahasa Isyarat Malaysia (BIM) pada sepanjang persidangan bersama-sama dengan khidmat jurubahasa serentak dan berturutan yang akan berkhidmat seperti biasa. Tema persidangan kali ini ialah “Penterjemahan Global untuk Kesejahteraan Sejagat” (Global Translation for Rahmatan’Lil’ Alamin). Persidangan ini akan diadakan pada 24-26 Mei 2023, bertempat di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur. Bahasa pengantara yang akan digunakan ialah bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab, dan pihak penganjur sangat mengalu-alukan penyertaan semua sama ada sebagai pembentang ataupun peserta persidangan.

KURSUS PENTERJEMAHAN DIPLOMA PROFESIONAL PPM-DBP

Lima (5) Kursus Penterjemahan Diploma Profesional PPM-DBP telah berjaya dilaksanakan pada tahun ini. Senarai kursus adalah seperti yang berikut:

1	Kursus Penterjemahan Sesi Biasa Modul Komunikasi 1/2022 Tarikh : 26 Februari – 17 Ogos 2022 Mod : Dalam Talian (Google Meet) Bilangan Peserta : 31 orang Tarikh Peperiksaan : 1 & 2 Oktober 2022
2	Kursus Penterjemahan Sesi Biasa Modul Komunikasi 2/2022 Tarikh : 18 Jun – 12 November 2022 Mod : Dalam Talian (Google Meet) Bilangan Peserta : 39 orang Tarikh Peperiksaan : 7 & 8 Januari 2023
3	Kursus Penterjemahan Sesi Khas Modul Komunikasi 3/2022 (USIM) Tarikh : 18 Julai – 1 Ogos 2022 Tempat : Hibrid (dalam talian – Teori) Fakulti Syariah Undang-undang, USIM (Amali) Bilangan Peserta : 40 orang Tarikh Peperiksaan : 2 & 3 Ogos 2022

4	Kursus Penterjemahan Sesi Biasa Modul Komunikasi 4/2022 Tarikh : 15 Oktober 2022 – 15 April 2023 Mod : Dalam Talian (Google Meet) Bilangan Peserta : 37 orang) (Kursus sedang berlangsung)
5	Kursus Penterjemahan Sesi Khas Modul Komunikasi 5/2022 (KUIPs) Tarikh : 16 Oktober 2021 - 12 Mac 2022 Mod : Dalam Talian Bilangan Peserta : 23 orang Tarikh Peperiksaan : 14 November 2022

KURSUS JANGKA PENDEK

i. Kursus Bina Kerjaya sebagai Penterjemah Profesional

Kursus Bina Kerjaya sebagai Penterjemah Profesional ini telah diadakan dengan jayanya pada 28 – 29 Mei 2022 (Sabtu & Ahad) secara dalam talian. Kursus ini dibimbing oleh Puan Rosidah Mohamad dan Puan Shakirah Md. Zain. Kursus ini dihadiri oleh 12 orang peserta (1 ahli PPM dan 11 orang awam). Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada peserta tentang ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang penterjemah profesional dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjadi seorang penterjemah profesional yang berwibawa. Peserta juga memperoleh pengetahuan tentang cara-cara untuk membuat *project tracker*, memahami kontrak projek terjemahan, penyediaan inoivis, resit, tatacara berkomunikasi dengan pelanggan dan lain-lain.

ii. Kursus Penyediaan Sari Kata

Kursus Penyediaan Sari Kata telah diadakan pada 11 – 12 Jun 2022 (Sabtu & Ahad) secara dalam talian. Kursus ini dibimbing oleh dua (2) orang tenaga pengajar, iaitu Dr. Hasuria Che Omar dan Puan Rohaya Ngah. Kursus ini dihadiri oleh seramai 17 peserta yang majoritinya terdiri daripada peserta bukan ahli PPM. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memperkenalkan prinsip asas penyediaan sari kata, pendekatan yang berkaitan serta teknik-teknik penarikatan yang boleh diaplikasikan dalam kerja-kerja penterjemah/penyari kata.

JURNAL PENTERJEMAH 2021 & 2022

Jawatankuasa Penerbitan bagi Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) terbahagi kepada dua, iaitu penerbitan jurnal dan penerbitan bukan jurnal (termasuk laman web, brosur dan perkara lain yang berkaitan). Laman web PPM sentiasa diberi status terkini melalui Facebook dan ahli serta pihak lain dapat menjejak maklumat tentang PPM dan aktiviti persatuan melalui media ini. Sementara itu, Jurnal Penterjemah pula ialah penerbitan berkala. Fungsi Jurnal Penterjemah adalah menerbitkan makalah dan ulasan buku berkaitan dengan terjemahan, menyediakan laporan aktiviti PPM dan perkongsian lain termasuk makluman dan menguar-uarkan tentang seminar dan persidangan terjemahan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi tahun 2022, Sidang Editor Jurnal Penterjemah telah berjaya menghasilkan penerbitan jurnal bagi tahun 2021, yang telah dimuat naik dalam laman sesawang PPM, disusuli dengan edisi bercetak untuk semua ahlinya. Edisi Jurnal 2022 akan diterbitkan pada awal Januari 2022 (dalam bentuk digital dan juga bercetak). Penerbitan edisi 2022 ini merupakan inisiatif pihak Sekretariat PPM, yang diketuai oleh Setiausaha Kehormat, Puan Saodah Abdullah yang mencadangkan kerjasama dengan penganjur bersama Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18, 2021 (PPA18, 2021), iaitu Universiti Teknologi MARA, dengan memuatkan makalah-makalah yang telah dinaik taraf daripada kertas kerja terpilih PPA-18, 2021.

Jawatankuasa Jurnal Penterjemah sedang mengusahakan agar jurnal ini mendapat taraf MyCite pada tahun hadapan bagi membolehkan makalah yang diterbitkan mendapat merit akademik yang lebih tinggi. Dengan memperoleh status berindeks MyCite ini, diharapkan lebih banyak makalah dapat dikumpul pada tahun-tahun seterusnya, yang pastinya akan menarik lebih ramai penyelidik, para akademik, dan pelajar untuk menghantar makalah mereka, yang tentunya akan menyumbang mata kepada KPI tahunan mereka. Sumbangan daripada pengamal juga masih terus dialu-alukan agar perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam bentuk penulisan ini menjadi budaya tinggi yang perlu diamalkan dan dihargai dalam dunia penterjemahan secara umumnya.

Selain penerbitan Jurnal, Prosiding Persidangan PPA-18, 2021 turut berjaya diterbitkan pada September 2022. Prosiding ini telah diterbitkan secara bersama oleh PPM dan UiTM selaku penganjur bersama PPA-18, dengan tema Peranan Penterjemahan dalam Mewujudkan Kemakmuran Kesejahteraan Global. Hanya kertas kerja yang terpilih sahaja telah diterbitkan dalam prosiding ini, manakala sebilangan lagi kertas kerja diterbitkan sebagai makalah dalam Jurnal Penterjemah Edisi 2022.

DIALOG PENTERJEMAH BEBAS III

Pada tahun 2022, Jawatankuasa Forum, Syarahan dan Bengkel (JKFSB) telah mengadakan satu Dialog Penterjemah Bebas III pada 1 Oktober 2022 (Sabtu) bersempena dengan Hari Terjemahan Antarabangsa. Majlis ini diadakan di Balai Seminar Tun Hamdan Sheikh Tahir, Aras 6, Wisma DBP dan telah dihadiri seramai 47 peserta. Sesi dialog ini telah dipengerusikan oleh Dr. Hasuria Che Omar dan Tuan Muhammad Razin Ong Abdullah telah dijemput sebagai wakil Penterjemah Bebas daripada PPM.

Antara beberapa topik yang dikongsikan dalam sesi dialog ini ialah:

- i. Penguasaan teknologi oleh penterjemah.
- ii. Penyimpanan data pelanggan untuk kegunaan masa hadapan.
- iii. Kadar bayaran perkhidmatan untuk tugas penyuntingan dan pembacaan prof.
- iv. Kadar bayaran untuk tugas kejurubahasaan.
- v. Penerbitan jurnal penterjemah, sesi perkongsian kerja dan pengalaman penterjemah.
- vi. Kursus penterjemahan untuk bakal penterjemah dan kursus-kursus nilai tambah untuk penterjemah dan jurubahasa.
- vii. Pengumpulan Mata Pembangunan Profesional Berterusan (Continuous Professional Development, CPD) untuk kemajuan kerjaya hakiki.
- viii. Keprihatinan penterjemah dengan penggunaan bahasa dalam dokumen organisasi komersial besar di Malaysia.
- ix. Penghargaan kepada Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM).

HAL EHWAL ANTARABANGSA

International Federation of Translators (IFT-FIT)

Mesyuarat Kongres Statutori FIT telah diadakan pada 30 & 31 Mei PPM di Varadero, Cuba, dan telah dihadiri oleh Profesor Madya Dr. Salinah Jaafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan dan Hal Ehwal Antarabangsa dan Puan Maria Salim sebagai wakil PPM. Kongres ini menghimpunkan sebahagian besar persatuan terjemahan di seluruh dunia dan diikuti dengan Kongres FIT Sedunia yang berlangsung dari 1 – 3 Jun 2022. Laporan lengkap dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh didapati dalam laman web PPM.

PPM sebagai ahli FIT/IFT, dan Presiden PPM sebagai ahli majlis APTIF, sentiasa mendapat maklumat berkenaan dengan persidangan, forum dan seminar dalam bidang penterjemahan dan interpretasi yang dianjurkan di peringkat antarabangsa oleh ahli-ahli yang lain. JK Perhubungan dan Hal Ehwal Antarabangsa PPM akan sentiasa berusaha untuk menjalinkan hubungan dengan para penterjemah dari negara lain melalui pelbagai cara termasuk melalui laman sosial. PPM juga berusaha untuk melibatkan kerjasama dengan persatuan penterjemah serantau bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam dunia terjemahan.

Senarai persidangan antarabangsa dalam bidang terjemahan dan interpretasi bagi tahun 2023 boleh didapati di <https://conferenceindex.org/conferences/translation>.

Selain itu, PPM yang dibarisi oleh Jawatankuasa Akreditasi juga telah bertemu secara dalam talian dengan pihak National Accreditation Authority for Translators and Interpreters (NAATI), Australia dan Himpunan Penterjemah Indonesia (HPI) untuk bertukar pandangan, serta mendapatkan panduan dan langkah-langkah pengiktirafan/pentauliahan dalam industri terjemahan di Malaysia khususnya untuk PPM.

LATIHAN INDUSTRI DI PPM BAGI TEMPOH 2022

Bil.	Sesi	Nama Pelajar
1.	Sesi November 2021 – Januari 2022	• Sdr. Musyahirah Mustaffa (UiTM) • Sdr. Difazirin Ahmad Rashid (UiTM) • Sdr. Shalfareez Sharif (UiTM) • Sdr. Nur Ainun Mansol (MSU)
2.	Sesi Mac – Jun 2022	• Sdr. Linapriya Krisnamorty Naied (MSU) • Sdr. Nur A'in Mohd Zabidi (MSU) • Sdr. Azamuddin Roslan (UiTM)
3.	Sesi April – Jun 2022	• Sdr. Dian Suraya Fadil (UiTM)
4.	Sesi Jun – September 2022	• Sdr. Muhammad Arief Mohd Arshad (MSU) • Sdr. Amanda Joan Jason J A Majimbun (MSU)
5.	Sesi Julai – September 2022	• Sdr. Syazwan Abu Bakar (UIA) • Sdr. Iman Sofeah Hisham (UIA) • Sdr. Nurul Rifqah Syazwina Abdul Mutalib (UIA) • Sdr. Athilah Iman Badrul Hisham (UIA)
6.	Sesi Oktober 2022 – Mac 2023	• Sdr. Siti Lorena Hanafi (UPM)
7.	Sesi November 2022 – Februari 2023	• Sdr. Mishalini a/p Pushpanathan (MSU) • Sdr. Nurul Iman binti Hamzah (MSU)

PELAJAR TERBAIK PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA (TERJEMAHAN & INTERPRETASI) USM - 2022

PPM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Saudari Alya Afina binti Juha yang dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Tahun Akhir Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Terjemahan dengan Interpretasi) di USM bagi tahun 2022. Sijil penghargaan dan hadiah tunai telah disediakan oleh PPM untuk pelajar yang terpilih ini. Syabas!

UNDANGAN MAKALAH UNTUK JURNAL PENTERJEMAH

PANDUAN KEPADA PEMAKALAH

Jurnal Persatuan Penterjemah Malaysia, iaitu Jurnal Penterjemah menjemput pemakalah menyumbang untuk penerbitan yang berkaitan dengan terjemahan dan subbidangnya. Makalah perlu mengambil kira garis panduan umum seperti berikut:

1. Semua makalah yang dipertimbangkan mestilah makalah asal yang belum diterbitkan.
2. Penyerahan makalah adalah dalam bentuk salinan lembut dan boleh dikirim ke Persatuan Penterjemah Malaysia (terjemah1@gmail.com).
3. Makalah boleh ditulis sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan mesti disertakan abstrak dan kata kunci. Makalah dalam bahasa Melayu perlu mempunyai abstrak dan kata kunci dalam bahasa Inggeris.
4. Setiap makalah boleh mempunyai tidak lebih daripada tiga nama penulis bersama.
5. Nama pengarang, tahun dan nama penerbit perlu disertakan dalam rujukan.
6. Ulasan buku dan pengumuman tentang penerbitan terkini dalam bidang penterjemahan turut dialu-alukan.
7. Panjang makalah hendaklah tidak melebihi 12 000 patah perkataan, termasuk abstrak, rujukan, rajah dan jadual, manakala ulasan buku pula tidak boleh melebihi 5000 patah perkataan.
8. Semua manuskrip akan dinilai (peer reviewed) oleh pewasit yang dilantik, dan komen akan diberikan kepada penulis agar pembetulan dapat dibuat dengan sewajarnya sebelum makalah dihantar semula untuk penerbitan.

GUIDELINES FOR SUBMISSION OF ARTICLES

The journal of the Malaysian Translators Association, i.e Jurnal Penterjemah invites papers for publication relating to translation and its sub-fields. Contributors may consider the following general guidelines:

1. *All articles submitted must be original materials not under consideration or published elsewhere.*
2. *Submission must be in softcopy and may be sent via e-mail to the Malaysian Translators Association (terjemah1@gmail.com).*
3. *Articles may be written in bahasa Melayu or English and must include an abstract and key words. Articles in bahasa Melayu must also be accompanied with an abstract and key words in English.*
4. *Each article may bear the name of not more than 3 co-authors.*

5. *Author, date and name of publication should be provided for all quotations.*
6. *Book commentary and announcement of new publications are also welcomed.*
7. *The length of the articles should not exceed 12 000 words, including abstract, references, diagrams and tables, whilst book commentary is limited to 5000 words.*
8. *All manuscripts will be refereed (peer reviewed) by the appointed assessor, and comments/suggestions by the assessor need to be considered before resubmitting the article for publication.*

SIDANG REDAKSI/EDITORIAL BOARD

